



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali (Kinabatangan) [Ruangan 6061]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6061]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6121]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2)
[Ruangan 6121]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B.27 [Ruangan 6202]

Jadual Kedua:

Maksud B.7 dan B.10 [Ruangan 6134]

Maksud B.20 [Ruangan 6196]

Maksud B.25 [Ruangan 6202]

Maksud B.27 [Ruangan 6202]

KANDUNGANNYA (samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1989 [Ruangan 6121]

Jawatankuasa—

Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 6134]

Maksud P.14 [Ruangan 6189]

Maksud P.17 [Ruangan 6194]

Maksud P.19 [Ruangan 6194]

Maksud P.20 [Ruangan 6196]

Maksud P.21 [Ruangan 6201]

Maksud P.26 [Ruangan 6202]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar)
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 24hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN
TIMBALAN
YANG DI-PERTUACUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali, Ahli Parlimen bagi Kawasan Kinabatangan dari 23hb Oktober hingga tamat persidangan Penggal Ketiga ini.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANGAJI PEKERJA DAN SYARAT
PERKHIDMATAN—DASAR
KERAJAAN

1. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Buruh menyatakan apakah dasar-dasar

Kerajaan berkenaan dengan gaji pekerja bagi semua bidang pekerjaan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, secara am, di sektor swasta majikan dan pekerja diberi kebebasan untuk berunding bagi tujuan menetapkan kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan. Di mana wujudnya kesatuan sekerja, penetapan gaji biasanya dilakukan melalui perundingan bersama (collective bargaining) di antara pihak majikan dan pihak pekerja. Jika kedua-dua pihak tersebut menghadapi masalah atau gagal dalam mencapai persetujuan melalui perundingan, Kementerian Buruh akan menjalankan "conciliation" dan jika usaha itu juga gagal, pertikaian itu akan dirujuk untuk penyelesaian oleh Mahkamah Perusahaan.

Bagi sektor-sektor pekerjaan tertentu di mana proses perundingan tidak dapat dijalankan secara berkesan, Kerajaan telah menyediakan satu jentera khas di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 untuk menetapkan gaji minima bagi pekerja-pekerja berkenaan.

Setakat ini 5 buah Majlis Penetapan Gaji telah ditubuhkan di bawah Akta ini dan golongan-golongan pekerja yang diliputi adalah seperti berikut:

- (i) pembantu-pembantu kedai di Semenanjung Malaysia;
- (ii) pembantu-pembantu kedai di Sarawak;

- (iii) pekerja-pekerja hotel dan perhidangan;
- (iv) pekerja-pekerja pawagam; dan
- (v) pekerja-pekerja pemungkah kapal dan pengendali muatan kapal di Pulau Pinang.

Di sektor awam pula dasar penetapan gaji adalah seperti yang dijelaskan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Gaji 1976 dan keputusan-keputusan yang dibuat kemudiannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sungguhpun Yang Berhormat tadi telah menerangkan beberapa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan berkenaan dasar-dasar Kerajaan mengenai hal gaji, tetapi di sini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa terdapat sebilangan pekerja-pekerja di negara kita yang masih menghadapi eksploitasi oleh pihak majikan yang tidak bertanggungjawab mengenai aspek gaji. Adakah Kerajaan bercadang pada dasarnya atau pada prinsipnya mengatasi masalah ini dengan memperkenalkan satu gaji sara hidup yang asas atau, dengan izin, "a basic living wage" untuk semua jenis pekerja di negara kita?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa ada sektor-sektor dalam ekonomi kita yang masih lagi lemah kerana pembekalan pekerja pada masa ini adalah lebih daripada permintaan di tempat-tempat seperti itu atau pekerja-pekerja itu tidak mempunyai apa jua kemahiran atau pengalaman dan taraf pendidikan mereka juga kurang. Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengadakan satu "basic living wage" di seluruh tanahair kita kerana keadaan dalam pasaran buruh masih lagi berkembang dan kita harus membenarkan perkembangan itu berlaku demi kemajuan negara kita.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh mengenai dasar-dasar Kerajaan berkaitan dengan gaji pekerja. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu kenyataan bahawa pekerja-pekerja Malaysia agak memilih pekerjaan sehingga dalam industri pembinaan sungguhpun gaji sehari adalah lebih daripada \$50 sehari, tidak ada rakyat Malaysia yang mahu bekerja dalam industri pembinaan. Di sini saya hendak tahu sama ada ini adakah dasar Kerajaan untuk mencari atau memberitahu pekerja-pekerja di negara kita di manakah pekerjaan-pekerjaan yang menawarkan lebih daripada \$50 sehari kerana sebagaimana yang saya tahu tidak ada sebarang syarikat yang menawarkan \$50 gaji sehari. Kalau boleh, saya rasa ini akan dapat menyelesaikan masalah pengangguran di negara kita supaya dapat menghalang rakyat kita sendiri yang terpaksa pergi ke negara lain untuk mencari kerja.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Kota Melaka itu amat terkeliru kerana umpama-umpama yang disebutkan itu terkeliru. Apa yang dibincangkan pada permulaannya ialah mengenai sektor pembinaan kemudian ditanya pula mengenai \$50 di syarikat-syarikat, kilang-kilang dan sebagainya. Saya rasa adalah betul dan benar bahawa di sektor pembinaan kita atau construction industry, banyak peluang-pekerjaan yang tidak diambil oleh rakyat kita sendiri oleh kerana beberapa sebab tetapi bukan kerana gajinya rendah atau murah, gajinya saya rasa munasabah dan bukan betul juga bahawa semua pekerja kita yang berhijrah ke negara-negara yang lain untuk mencari pendapatan yang lebih. Ada orang pergi ke Singapura bekerja dalam bidang pembinaan yang lebih kurang mendapat pendapatan dalam real terms dengan gaji yang boleh didapati di Kuala Lumpur. Tetapi penghijrahan itu sendiri menjadi

penarikan. Kita sentiasa cuba menghebahkan maklumat tentang pasaran buruh pada tiap-tiap bulan, kita mengadakan pengeluaran melalui media massa, radio, perbincangan di pejabat-pejabat pekerjaan dan pergi masuk ke kampung-kampung untuk membincangkan peluang-peluang pekerjaan. Pihak syarikat juga dibawa masuk untuk menunjukkan apa yang ditawarkan dan sebagainya, dan terpulanglah, kepada pekerja-pekerja kita untuk memilih peluang-peluang itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Lau Dak Kee tidak hadir).

POLARISASI AGAMA

3. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed minta Perdana Menteri menyatakan polarisasi agama adalah satu perkara yang serius dan telah banyak menimbulkan perpecahan. Adakah Kerajaan sedar merebaknya keadaan ini menjadi wabak ialah dengan membiarkan orang-orang yang tidak mempunyai "AUTHORITY" berceramah dan berkhotbah dalam perkara agama. Di antaranya pula ada yang memang benar-benar berminat. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan kursus intensif kepada mereka-mereka ini supaya sumbangan dan khidmat mereka dapat dimanfaatkan dan diselamatkan daripada menyeleweng dan songsang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar bahawa negara ini sedang dilanda oleh wabak polarisasi agama.

Mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Majlis Agama Islam Negeri adalah pihak berkuasa yang

bertanggungjawab dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri-negeri yang berkenaan. Enakmen tersebut ada memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan mengajar apa-apa pengajaran agama tanpa sebarang surat kebenaran daripada ketua agama kecuali mengajar di rumah sendiri untuk keluarganya sahaja. Oleh itu, soal orang-orang yang berceramah dan berkhotbah tidak mempunyai "authority" adalah tidak timbul.

Kerajaan sentiasa mengadakan kursus-kursus latihan kepada pendakwah-pendakwah iaitu dalam bentuk seminar, bengkel dan kursus di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa mereka yakin tidak wujud keadaan di mana individu ataupun kumpulan bebas mengajarkan bermacam-macam ajaran agama di negara kita ini. Tetapi yang mungkin berlaku ialah di luar daripada keberkesanan pihak Kerajaan untuk mengesan adanya aktiviti-aktiviti pengajaran agama yang berlainan ini berlaku mungkin wujudnya mereka yang tidak boleh dikesan oleh Kerajaan yang menimbulkan bermacam-macam masalah. Jadi masalah yang timbul akibat saya rasa disebabkan oleh mereka ini wujud. Bagaimanakah pihak Kerajaan meneliti, mengkaji dan menyelidiki wujudnya kumpulan-kumpulan ataupun individu yang dengan bebas tanpa diketahui oleh pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menjalankan aktiviti seumpama ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat Jawatankuasa Qariah, Kerajaan melantik imam-imam dan ahli-ahli Jawatankuasa Qariah untuk mentadbir satu Qariah.

Di daerah Kerajaan melantik kadi untuk menjaga, mengawal dan menyelia kegiatan agama di peringkat daerah. Sebarang kegiatan yang berlaku di peringkat Qariah hendaklah dilaporkan oleh imam atau Jawatankuasa Qariah berkenaan kepada tuan kadi daerah untuk disiasat oleh pihak jabatan ataupun Majlis Hal Ehwal Agama Islam bagi negeri-negeri. Ini adalah proses biasa yang berlaku. Saya tidak yakin bahawa adanya kegiatan-kegiatan yang tidak boleh dikesan kerana kalau sekiranya berlaku di sebuah kampung sudah pasti sekurang-kurangnya ahli masyarakat tahu atau pengerusi JKKK kampung berkenaan tahu dan mereka ini dipertanggungjawabkan untuk melaporkan kepada pihak Kerajaan bagi siasatan dan tindakan lanjut.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah panel iaitu Malaysian Religious Council yang mana panel ini terdiri daripada semua anggota keagamaan dalam Malaysia supaya keagamaan dalam negara ini tidak dipolarisasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan ianya juga menjadi suatu integrasi keagamaan yang lebih sihat dalam negara ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidaklah bercadang untuk menubuhkan panel Religious Council ini kerana kegiatan keagamaan adalah dibendung ataupun diletakkan di bawah Perlembagaan di mana setiap kaum, bangsa dan agama dijamin mengikut Perlembagaan negara.

MISSI GALAKAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah dan kejayaan rombongan perdagangan

Malaysia sepanjang tahun 1988-1989. Sebutkan jenis bidang pelaburan yang terlibat dan jumlah ekuiti luar serta tempatan.

25-10-89

30. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah permohonan untuk melabur di Malaysia oleh pelabur-pelabur asing diterima dan berapakah yang telah diluluskan. Negara manakah yang terbanyak sekali memohon dan apakah kemudahan atau bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada pelabur-pelabur.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat berkenaan bersama dengan soalan Yang Berhormat Ahli dari Kimanis yang dijadualkan pada 25hb Oktober 1989 sekaligus kerana jawapan kepada soalan-soalan berkenaan adalah saling berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1988 sahaja pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menganjurkan sepuluh misi penggalakan perdagangan dan pelaburan. Daripada jumlah tersebut empat misi terdiri dari misi bersama perdagangan dan pelaburan, sementara bakinya terdiri daripada tiga misi pelaburan dan 3 misi perdagangan yang telah diadakan secara berasingan. Untuk tempoh Januari hingga Oktober 1989, cuma empat misi bersama penggalakan perdagangan pelaburan sahaja telah dianjurkan.

Matlamat misi-misi berkenaan adalah untuk mempertingkatkan lagi eksport negara dengan meninjau peluang-peluang pasaran baru untuk barangan keluaran Malaysia. Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk menentukan ciri-ciri pasaran di

sebuah negara yang dilawati dan juga untuk mewujudkan perhubungan di antara peniaga tempatan dengan peniaga asing.

Dari misi-misi tersebut, jualan sah pada masa itu juga ataupun dengan izin, on the spot sales, sebanyak \$164 juta telah berjaya dibuat.

Tindakan susulan yang diambil oleh tiap-tiap ahli rombongan selepas mengikuti misi-misi tersebut telah mendatangkan jualan tambahan kepada barang-barang yang digalakkan dan ianya telah membantu menjayakan matlamat misi-misi tersebut untuk meningkatkan prestasi eksport Malaysia.

Dari segi pelaburan pula \$853 juta jangkaan pelaburan telah berjaya dirundingkan.

Secara keseluruhannya kesan positif misi-misi galakan pelaburan berkenaan dapat juga dilihat melalui jumlah ekuiti asing yang semakin meningkat iaitu daripada \$2,249.5 juta bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun 1988 ke \$2,859.5 juta bagi tempoh yang sama tahun 1989. Keadaan yang sama didapati juga bagi jumlah ekuiti tempatan, yang mana ianya meningkat daripada \$1,258.6 juta bagi tempoh Januari hingga Ogos 1988 kepada \$1,637.1 juta bagi tempoh yang sama dalam tahun 1989.

Dari segi pelaburan pula, antara Januari hingga Ogos 1989 sejumlah 545 bilangan permohonan telah diterima yang melibatkan sumber pelaburan asing bernilai \$8,256.3 juta dan sumber pelaburan tempatan yang bernilai \$5,036.0 juta.

Dalam tempoh yang sama itu juga sebanyak 865 projek perkilangan telah diluluskan. Projek ini telah melibatkan modal pelaburan asing sebanyak \$6,101.5 juta dan modal pelaburan tempatan sebanyak \$2,122.6 juta.

Dari segi bilangan, pelabur-pelabur dari Taiwan adalah merupakan bilangan pelabur yang terbesar yang telah mengemukakan permohonan untuk mendirikan kilang-kilang di Malaysia iaitu sebanyak 119 projek diikuti oleh pelabur-pelabur Singapura sebanyak 112 projek dan Jepun, 76 projek. Walau bagaimanapun dari segi nilai modal pelaburan, pelabur-pelabur Jepun (M\$3,122.9 juta) merupakan negara yang terbesar diikuti dengan Taiwan sebanyak M\$1,299.5 juta, Belanda (M\$1,173.5 juta) dan juga Singapura (M\$415.4 juta). Pecahan pelaburan mengikut industri adalah antara lain seperti berikut:

	<i>Juta</i> \$
Barang-barang Elektrik dan Elektronik	970.9
Kimia dan Barang-barang Kimia	523.6
Petroleum dan Arang Batu	331.2
Barang-barang Logam yang dibentuk	146.6
Kayu dan Barang-barang Kayu	83.8

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan dan infrastruktur dan juga menawarkan pelbagai galakan pelaburan seperti Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan dan insentif-insentif eksport kepada para pelabur yang melabur di Malaysia, termasuklah pelabur tempatan. Kerajaan telah juga memperkemaskan lagi beberapa polisi dan prosidur pentadbiran yang terlibat di dalam penubuhan projek-projek perkilangan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan, daripada angka yang disebutkan tadi mengenai jangkaan pelaburan yang beribu-ribu juta ringgit, saya pun tidak sempat hendak mengikut sebab banyak sangat beribu-ribu juta ini tetapi yang saya hendak tahu dari segi jumlah pelaburan yang datang sebenarnya sebab kita sentiasa baca dalam

suratkhabar bila Menteri pergi melawat ataupun mengadakan misi pelaburan balik ke Lapanganterbang Subang, ada press conference \$500 juta akan datang, \$200 juta akan datang. Yang pernah juga sekali sekala tanda tetapi alih-alih saya tengok tidak ada pun, dijangka satu atau dua negeri. Yang saya hendak tahu kalau boleh diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan jumlah pelaburan yang masuk dengan sebenarnya dalam negara kita sepanjang tahun 1988 ataupun 1989, secara khusus bukan jangkaan, itu kaya sangat. Kita hendak tengok realitinya berapa banyak masuk? Terima kasih.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya agak Yang Berhormat besok akan semak Hansard kerana kalau bila saya kata luluskan, itulah yang sebenarnya masuk. Mungkin saya cepat cakap. Besok harap baca Hansard, tidak payah saya "repeat" atau ulang balik.

Mengenai projek, apabila saya balik daripada rombongan buat press conference, itu silap, saya tidak pernah buat press conference. Menteri yang dahulu tidak tahulah. Saya tidak pernah.

Dan ketiganya, Menteri dahulu memang, everytime. Tidak mengapalah saya minta izin untuk meneruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tidak payah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab ini berkaitan dengan soalan saya. Saya mengatakan ada pemimpin-pemimpin, tidak bererti saya kata Yang Berhormat Menteri Perdagangan. Ada pemimpin mungkin Menteri Besar, mungkin orang-orang lain. .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Saya tidak pernahlah, ya? Yang ketiganya, sebenarnya kita sangat gembira, Tuan Yang di-Pertua, bahawa semenjak dua tahun yang lepas ini, apabila pelabur-pelabur asing membuat komitmen untuk melabur, mereka datang melabur. Dan yang penting kita ingat ialah apabila mereka membuat komitmen untuk melabur ada jangka masa beberapa bulan—kadang-kadang setahun, setahun lebih sebelum kita nampak projek itu benar-benar ditubuhkan kerana selain daripada proses melesenkan mereka, mendirikan kilang, mendapatkan loji dan kalau kita menengok apa yang berlaku sekarang, boleh dikatakan realitinya adalah sangat-sangat menggalakkan. Bahkan yang diluluskan itu semuanya sekarang ini memulakan projek. Hanya masa mungkin diluluskan dalam bulan misal kata September 1989 kita akan melihat, Insya Allah, bulan Mac/April 1990 akan mula dibinanya tapak dan sebagainya. Ini yang kita kehendaki, itu sebab saya beri angka yang diluluskan.

Yang jangkaan satu yang diluluskan, Kementerian menyusuli dengan rapi kalau mana-mana projek yang telah diluluskan tidak pula membina kilang, kita beri dia notis mengapa tidak "start" membina kilang dan adakalanya industri-industri tertentu seperti barang-barang getah, kalau tidak dibina dalam enam bulan, kita tarik balik lesen.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, dalam angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, nampaknya wang yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur asing merupakan wang beberapa kali ganda jika dibandingkan dengan pelabur

tempatan. Maka "trend" ini sudah terus-menerus pada beberapa tahun lalu. Maka apakah dasar Kerajaan sekarang? Sekiranya "trend" ini terus ataupun diteruskan, adakah satu keadaan yang tidak diinginkan akan timbul yang mana sebahagian besar dalam ekuiti syarikat-syarikat dalam sektor swasta dimiliki oleh sumber asing, bukan oleh sumber tempatan. Maka apakah maksudnya jika kita memeriksa implikasi ini dari segi "economic sovereignty", dengan izin, dalam Malaysia.

Dan keduanya dalam sebutan tadi terhadap angka-angka yang diberikan, saya pun tidak begitu jelas sebab Yang Berhormat Menteri paling "eloquent" maka dia selalu baca teksnya cepat-cepat. Tetapi nampaknya, sebahagian besar daripada pelaburan asing adalah di dalam sektor pembuatan seperti kimia, seperti elektronik, elektrik dan soalan saya ialah apakah dasar Kerajaan terhadap "resource-based industries". Adakah keutamaan diberi kepada "resource-based industries" ataupun kepada elektronik, elektrik, kimia dan sebagainya sahaja.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang pertama tadi, perbezaan antara ekuiti asing dengan ekuiti tempatan memang oleh kerana pelabur-pelabur asing itu daripada awal lagi di negara kita ini telah melabur dalam projek-projek besar-besaran iaitu mereka melabur dalam projek elektronik, petroleum dan sebagainya. Dari segi kuantitinya memang jauh berbeza dengan ekuiti pelabur tempatan tetapi kita gembira melihat waktu akhir-akhir ini terutama dalam setahun setengah yang lepas, perbezaan antara ekuiti asing dengan ekuiti tempatan ini sudah menjadi kecil. Izinkan saya memberi angka-angka yang menunjukkan. Misalnya, antara Januari, tahun 1988 hingga Ogos, 1989, mengikut projek-projek yang telah kita luluskan daripada projek-projek itu, ekuiti asing ialah

\$3,321.7 juta, ekuiti Bumiputera \$1,174.4 juta, ekuiti bukan Bumiputera \$1,066.3 juta. Ini bererti sudah ada satu pengkecilan di dalam perbezaan antara ekuiti asing dengan ekuiti tempatan.

Apa langkah yang kita buat ialah untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan kita untuk menerokai bidang-bidang baru industri iaitu misalnya untuk melibatkan diri di dalam bidang-bidang yang mempunyai intensif modal yang teknologi tinggi, yang merupakan ada potensi untuk eksport. Di situlah mereka harus menggalakan pelaburan dan ini sedang disambut baik oleh sektor swasta tempatan memandangkan angka-angka dan jenis pelaburan yang mereka melibatkan sendiri.

Dari segi kita takut swasta asing menggugat "economic sovereignty", kita tidak harus berfikir demikian kerana selagi kita tahu di mana mereka pergi dan mereka mengikut syarat-syarat yang telah kita beri, saya rasa tidak ada sebab kita takut kerana mereka datang melabur dengan syarat-syarat kita dan mereka sedar syarat-syarat ini ada dan mereka memberi kesan-kesan melimpahan positif kepada ekonomi negara kerana dengan cara begitu banyak pula industri tempatan dan kita wujudkan menjadi industri sokongan kepada mereka. Jadi, akhirnya jikalau rakyat Malaysia sendiri mengenap atau melengkapsi usaha pelabur asing, kita tidak khuatir "sovereignty" ekonomi kita akan terganggu.

Soalan kedua tadi, minta maaf, Yang Berhormat, Saya tidak sempat hendak menjawab.

Tuan Sim Kwang Yang: Ekuiti dalam "resource-based industries" macam mana?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Sebenarnya, angka-angka saya beri tadi termasuk dua kumpulan "resource-based industries" yang

besar kerana bila kita sebut “resource-based” bererti segala bahan-bahan asli yang ada. Bila saya katakan kimia dan barang kimia itu “resource-based”, barang-barang logam yang dibentuk. Itu juga berasaskan “resource metal” kita. Petroleum dan arang batu adalah “resource-based”, kayu dan barang kayu adalah “resource-based”. Jadi, saya sengaja menyebutkan lima kategori ini yang mana empat daripada lima adalah “resource-based industries” dan tidak termasuk “resource-based” yang lain seperti “clay” ataupun tanah liat, kaolin dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Chian Heng Kai tidak hadir).

SEKOLAH AGAMA RAKYAT— AMBIL ALIH

8. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan sehingga sekarang berapa buah Sekolah Menengah Agama Kementerian di negara kita, adakah Kementerian bercadang untuk mengambilalih Sekolah-sekolah Agama Rakyat dijadikan Sekolah Kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hingga kini sebanyak 32

buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama telah dibuka. Tujuh buah daripadanya adalah terletak di Sabah dan Sarawak dan 25 buah di Semenanjung. Buat masa ini Kementerian Pendidikan tidak ada rancangan untuk mengambilalih Sekolah Agama Rakyat yang ada, tetapi sebaliknya akan mewujudkan lebih banyak sekolah-sekolah agama baru. Kerajaan juga telah memberikan bantuan peruntukan yang banyak kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan sedang mengkaji untuk menambahkan bantuan yang dianggap sesuai.

Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan sekolah menengah kebangsaan agama Kementerian Pendidikan dan beberapa buah agaknya?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan tadi ini adalah dalam perancangan kita jangka panjang dan saya tidak ada maklumat yang tepat di sini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya ingin bertanya iaitu 32 buah sekolah agama yang telah pun diambilalih itu, berapakah Sekolah Agama yang berasrama penuh—ada ataupun tidak?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk membetulkan serba sedikit apa yang saya nyatakan tadi ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang dibuka dan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, bukan diambilalih. Mengenai soalan Yang Berhormat itu, saya boleh menjawab secara bertulis kerana saya tidak ada maklumat tepat mengenai berapakah sekolah agama yang berasrama penuh dan berapakah yang tidak.

**MALAYSIA FEST 1989—
PERUNTUKAN**

9. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan untuk "Malaysia Fest 1989"; adakah ini sama dengan peruntukan asal Kerajaan untuk menganjurkan "Malaysia Fest 1988";
- (b) seramai 1,200 orang artis dicadangkan pada mulanya melancarkan "Malaysia Fest 1989". Adakah semuanya hadir dan mengambil bahagian cergas dalam upacara pelancaran itu. Mengapa hanya para artis digunakan. Adakah golongan lain, selain dari artis, dilibatkan dalam upacara pelancaran itu. Kalau tidak, mengapa;
- (c) bagaimana pula penglibatan Sarawak dan Sabah dalam aktiviti tersebut; dan
- (d) apakah persediaan Malaysia dalam menarik sebahagian besar dari 10 juta pelancong Jepun ke Malaysia sebagaimana dinyatakan oleh Duta Malaysia di Jepun pada 5-9-1989 lalu. Dengan begitu ramai pelancong Jepun yang kita harapkan, tidakkah Kerajaan memikirkan kesan-kesan negatif dari segi moral dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Peruntukan yang dikhaskan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia untuk Malaysia Fest 1989 adalah sebanyak \$2.5 juta manakala perbelanjaan sebenarnya adalah sebanyak \$2.1 juta. Bagi pada tahun 1988 perbelanjaan adalah sebanyak \$2.2 juta dari peruntukan sebanyak \$3 juta.

- (b) Seramai 1,200 orang telah mengambil bahagian dalam pelancaran Malaysia Fest 1989. Mereka ini terdiri dari 200 orang peserta yang membuat persembahan pelancaran selama tiga minit di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad dan selebihnya adalah terdiri dari 30 kumpulan kesenian yang dianggarkan seramai 1,000 orang peserta yang menyertai perarakan sejauh 1.1 km. Kumpulan-kumpulan ini terdiri dari pelbagai kumpulan yang dianggotai oleh artis dan peserta biasa. Antara kumpulan-kumpulan ini adalah Kumpulan Orang Asli, Kumpulan Dikir Barat, Kumpulan Polis Berkuda, murid-murid sekolah dan sebagainya.
- (c) Negeri Sabah dan Sarawak diwakili dalam perarakan kumpulan kesenian di mana kumpulan Sarawak dan Sabah telah diundang melalui Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Kumpulan Kesenian Negeri Sarawak terdiri dari seramai 30 orang dan mempersembahkan kesenian berbentuk tarian suku-suku kaum di Sarawak. Sementara Kumpulan Kesenian Negeri Sabah yang terdiri dari seramai 30 orang telah mempersembahkan permainan alat muzik "sampton" dan "tungganggak" yang mana alat-alat ini dibuat keseluruhannya daripada hasil-hasil hutan tempatan.

- (d) Kementerian sedar akan perlunya langkah-langkah diambil untuk mendapatkan faedah dari dasar ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1988 seramai 154,376 pelancong Jepun telah melawat

Malaysia. Jumlah ini dijangka akan meningkat kepada 204,162 pelancong dalam tahun 1990.

Berbagai usaha telah dan akan terus dilaksanakan di pasaran Jepun untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong Jepun ke negara ini, di antaranya termasuklah kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik, promosi, perhubungan awam serta siberan maklumat. Sasaran penggalakan di pasaran Jepun adalah tertumpu kepada golongan wanita dalam lengkungan umur dua puluhan yang cenderung kepada sukan laut, membeli-belah dan juga rekreasi.

Kerajaan sentiasa dan terus berwaspada terhadap kesan-kesan negatif dari segi moral akibat daripada pertambahan bilangan pelancong-pelancong ke negara ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jumlah perbelanjaan yang telah dijelaskan tadi untuk tahun 1989 ialah \$2.5 juta dan dibelanjakan \$2.1 juta dan untuk tahun 1988, \$2.2 juta daripada peruntukan \$3 juta. Apakah lain-lain perbelanjaan tidak diambil kira terutamanya perbelanjaan secara tidak langsung melalui lain-lain Kementerian dan agensi yang turut melibatkan menjayakan Malaysia Fest ini? Sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya ini ialah oleh kerana salah satu perbelanjaan yang terlibat—kalau hendak dikatakan “terlibat” minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen—ialah mengenai dengan Mascot di mana salah satu Mascot Negara yang dinamakan Zeela telah diambil sebagai anak angkat oleh TDC di mana TDC telah membelanjakan \$10 ribu dan kalau \$10 ribu setahun bererti lebih kurang \$800 sebulan dan

juga bererti lebih tinggi daripada Skim Siswazah Menganggur. Jadi, pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini ialah dari segi perbelanjaan seperti ini, apakah ianya satu perkara yang wajar dan mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara? Yang kedua, saya membaca akhbar semalam iaitu negara Asia yang paling tinggi mengidap penyakit AIDS ialah Jepun—kalau tidak silap semalam saya baca dalam akhbar—manakala tumpuan kita ialah kepada negara Jepun. Jadi, macam mana langkah-langkah dan caranya untuk memastikan pelancong-pelancong datang ini bukan membawa wabak AIDS kerana Jepun merupakan negara yang paling tinggi dari segi jumlah pengidap penyakit AIDS.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama iaitu, seperti dalam jawapan saya yang saya sebutkan awal tadi, walaupun Kerajaan telah memperuntukkan dalam tahun 1989 bagi Malaysia Fest sebanyak \$2.5 juta tetapi kita telah membelanjakan \$2.1 juta. Maknanya kita akan membelanjakan mengikut keperluan perkara yang perlu, yang mesti, yang boleh memberi faedah kepada projek Malaysia Fest ini. Mengenai perkara Zeela yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan Mascot Negara Orang Utan itu telah diambil sebagai anak angkat dan kita telah memberi bantuan kepada pihak Zoo Negara sebanyak \$10,000 setahun. Ini bukan untuk Zeela sahaja, tetapi termasuk ibu kandungnya sendiri iaitu Rokiah. (*Ketawa*) Apa yang dikira oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidaklah tepat. Dan pada anggapan kita dari segi imej sektor pelancongan ini tidaklah dapat kita kira dalam bentuk bantuan kewangan kita, tetapi ia akan merebak dari segi keuntungannya kepada bidang-bidang

yang lain dalam sektor pelancongan. Saya ingat Yang Berhormat harus mempertimbangkan dari segi itu juga.

Mengenai AIDS ini sebenarnya AIDS dengan pelancongan ini adalah dua perkara yang berlainan. Kita sebagai Kementerian yang ingin menarik lebih ramai pelancong sudah tentulah kita mahu pelancong-pelancong datang ke negara kita. Tetapi masalah AIDS ini adalah masalah individu dan kita rasa kalau rakyat kita tidak mahu dihinggapi AIDS, maka kita mestilah mengikut nasihat Kementerian yang berkenaan yang telah memberitahu kita beberapa hari yang lalu. Dan saya difahamkan juga AIDS ini bukanlah merebak seperti penyakit-penyakit lain, ia merebak dengan sebab-sebab langsung, mengikut pendapat Kementerian Kesihatan. Jadi tidaklah begitu merisaukan kita mengenai perkara ini.

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK—JUMLAH KES

10. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah kes menganiayai dan menderakan kanak-kanak di seluruh negara mengikut negeri; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal keadaan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 191 kes penganiayaan kanak-kanak telah dilaporkan sepanjang tahun 1988. Bilangan kes penganiayaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Wilayah Persekutuan	40
Kuala Lumpur	
Selangor	41
Pulau Pinang	25
Johor	18

Kedah	4
Kelantan	1
Melaka	22
Negeri Sembilan	11
Pahang	3
Perak	22
Perlis	4
Terengganu	—
Jumlah ..	191

Untuk menjawab bahagian (b), sebagai langkah untuk mengawal kejadian penganiayaan kanak-kanak, Kerajaan sentiasa meningkatkan kesedaran masyarakat supaya lebih peka terhadap masalah berkenaan dan melaporkan kejadian penganiayaan kepada pihak berkuasa. Kerajaan juga sedang menyediakan rang undang-undang baru yang merupakan peruntukan yang penting seperti:

- (i) memberi tafsiran yang lebih luas bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan iaitu merangkumi mereka yang perlu diselamatkan dari bahaya fizikal, kegiatan seksual, pergaulan dengan orang-orang yang boleh merosakkan akhlak atau mendorong ke arah pelacuran dan sebagainya;
- (ii) mewajibkan pegawai perubatan melaporkan kecederaan yang disyaki berlaku disebabkan penganiayaan;
- (iii) penubuhan pasukan perlindungan kanak-kanak;
- (iv) peningkatan hukuman bagi kesalahan terhadap kanak-kanak; dan
- (v) mengadakan daftar induk bagi kes-kes kanak-kanak teraniaya.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan yang memberikan angka sebanyak 191 yang didapati di mana kanak-kanak dianiaya, dari 191 kes itu berapa orangkah atau berapa kes yang telah dapat dibawa ke mahkamah dan berapa ramaikah yang telah didapati bersalah dan bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu menerangkan apakah jenis-jenis hukumannya yang dikenakan ke atas orang-orang yang disabitkan kesalahan menganiyai kanak-kanak itu.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kes-kes yang dibawa atau dihadapkan ke mahkamah, saya tidak ada angka di sini, tetapi semua kes yang kita bawa ke mahkamah itu adalah di bawah Akta Kanak-kanak Orang Muda dan Mahkamah Juvana di mana semua hukuman diputuskan oleh mahkamah itu adalah di bawah Akta itu. Di sini tidaklah payah saya sebutkan apakah jenis hukumannya yang dijatuhkan oleh mahkamah.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini dapat mengesan sebab-sebab menganiaya dan mendera kanak-kanak yang berlaku di negara kita ini?

Tuan Chi Fah Kui: Minta maaf, Yang Berhormat boleh ulang lagi soalan itu?

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini dapat mengesan sebab-sebab penganiayaan dan mendera kanak-kanak yang berlaku di negara kita ini? Apakah sebab-sebabnya?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, banyak sebab-sebabnya. Di antaranya yang Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat teliti ialah ibu-bapa menghadapi tekanan;

ibu-bapa tidak sabar kerana anak-anak itu terlalu buas; tiada penyesuaian antara anak dan ibu-bapa kerana pernah ditempatkan dengan nenek; atau keluarga angkat, anak tiri atau anak angkat; ibu-bapa tidak matang atau tidak bersedia berumahtangga; ibu-bapa pernah dianiyai semasa kecil; dan nasib anak yang malang dibenci kerana cacat, kurang keupayaan dan lain-lain.

GURU-GURU SANDARAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA/TAMIL

11. Tuan P. Patto minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan boleh membenarkan guru-guru sandaran di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang mempunyai kepujian (kredit) ataupun kepujian terbaik (distinction) dalam matapelajaran Bahasa Cina atau Tamil, termasuk dalam matapelajaran Kesusasteraan China atau Tamil, tetapi hanya mempunyai kelulusan dalam Bahasa Malaysia dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menjalani latihan perguruan di mana-mana maktab perguruan kita, memandangkan Kerajaan memberi latihan perguruan kepada bakal guru-guru yang hanya mempunyai kelulusan dalam matapelajaran Bahasa Cina atau Tamil tetapi memperolehi kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan untuk memperbetulkan ketidakadilan yang sedia ada demi kepentingan murid-murid dalam jenis sekolah tersebut di mana mutu Bahasa Cina dan Tamil sudah dikhawatiri terus akan merosot akibat penghantaran guru terlatih yang tidak mempunyai kepujian atau kepujian terbaik (distinction) dalam Bahasa Cina dan Tamil.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak benar bahawa calon

yang diterima untuk latihan perguruan dalam bidang Pengajian Cina dan Tamil di maktab-maktab Perguruan memiliki kepujian dalam Bahasa Malaysia tetapi hanya lulus dalam matapelajaran bahasa Cina atau Tamil.

Calon-calon yang ditawarkan berkursus termasuk dari kalangan guru sandaran bagi bidang pengajian Cina dan Tamil mestilah memiliki sekurang-kurangnya kepujian di peringkat SPM/MCE dalam matapelajaran berkenaan. Kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE adalah wajib dan tidak akan dilonggarkan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat maklumat daripada Timbalan Menteri berkenaan apakah syarat mengenakan Bahasa Malaysia itu kredit dalam peperiksaan SPM hanya dikenakan kepada pelajar-pelajar yang datang daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil sebelum memasuki Maktab Perguruan.

Yang kedua, kalau pun diambil murid-murid yang berkelulusan bahasa Tamil atau bahasa Cina dalam peperiksaan SPM tetapi kredit dalam Bahasa Malaysia, kemudian memasuki kursus bahasa Cina dan bahasa Tamil di Maktab, apakah tahap performance mereka semasa di maktab dan apabila mereka telah mencapai suatu tahap performance yang memuaskan, apakah mungkin mereka dihantar ke sekolah Cina dan Tamil untuk mengajarkan matapelajaran tersebut?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kepujian atau kredit dan kepujian cemerlang (distinction) dalam Bahasa Malaysia di Peringkat SPM/MCE adalah diwajibkan untuk semua pemohon

dalam kemasukan ke Maktab Perguruan dan juga termasuk dalam perkhidmatan awam kita.

Dan yang kedua, dari segi guru-guru sandaran yang diambil untuk dilatih, berlatih di Maktab Perguruan kita, kita juga mengambil kira di mana pengalaman dan juga mengenai aptitude mereka itu sebagai guru sambil menyandang jawatan-jawatan mereka sebelum masuk Maktab Perguruan adalah dipertimbangkan untuk kita mengambil mereka sebagai guru pelatih kerana matlamat yang kita ingin capai dalam mendidik atau mengeluarkan tenaga pengajar kita atau tenaga pendidikan kita ialah mereka itu berupaya untuk berusaha sebagai pendidik untuk mencapai matlamat dasar pendidikan kita.

Tuan Ong Tee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bersetuju dengan dakwaan bahawa mutu pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil dalam negara kita ini merosot? Ini yang pertama. Jika ya, apakah sebabnya dan apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah tersebut?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin memberi pandangan yang disoalkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa yang penting sekali memang dalam pengajian-pengajian mata-mata pelajaran kita memang masih ada kelemahan-kelemahan. Tetapi yang penting sekali Kementerian dalam rancangan pembangunan memang sentiasanya menelitikan dari segi perkembangan tenaga-tenaga pengajar dan juga kelemahan-kelemahan dalam kurikulum-kurikulum tertentu dan juga pengantaran matapelajaran itu.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan oleh kerana beliau nampaknya tidak memahami soalan asal saya. Memandangkan bahawa bahasa pengantar dalam sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil adalah bahasa Tionghua dan bahasa Tamil, tidakkah sesuai bahawa guru-guru pelatih yang diambil untuk menyertai dalam kursus perguruan di maktab-maktab perguruan hendaklah mempunyai kepujian atau distinction dalam bahasa Tionghua atau Tamil walaupun mereka mungkin hanya "pass" dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah kerana memandangkan bahawa bahasa pengantar dalam kedua-dua sekolah ini bukanlah Bahasa Malaysia. Tidakkah pihak Kementerian boleh menimbang supaya guru-guru yang mempunyai distinction atau credit dalam bahasa Cina dan Tamil yang menjadi guru sandaran sekarang tetapi tidak mempunyai credit dalam Bahasa Malaysia tetapi hanya mempunyai kelulusan "pass" dalam Bahasa Malaysia boleh diambil untuk menyertai kursus perguruan dalam maktab-maktab perguruan demi untuk menjamin supaya mutu bahasa Tionghua dan Tamil terjamin dalam sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa Tionghua dan Tamil sebagai bahasa pengantar.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mendengar satu komen yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa saya tidak faham. (*Tepuk*) Sebenarnya kemungkinan Yang Berhormat itu sendiri tidak faham dengan jawapan saya yang pertama tadi bahawa untuk memastikan supaya taraf pendidikan-pendidikan dalam bahasa Tionghua dan Tamil ini kita memerlukan mereka mempunyai kepujian di peringkat SPM dan MCE dalam matapelajaran tersebut.

Saya telah menyatakan juga bila menjawab soalan tambahan tadi

bahawa di mana kita mempertimbangkan akan keperluan-keperluan tertentu dan tidak beralih dari dasar untuk kita memberi perkhidmatan pendidikan yang cemerlang dalam mata-mata pelajaran kita di sekolah-sekolah kita, memang kita menimbang pengalaman dan aptitude mereka-mereka yang telah menjadi guru sandaran itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil soalan ini, saya ingin membuat satu pembetulan iaitu perkataan "Buruk" yang terdapat dalam (b) dengan perkataan sebenar iaitu "Baru"—B-a-r-u. Jadi ayatnya Kg. Melangkap Baru. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12.

KLINIK DESA—PERMOHONAN

12. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah permohonan Klinik-klinik Desa yang sudah berkali-kali dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Perubatan di Sabah dapat diluluskan bagi kampung-kampung seperti berikut ini:

- (a) Kg. Mengkulat;
- (b) Kg. Melangkap Baru;
- (c) Kg. Lasou Mununsud; dan
- (d) Kg. Pulau Mantanani, semuanya dalam daerah Kota Belud.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima projek Klinik Desa untuk Kg. Mengkulat dan Kg. Lasou Mununsud telah diluluskan dan diberi peruntukan tanda. Projek-projek ini dijangka bermula dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Kg. Pulau Mantanani dan Kg. Melangkap Baru, tidak ada projek Klinik Desa. Walau bagaimanapun keadaan dan keperluan akan dikaji semula dalam penyediaan Rancangan Malaysia Keenam dan pertimbangan wajar akan diberi.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji dan meneliti keperluan mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan supaya perkhidmatan kesihatan dapat dikecapi bersama oleh penduduk bandar dan luar bandar.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar-dasar tertentu Kementerian Kesihatan untuk meluluskan permohonan Klinik-klinik Desa? Adakah jumlah penduduk di sesebuah kampung itu dijadikan dasar utama untuk kelulusan pembinaan Klinik-klinik Desa ataupun adakah jarak jauhnya daripada klinik-klinik yang lain daripada sesebuah kampung itu dijadikan juga sebuah dasar oleh pihak Kementerian kerana di kawasan saya banyak terjadi di mana si-hamil terpaksa diberanakkan di tengah jalan kerana disebabkan kekurangan Klinik-klinik Desa seperti yang terkandung dalam soalan asal ini.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bandau atas satu soalan yang tepat pada sasarannya. Itulah matlamat Kementerian saya iaitu kita hendak memberi perkhidmatan kepada semua penduduk di kampung-kampung di luar bandar. Pada tahap ini kita sudah mencapai lindungan kesihatan kepada penduduk-penduduk luar bandar di Semenanjung Malaysia ke tahap 93% tetapi di Sabah dan Sarawak sebab menyertai Persekutuan lebih lambat kita sudah mencapai tahap 60% sahaja.

Kita ada menggariskan beberapa garis panduan untuk menubuhkan

Klinik-klinik Desa di luar bandar seperti penduduk yang tadi disebutkan sebanyak 2,000 hingga 4,000. Itulah garis panduan penduduk untuk memperoleh satu Klinik Desa. Soalan-soalan seperti infrastruktur, jalan-jalan yang sesuai pun akan ditimbangkan dan kita juga mengutamakan kampung-kampung terpencil. Kalau tidak ada penduduk seramai 2,000 hingga 4,000 tetapi ianya terpencil, susah untuk datang ke klinik-klinik di luar kampung-kampung mereka, kita utamakan.

Kita pun ada utamakan mengenai jarak daripada klinik-klinik yang sedia ada. Kalau dalam 5 atau 10 km radius daripada kampung itu tidak ada lain pusat kesihatan, kita pun utamakan walaupun bilangan penduduk-penduduknya tidak sampai ke tahap 2,000-4,000. Itulah sedikit sebanyak garis panduan yang saya boleh memberitahu kepada Yang Berhormat dari Bandau.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat apakah sebenarnya tugas yang dipertanggungjawabkan oleh kakitangan-kakitangan di Klinik Desa ini. Saya tidak ingin mendapat jawapan seperti memberi perkhidmatan kesihatan sahaja, tetapi saya ingin tahu dengan tepat apakah tugas-tugas dan tanggungjawab yang diberi kepada kakitangan di Klinik Desa dan berapakah orang kakitangan yang berada dalam setiap buah Klinik Desa ini. Yang ketiga, adakah Yang Berhormat tahu bahawa kebanyakan Klinik-klinik Desa ini sentiasa hanya dipegawai oleh seorang dua sahaja dan perkhidmatan kesihatan tidak diberi di klinik-klinik ini?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Kampar, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh Jururawat Desa yang

kita tempatkan di klinik desa ialah Primary Health Care yang mengutamakan pencegahan daripada penyakit-penyakit tertentu. Dia hanya akan merawat apa yang disebutkan minor ailment sahaja dan mereka menjaga kesihatan keluarga dengan memberi nasihat kepada keluarga-keluarga dan ibu-ibu di kawasan-kawasan yang dijagai oleh Jururawat Desa itu. Kakitangan yang lain, seperti yang saya tahu, seorang pengawas kesihatan awam sekitar ditempatkan di sana dan kadangkala di sebarang klinik kita tempatkan seorang attendant.

Mengenai soalan perkhidmatan yang diberi tidak lengkap, itu kita mengakui, sebab itu dalam sistem kita, kita ada menubuhkan beberapa pusat kesihatan di peringkat bawahnya ada klinik desa dan selain daripada itu di tiap-tiap kawasan kita ada lagi klinik kesihatan kecil dan klinik kesihatan besar dan akhirnya hospital daerah. Kita memang ada satu sistem yang sempurna untuk menjaga kesihatan tiap-tiap rakyat jelata di negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 13 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir).

PUSAT KESIHATAN DAERAH JULAU

14. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pusat kesihatan daerah Julau akan dibina; pembinaan pusat kesihatan itu telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi hingga sekarang menjelang Rancangan Malaysia Keenam belum ada tanda-tanda pusat kesihatan itu akan dibina, dan hingga sekarang juga tidak ada satu doktor pun ditempatkan

di dispensari daerah Julau, kalau ada pesakit yang serius mestinya dihantarkan ke Sarikei atau Sibu, yang mana kedua-dua tempat itu 42 batu dari daerah Julau.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, satu projek Pusat Kesihatan Daerah di Julau telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat dengan peruntukan tanda sahaja. Dengan pembinaan Pusat Kesihatan Daerah Kanowit yang telah pun siap dibina dalam tahun 1983, projek Kesihatan Daerah di Julau ini diberi kurang keutamaan kerana sebab-sebab berikut:

- (i) Pusat Kesihatan Daerah Kanowit terletak hanya 40 kilometer atau 26 batu sahaja dari daerah Julau dengan perhubungan jalanraya yang baik;
- (ii) kadar pengguna katil di Pusat Kesihatan Daerah Kanowit adalah masih rendah dan penduduk-penduduk di Julau masih boleh menggunakan Pusat Kesihatan Daerah Kanowit ini; dan
- (iii) projek pusat kesihatan di daerah-daerah yang lain perlu diberi keutamaan yang tinggi kerana daerah tersebut tidak mempunyai pusat kesihatan daerah yang berhampiran.

Bagaimanapun Kementerian akan memperbesarkan Pusat Kesihatan Julau yang ada sekarang dengan pembinaan tambahan bagi satu bilik pemeriksaan untuk doktor, satu bilik untuk makmal dan satu bilik untuk farmasi. Kementerian juga akan membina 3 buah quarters di tempat yang sama untuk seorang doktor, seorang juruteknik makmal dan seorang dispenser. Tender untuk pembinaan 3 buah quarters ini baru sahaja ditutup. Kementerian akan menempatkan seorang doktor di Pusat Kesihatan ini pada awal 1990.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Petanyaan No. 2, 5, 6, 7, 13 dan 15 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

PENCEMARAN ASAP—UJIAN

2. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada ia sedar bahawa banyak kritik diberi oleh tuannya kereta, khasnya kereta teksi dan kereta sewa dan lori terhadap cara-cara untuk menguji pencemaran asap oleh Kementerian-nya, jika sedar, terangkan:

- (a) apakah kritik-kritik yang telah diterima oleh Kementerianya;
- (b) pandangan dan tindakan diambil atas kritik itu; dan
- (c) senaraikan garispuandu untuk menguji asap.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):

- (a) Jabatan Alam Sekitar telah menerima berbagai kritikan. Ada yang mengatakan bahawa cara ujian ini, iaitu Ujian Percepatan Bebas melalui Meter Light Absorption tidak sesuai kerana kenderaan diesel tidak mencemar. Aduan lain yang diterima ialah bahawa prosedur ujian Jabatan Alam Sekitar tidak sama dengan ujian oleh agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan. Terdapat juga beberapa tuannya kenderaan yang mendakwa bahawa cara ujian itu bukan cara betul dan boleh merosakkan enjin kenderaan.

(b) Pandangan dan tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah seperti berikut:

Cara ujian asap yang digunakan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah cara yang terbukti untuk mengesan pencemaran asap kenderaan diesel. Bukan saja cara ini digunakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan di seluruh dunia, bahkan ia juga digunakan oleh pembuat-pembuat enjin kenderaan diesel. Dengan itu, aduan bahawa cara ini boleh menyebabkan kerosakan enjin adalah tidak berasas.

Cara ujian ini pun juga diperuntukkan dengan jelas dan terperinci dalam Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Penguji Jabatan Alam Sekitar juga adalah pegawai yang berke Layakan dan terlatih. Jabatan Alam Sekitar juga dari masa ke masa memberi tunjukajar dan penerangan berhubung dengan cara ujian ini kepada tuannya kenderaan supaya mereka memahami matlamat dan cara ujian ini. Saya sendiri telah menyampaikan penjelasan ini kepada Persatuan-Persatuan Perusahaan Pengangkutan pada sesi dialog yang diadakan di setiap negeri dalam tahun 1986.

Berhubung dengan prosidur ujian yang dikatakan tidak sama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, Jabatan Alam Sekitar telah memaklumkan agensi-agensi lain mengenai prosidur yang patut diikuti serta keperluan-keperluan pembuat meter ujian asap.

Setakat ini, prosedur yang digunakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan didapati adalah seragam dengan apa yang diamalkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

- (c) Prosedur menguji asap adalah terlalu teknikal untuk dinyatakan di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi, prosedur ini dihuraikan dengan jelas di dalam Buku Panduan Prosedur Ujian Asap, dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mendapat butir-butirnya, beliau boleh berhubung dengan Jabatan Alam Sekitar.

SEA GAMES XV—KEJAYAAN

5. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah usaha yang telah dijalankan sehingga menempa kejayaan negara dan ahli sukan negara di dalam "SEA GAMES" baru-baru ini;
- (b) berapakah wang yang telah dibelanjakan dan pecahan sumbangan dari swasta, perseorangan dan Kerajaan sendiri; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Sekolah Sukan, Maktab dan seterusnya peringkat Universiti Sukan di dalam negara.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):

- (a) Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sehingga menempa kejayaan ahli-ahli sukan negara ialah:
- (i) Mewujudkan Program Latihan Persediaan Ke Arah Sukan SEA yang bertujuan menyediakan

satu pasukan kebangsaan yang berkewibawaan. Program Latihan dua (2) tahun ini telah memperuntukkan sebanyak \$3.7 juta bagi membiayai aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- latihan pusat;
- pertandingan luar negeri;
- pendedahan;
- elaun Jurulatih; dan
- peralatan dan kemudahan

Sebanyak 24 jenis sukan telah menikmati kemudahan ini dan ianya telah menghasilkan kejayaan yang membanggakan.

- (ii) Mewujudkan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan untuk atlit-atlit, jurulatih dan pegawai sukan bagi memudahkan mereka yang terlibat menjalani latihan sepenuh masa bagi menghadapi Sukan SEA.
- (iii) Menyediakan seorang pakar dalam bidang psikologi sukan dari Kanada untuk mengadakan beberapa klinik mental kepada atlit-atlit dan jurulatih-jurulatih.
- (iv) Mewujudkan Pusat-pusat Cemerlang di semua negeri bagi sukan-sukan tertentu untuk memudahkan atlit-atlit menjalani latihan sepanjang masa.
- (v) Mengadakan latihan luar negeri seperti di Perth (sukan olahraga), Korea (lawan pedang

dan taekwondo), Thailand (tinju) dan China (bola keranjang).

- (vi) Mengadakan Kem Latihan Nasional di Bangi selama 1 bulan menjelang Sukan SEA untuk menanamkan sikap ingin berjuang dan kemahuan untuk menang, disiplin diri, cintakan negara dan sebagainya kepada atlit-atlit dan jurulatih-jurulatih di samping menumpukan masa kepada latihan masing-masing.

- (b) Mengikut anggaran kasar perbelanjaan yang terlibat di dalam menjayakan Sukan SEA XV ialah di dalam lingkungan \$13-\$14 juta. Perbelanjaan sebenar akan hanya diketahui selepas penyata akhir terimaan dan bayaran disediakan oleh Jawatankuasa Kewangan dan disahkan oleh Jabatan Audit Negara.

Pecahan sumbangan dalam bentuk tunai adalah seperti berikut:

(i) Kerajaan termasuk sumbangan daripada Bank Negara, Petros dan Jabatan Pos	\$ 6,035,000
(ii) Swasta	\$ 6,341,770
(iii) Larian Obor	\$ 1,390,000
Jumlah	<u>\$13,766,770</u>

- (c) Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bercadang mewujudkan Sekolah Sukan di Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil dalam daerah Sungai Besi, Wilayah Persekutuan.

Tujuan mengadakan Sekolah Sukan ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang seimbang dalam bidang akademik dan sukan serta meninggi-

kan mutu kemahiran dan prestasi pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan sukan di satu institusi yang dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan sukan yang moden dan sesuai.

Sekolah Sukan ini dijangka boleh menampung seramai 300 pelajar wanita dan 300 pelajar lelaki dan ianya merupakan sebuah Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Pelajar-pelajar Sekolah Sukan ini terdiri daripada murid-murid Tingkatan I hingga ke Tingkatan 6.

Sekolah Sukan akan dibina atas tapak seluas 10 ekar di atas kawasan Kompleks Sukan Negara dan ianya dijangka siap sepenuhnya pada tahun 1992.

ANCAMAN PENGANAS KOMUNIS

6. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keluasan pengancaman komunis terhadap negara kita masa kini.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Pada umumnya, dewasa ini ancaman yang didatangi oleh pengganas komunis terhadap keselamatan negara masih wujud. Terdapat kurang daripada dua ratus orang pengganas komunis yang masih bergerak di kawasan-kawasan tertentu di Semenanjung dan juga di Sarawak. Walaupun tahap ancaman militan pengganas komunis itu dewasa ini telah menurun dan dapat di kawal, namun kita tidak seharusnya melupakan sejarah keganasan dan kekejaman yang telah dilakukan oleh anggota-anggota pengganas komunis dan talibarut mereka, terutamanya oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang menjadikan hasrat dan cita-citanya untuk memerintah negara berdasarkan ideologi komunis melalui apa cara

sekalipun. Selain dari itu, seiring dengan matlamat militannya, strategi PKM pada masa kini juga memberi penekanan ke atas pendekatan yang bercorak Barisan Bersatu (Communist United Front) yang mana bertujuan untuk memesongkan keyakinan dan pandangan semua golongan masyarakat terhadap usaha-usaha dan dasar-dasar Kerajaan.

Oleh yang demikian, kita tidak seharusnya menganggap bahawa ancaman penganas komunis yang mana pada masa kini mempunyai kekuatan militan yang kecil sahaja tidak mampu menggugat kestabilan dan mengancam keselamatan negara. Malahan kita menganggap ancaman komunis sebagai satu ancaman keselamatan yang berterusan atau, dengan izin, "continuous security threat". Oleh itu Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap rancangan dan tindak-tanduk mereka.

BURUH HARAM MALAYSIA DI TAIWAN

7. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Luar Negeri menyatakan pihak manakah yang mengadakan rundingan dengan sebuah rombongan 7 orang dari Taiwan yang melawat Malaysia pada 14-7-1989 berhubung dengan masalah buruh haram Malaysia yang bekerja di Taiwan dan apakah hasil perbincangan yang diadakan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Saya tidak tahu menahu mengenai rombongan 7 orang dari Taiwan yang melawat Malaysia pada tarikh tersebut bagi membincangkan masalah buruh haram Malaysia yang bekerja di Taiwan. Di sepanjang pengetahuan saya pihak Kerajaan belum lagi mengadakan apa-apa rundingan dengan mana-mana pihak mengenai masalah buruh haram Malaysia di Taiwan.

PENAGIH DADAH MENGGUNA- KAN KOKAIN DAN CRACK

13. Dr Tan Seng Giaw: minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kebarangkalian ketagihan kokain dan "crack" akan muncul menjadi popular di kalangan penagih dadah kita. Pada masa ini, berapakah peratusan atau nisbah penagih dadah yang menggunakan kokain dan "crack" berbanding dengan jenis-jenis dadah yang lain;
- (b) setakat ini, apakah peratusan rampasan kokain atau "crack" yang berjaya dibuat oleh pihak berkuasa berbanding dengan jenis-jenis dadah yang lain. Berapa jenis dadah yang didapati di negara ini. Jenis apakah yang paling digemari oleh para penagih.

Perdana Menteri:

- (a) Pada awal tahun ini pihak penguatkuasa Filipina telah dapat mengesan dan memusnah suatu ladang "coca" di kepulauannya. Namun sehingga kini belum ada tanda dadah jenis kokain dan "crack" di seludup masuk ke dalam negara ini. Juga belum ada penagih-penagih dadah jenis kokain dan/atau "crack" yang telah dikesan oleh pihak Kerajaan.
- (b) Setakat ini tidak ada rampasan kokain atau "crack" yang telah dibuat dalam negara ini. Jenis-jenis dadah yang diseludup ke negara ini ialah heroin, morfin, candu masak, candu mentah, ganja dan bahan-bahan psikotropik. Jenis dadah yang paling digemari oleh penagih ialah heroin, iaitu sebanyak 79% daripada jumlah penagih yang pernah dikesan.

**KWSP—WANG PENCARUM
TIDAK DITUNTUT**

15. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) kenapa pihak KWSP membenarkan wang pencarum yang tidak dituntut meningkat sehingga \$750 juta; dan
- (ii) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengesan pencarum-pencarum atau pewaris-pewaris pencarum ini.

2-11-1989

3. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana pihak KWSP mempunyai \$750 juta yang masih tidak dituntut; sama ada ini membayangkan ketidakcekapan Lembaga KWSP; nyatakan jumlah yang tidak dituntut ini yang dimasukkan ke dalam dana Kerajaan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kepentingan para pencarum dilindungi.

5-12-1989.

19. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan akan hakikat bahawa \$750 juta telah dibiarkan tanpa dituntut oleh seramai 146,200 pencarum-pencarum KWSP sejak 15 tahun yang lalu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh lembaga pengarah KWSP bagi mengesan pencarum-pencarum ini atau pewaris-pewaris mereka supaya membolehkan wang-wang ini dibayar kepada mereka dan sama ada beliau akan mengambilkira mengadakan satu senarai pencarum-pencarum dan mempamerkan senarai ini kepada umum supaya orang ramai yang terbabit boleh menuntut wang-wang ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru adalah serupa dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Bagan yang masing-masing dijadualkan untuk dijawab pada 2 November 1989 dan 5 Disember 1989, maka saya memohon menjawab ketiga-tiga pertanyaan tersebut secara serentak pada hari ini.

- (a) Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa KWSP telah membenarkan wang caruman yang tidak dituntut meningkat kepada \$750 juta adalah kurang tepat. Sebenarnya hanya \$26.1 juta terlibat dalam kategori ini. Mengikut peruntukan-peruntukan Akta KWSP, 1951 serta kaedah-kaedah KWSP 1969, sekiranya selepas tempoh masa 10 tahun seorang ahli KWSP mencapai umur 55 tahun, ia tidak terus menyambung carumannya atau memohon pengeluaran carumannya, maka caruman ahli berkenaan akan dipindahkan ke akaun Rezab Khas (Reserve Account) yang diwujudkan oleh Lembaga KWSP di bawah peruntukan 34, Kaedah-kaedah KWSP, 1969. Caruman-caruman ahli berkenaan akan disimpan dalam Rezab Khas ini selama 10 tahun, dan ahli berkenaan masih boleh menuntut pengeluaran caruman mereka bersama dengan dividen dari Akaun Rezab Khas ini. Selepas tempoh masa 10 tahun, Lembaga KWSP berkuasa membuat keputusan sama ada jumlah wang di Akaun Rezab Khas ini dipindah ke Akaun Lebihan Terkumpul KWSP (Accumulated Surplus). Pada akhir tahun 1988, Jumlah Akaun Rezab Khas berjumlah \$26.1 juta; yang mana merupakan caruman-caruman 52,014 ahli KWSP.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha untuk mengesan ahli-ahli berkenaan, KWSP dengan bantuan Jabatan Pendaftaran Negara, telah mengambil tindakan untuk menghubungi ahli-ahli yang terlibat. Tindakan ini telah diambil pada tahun 1982 dan 1983 tetapi tindakan ini tidak begitu berkesan. Pada masa kini, KWSP sedang mengambil langkah-langkah untuk mengisytiharkan nama-nama ahli yang terlibat serta memperluaskan program perhubungan awamnya untuk menimbulkan keadaan kesedaran di kalangan pencarum-pencarum tentang hak-hak mereka.

(c) \$750 juta yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sebenarnya merupakan jumlah keseluruhan caruman ahli-ahli KWSP yang telah berumur 55 tahun dan ke atas dan bukannya wang caruman yang tidak dituntut. Daripada \$750 juta tersebut, sebanyak \$471.8 juta merupakan caruman-caruman seramai 19,597 ahli KWSP yang telah berumur 55 tahun tetapi masih bekerja dan terus mencarum kepada KWSP. Sejumlah \$25.8 juta merupakan caruman seramai 496 ahli-ahli KWSP berumur 55 tahun, yang telah memilih untuk terus menyimpan caruman mereka di KWSP dengan hanya mengeluarkan dividen tahunan sahaja. Bakinya, berjumlah \$252.3 juta merupakan caruman sebanyak 123,999 ahli-ahli KWSP yang walaupun telah berhenti mencarum dalam tempoh yang kurang dari 10 tahun selepas mencapai umur 55 tahun; tetapi masih menyimpan caruman mereka dengan KWSP.

Dengan penjelasan ini, adalah diharapkan kekeliruan tidak lagi

timbul mengenai jumlah caruman KWSP yang masih tidak dituntut.

BEKALAN AIR KE KAMPUNG BARU

16. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan bagi pembekalan air kepada (a) kampung-kampung baru dan (b) kampung-kampung tradisional sejak tahun 1986.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi pembekalan air ke kampung-kampung baru adalah disalurkan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sementara peruntukan ke kampung-kampung tradisional disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di bawah program bekalan air luar bandar.

Jumlah peruntukan pembekalan air adalah seperti berikut:

- (a) jumlah Peruntukan untuk Kampung-kampung baru bagi tahun 1986-1988 ialah \$76,300.
- (b) jumlah peruntukan untuk kampung-kampung tradisional tidak disediakan secara berasingan tetapi jumlah yang telah diluluskan untuk seluruh negara bagi program bekalan air luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah \$270.2 juta.

MAS—TAMBANG MURAH KEPADA PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut yang telah memohon untuk mendapatkan kemudahan tambang

mengikut kadar tambang pelajar (student rate) semenjak pihak Penerbangan Malaysia menyediakan kemudahan-kemudahan itu. Apakah syarat-syarat bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan itu dan apakah halangan-halangan yang menyukarkan permohonan itu dilayani dan dipenuhi.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Penerbangan Malaysia (MAS) telah mewujudkan berbagai tambang-tambang murah khas untuk kegunaan penuntut-penuntut Malaysia yang belajar di luar negeri. Pada masa ini tambang penuntut diperolehi pada jalan di antara United Kingdom dan Malaysia dan di antara Amerika Syarikat dan Malaysia. Tambang penuntut di antara United Kingdom dan Malaysia telah diwujudkan pada April 1982 sementara tambang penuntut di antara Amerika Syarikat dengan Malaysia telah diwujudkan pada Mac 1983. Menurut maklumat yang diberikan oleh MAS adalah dianggarkan seramai seribu dua ratus orang penuntut menggunakan tambang-tambang ini setiap tahun.

Tidak terdapat apa-apa halangan bagi seseorang untuk membuat perjalanan dengan menggunakan tambang-tambang penuntut ini. Bagi tujuan mendapatkan kemudahan tambang penuntut ini seseorang hanya dikehendaki menunjukkan bahawa beliau adalah merupakan seorang penuntut di sebuah institusi pengajian yang diiktiraf (recognised educational establishment) di luar negeri.

BIL LEMBAGA LETRIK SABAH—BAYARAN TUNGGAKAN

18. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pengurangan kepada bayaran bekalan tenaga letrik di Sabah. Berapakah jumlah hutang Jabatan-jabatan Kerajaan di Sabah

kepada Lembaga Letrik Sabah (S.E.B) sehingga bulan September 1989, berbanding kepada sektor awam. Mengapakah pihak Lembaga Letrik Sabah (S.E.B) tidak dapat mengenakan kadar bayaran bulanan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan sebagaimana yang dikenakan kepada sektor-sektor awam.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Pada pandangan kami soalan Yang Berhormat ialah sama ada bayaran tertunggak bagi bil Lembaga Letrik Sabah (LLS) telah berkurangan. Ingin saya maklumkan bahawa jumlah bil tunggakan LLS telah pun berkurangan.

Jumlah hutang (bil tunggakan) bagi Jabatan-jabatan Kerajaan di Sabah kepada LLS sehingga bulan September 1989 ialah \$24.81 juta. Dari segi pecahan, hutang Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Sabah ialah \$18.66 juta dan bakinya \$6.15 juta ialah Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan. Hutang bagi sektor awam sehingga bulan September 1989 ialah \$57.86 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, LLS mengenakan bayaran bulanan kepada semua Jabatan-jabatan Kerajaan seperti juga sektor awam.

BAHASA IBUNDA DAN AGAMA IBUNDA—MATA- PELAJARAN WAJIB

19. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengenalkan matapelajaran Bahasa Ibunda (POL) dan Agama Ibunda (POR) secara wajib bagi semua murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah kecuali ibubapa-ibubapa murid-murid berkenaan memilih opsyen tidak mahu menerima POL dan POR itu kerana pengenalan matapelajaran seumpama itu akan membuktikan penghormatan tulin Kerajaan terhadap berbagai-bagai bahasa dan agama yang wujud di negara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mewajibkan mata-mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil kepada semua murid di sekolah rendah dan menengah. Bahasa Cina dan bahasa Tamil ditawarkan kepada murid-murid tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam seksyen 2, Akta Pelajaran 1961.
- (b) Kementerian Pendidikan juga tidak bercadang untuk mewajibkan matapelajaran Agama selain daripada Agama Islam. Pengajian agama tertakluk kepada perkara 38 dalam Akta Pelajaran 1961.

TANAMAN POKOK KERTAS

20. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan pihak Jabatan Perhutanan Kelantan telah menanam beribu-ribu ekar dengan pokok kertas di Jajahan Kuala Krai dan sekarang telah pun berumur hampir 10 tahun. Di satu masa dahulu ada ura-ura untuk membina/mendirikan kilang Kertas di Kuala Krai, dan sudah wajar benarlah kilang ini didirikan di Kuala Krai:

- (a) adakah cadangan berdiri/membina Kilang Kertas masih wujud untuk didirikan di Kuala Krai; dan
- (b) jika ya, bilakah kilang ini akan didirikan dan jika tidak, di mana dan mengapa dipindahkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias in Md. Ali): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada kawasan ditanam dengan

pokok-pokok kertas seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat berkenaan. Cadangan bagi Pembinaan Kilang Kertas di Kuala Krai itu telah tidak dapat diteruskan memandangkan bahawa projek tersebut tidak berdaya maju.

- (a) Tidak.

PUSAT SERENTI

21. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyak pusat-pusat serenti yang telah ada di negara bagi mereka yang terlibat dengan dadah;
- (b) berapa ramai bilangan mereka yang ada di Pusat-pusat Serenti sehingga masa kini dan berapa perbelanjaan Kementerian dalam mengendalikan Pusat-pusat tersebut sejak 1986;
- (c) berapa ramai mereka yang telah lari dari Pusat tersebut sejak tahun 1986 dan apakah sebab-sebab yang boleh mereka dapat melarikan diri dari pusat tersebut dan apakah tindakan Kementerian dalam hal ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Bilangan Pusat Serenti yang beroperasi penuh pada masa kini adalah sebanyak 8 buah.
- (b) Sejak tahun 1986 hingga kini bilangan pelatih yang telah dan sedang menerima rawatan dan pemulihan dadah melalui Pusat-pusat Serenti ialah sejumlah 10,862 orang.

Perbelanjaan Kementerian untuk mengendalikan pusat-pusat tersebut bagi tempoh 1986 hingga kini ialah sebanyak \$35,734,340.00.

- (c) Bilangan yang lari dari pusat sejak tahun 1986 hingga bulan Ogos, 1989 ialah 1,270 orang iaitu merupakan kira-kira 11.69% daripada jumlah pelatih bagi tempoh berkenaan. Pusat-pusat Serenti merupakan institusi therapeutic yang mengamalkan konsep institusi terbuka. Oleh itu penekanan adalah dalam aspek sekatan-sekatan psikologikal daripada fizikal. Mereka yang lari merupakan sebilangan kecil yang masih belum dapat menyesuaikan diri dengan program rawatan dan pemulihan yang diadakan di institusi berkenaan.

Di samping mengadakan gerakan mencari pelatih-pelatih yang lari tindakan juga diambil untuk memperketatkan langkah-langkah keselamatan dan aspek psikologikal termasuklah meningkatkan kawalan keselamatan dan mengadakan program orientasi bagi pelatih-pelatih baru.

PELANCONG KE MALAYSIA— JUMLAH

22. **Tuan Micheal Asang** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelancong yang datang ke Malaysia sejak Januari 1989 hingga 30-9-1989 dan juga jumlah hasil pendapatan yang diperolehi oleh Negara kita daripada pelancong berkenaan;
- (b) negeri manakah yang paling banyak menerima kunjungan pelancong asing; dan
- (c) adakah Kementerian berpuas-hati dengan usaha kempen yang dibuat selama ini untuk persediaan menyambut Tahun Melawat Malaysia 1990.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman:

- (a) Adalah diramalkan bahawa seramai 3.95 juta pelancong akan mengunjungi Malaysia pada tahun 1989 dan kadar pertumbuhan sebanyak +9.0% berbanding dengan tahun 1988. Anggaran yang dibuat adalah berdasarkan kepada tahun.

Dari segi pendapatan pelancongan pula, adalah dianggarkan berjumlah \$2.266.2 juta bagi 1989, iaitu pertumbuhan sebanyak +12.6% jika dibandingkan dengan 1988.

- (b) Mengikut rekod PKPM adalah didapati bahawa negeri-negeri yang sering dikunjungi oleh pelancong-pelancong adalah terletaknya di pintu-pintu masuk utama seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru;
- (c) Ya.

PENSWASTAAN DAN PERSYARIKATAN MALAYSIA

23. **Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah perkembangan yang telah dicapai melalui penswastaan dan persyarikatan Malaysia dalam pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial di negara ini. Berapa banyak pengurangan perbelanjaan Kerajaan dan pulangan hasil yang dapat diperolehi melalui konsep ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Sejak dasar penswastaan dilaksanakan lima tahun lalu, sebanyak 23 syarikat kepunyaan Kerajaan dan projek utama telah diswastakan.

Melalui program penswastaan ini Kerajaan telah dapat mengurangkan beban kewangan sebanyak kira-kira

\$5,007 juta, manakala pulangan hasil yang diperolehi daripada penjualan aset adalah sebanyak \$775 juta. Program ini juga telah dapat mengurangkan bilangan kakitangan Kerajaan seramai kira-kira 30,900 orang.

Selain daripada 23 syarikat tersebut, tindakan sedang giat dilaksanakan bagi menswastakan 8 projek, sementara 69 projek lagi telah dikenalpasti sebagai sesuai untuk diswastakan.

Mengenai Dasar Pensyarikatan Malaysia, sebenarnya sehingga sekarang belum ada satu kajian dijalankan mengenai kekesanannya. Namun begitu, sifat terbuka dan responsif pihak Kerajaan mahupun swasta akan terus membuka jalan untuk penglibatan kedua-dua pihak dalam pembangunan negara.

Kerajaan mengalu-alukan penglibatan pihak swasta di dalam penggubalan dasar pembangunan negara. Ini termasuk penglibatan mereka di dalam dialog tahunan belanjawan, Majlis Perundingan Ekonomi Negara, Pasukan Petugas Pelan Induk Perindustrian dan lain-lain lagi. Pandangan daripada sektor swasta juga telah diambil kira semasa membuat pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, begitu juga semasa pembentukan garis panduan ekuiti dan perbagai insentif galakan. Kerajaan juga peka dengan pandangan-pandangan yang disarankan dalam seminar-seminar yang dianjurkan oleh sektor swasta dan lain-lain pihak yang berkaitan dari masa ke semasa.

RUMAH KELUARGA TERMISKIN—BANTUAN

24. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk Projek Pembasmian Kemiskinan

dan membantu golongan miskin di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Berapakah jumlah rakyat miskin yang mendapat faedah melalui bantuan Pulih Rumah dan berapakah jumlah setiap penerima.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk membantu golongan termiskin di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ialah sebanyak \$31.65 juta bagi tahun 1989. Kerajaan-kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan membina semula atau membaiki rumah-rumah keluarga termiskin secara berperingkat dengan peruntukan yang disediakan. Jumlah keluarga termiskin yang mendapat faedah di bawah program ini belum diketahui lagi. Kadar bantuan di bawah program ini adalah seperti berikut:

(a) Pembinaan semula Rumah	Semenanjung	Sabah/ Sarawak
(i) Rumah Biasa	\$2,000.00	\$2,500.00
(ii) Rumah Panjang	—	\$1,500.00 Satu pintu
(b) Bantuan Membaiki Rumah	Semenanjung	Sabah/ Sarawak
(i) Rumah Biasa	Maksima: \$1,000.00 (Mengikut keadaan rumah)	Maksima: \$1,500.00 (mengikut keadaan rumah)
(ii) Rumah Panjang	—	Maksima: \$700.00 (satu pintu mengikut keadaan rumah)

RAMPASAN KUASA

25. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sebarang siasatan telah dijalankan oleh pihak Polis atas tuduhan oleh Perdana Menteri bahawa kononnya ada

golongan tertentu yang merancang untuk merampas kuasa beliau dan Kerajaan melalui cara-cara bukan demokratik, jika ya, adakah tuduhan itu berasas dan siapakah mereka yang mahu menggunakan cara-cara bukan demokratik untuk mengambilalih kuasa dalam negara.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Pihak berkuasa Polis telah pun menjalankan siasatan rapi atas mereka yang terlibat di dalam rancangan untuk merampas kuasa yang dimaksudkan itu dan seramai 26 orang telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri sementara 5 orang dikenakan Perintah Sekatan mengikut Seksyen 8 (5) Akta yang sama. Selain dari itu, 7 orang dihadapkan ke Mahkamah atas tuduhan-tuduhan kesalahan memiliki senjata, peluru dan bahan-bahan letupan secara tidak sah mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri.

BAYARAN TAMBAHAN MEMBAIKI LEBUHRAYA TIMUR-BARAT— DAKWAAN

26. Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau telah menjalankan satu penyiasatan ke dalam dakwaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bahawa Jabatan Kerjaraya tidak dapat membuktikan bahawa kelulusan diberi untuk membayar bayaran tambahan ke atas kerja-kerja pembaikan ke atas Lebuhraya Timur-Barat yang menyebabkan bayaran berlebihan sebanyak \$30 juta kepada para pendorong yang berkenaan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perkara yang dibangkitkan tersebut sekarang masih di dalam pertimbangan pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan sehingga tarikh ini pihak Jawatankuasa

berkenaan belum lagi membuat ketetapan berhubung dengannya. Sungguhpun demikian beberapa kenyataan akhbar telah dibuat mengenai perkara ini yang seolah-olah memberi gambaran bahawa pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah pun membuat ketetapan muktamad mengenainya.

Sukalah saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya telah pun membuat penyiasatan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan tersebut. Sekiranya perlu siasatan lanjut akan dibuat selepas Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara membuat ketetapannya. Dari penyiasatan yang telah dibuat itu, Kementerian saya mendapati bahawa bayaran yang dibuat kepada pendorong adalah mengikut syarat-syarat kontrak yang telah dipersetujui. Masalah yang timbul ialah terdapat perbezaan pendapat tentang kerja-kerja yang perlu dibayar. Pihak JKR menganggap kerja-kerja untuk membina "Embankment" bagi menguatkan cerun-cerun yang telah runtuh, yang melibatkan kerja-kerja mengorek dan pembuangan tanah runtuh yang tidak sesuai dan menggali dan membina serta penambahan semula tanah baru wajar dibayar sepertimana yang dipersetujui di bawah kontrak berkenaan dan ini adalah selaras dengan amalan JKR dalam pelaksanaan projek-projek pembinaan jalan yang lain. Jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam kerja-kerja berkenaan ialah sebanyak lebih kurang \$30.958 juta.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat iaitu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara menyatakan pihak Jabatan Kerjaraya tidak dapat membuktikan bahawa kelulusan diberi untuk membayar bayaran tambahan ke atas kerja-kerja pembaikan, sukalah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini dakwaan itu mungkin timbul dari anggapan yang kurang tepat dari

berita yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar tertentu. Dari rekod-rekod di Jabatan Kerjaraya semua bayaran-bayaran tambahan yang telah dibuat tersebut adalah didapati teratur mengikut syarat-syarat kontrak di mana kuasa meluluskannya terletak di tangan Pengarah Cawangan Jalan, Jabatan Kerjaraya sebagai Juru-tera projek tersebut. Segala bayaran yang diluluskan oleh Juru-tera adalah tertakluk kepada jumlah harga kontrak asal dan juga tambahan-tambahan kemudiannya sebanyak \$180 juta keseluruhannya. Jumlah ini telah pun terlebih dahulu diluluskan oleh pihak perbendaharaan, iaitu harga asal sebanyak \$36.67 juta pada bulan April 1983 dan tambahan-tambahan berikutnya sebanyak \$113.33 juta dan \$30 juta pada bulan Jun 1984 dan bulan April 1986. Setakat ini jumlah yang sebenarnya telah dibayar kepada pemborong berkenaan adalah hanya sebanyak \$175.35 juta termasuk \$30.958 juta yang dinyatakan di atas, iaitu kurang daripada \$180 juta yang telah pun diluluskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat secara latar belakang, projek Lebuhraya Timur-Barat ini telah dimulakan pembinaannya pada tahun 1970 oleh JKR sendiri dan disiapkan pada tahun 1982 dengan jumlah belanja lebih kurang sebanyak \$396 juta. Sebaik sahaja ianya dibuka kepada lalulintas, jalan raya tersebut telah menunjukkan tanda-tanda kegagalan pada cerun-cerun kerana musim tengkujuh pada tahun-tahun 1981, 1982 dan 1983. Bagi mengelakkan keadaan jalan raya tersebut menjadi lebih teruk lagi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki cerun-cerun di sepanjang jalanraya berkenaan. Satu kontrak untuk memperbaiki cerun-cerun tersebut telah diberi kepada sebuah syarikat pemborong pada harga \$36.67 juta dalam tahun 1983. Semasa kerja-kerja pembaikan ini dilaksanakan banyak keruntuhan-keruntuhan baru telah berlaku secara berterusan yang

melibatkan sebanyak 102 cerun di 43 lokasi. Oleh kerana ini, harga kontrak terpaksa ditambah sehingga \$150 juta dalam bulan Jun 1984 dan seterusnya ditambah lagi kepada \$180 juta dalam bulan April 1986. Tambahan-tambahan harga kontrak ini telah pun diluluskan oleh pihak Perbendaharaan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

KEDAI BEBAS CUKAI DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

27. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa barang-barang yang dijual di kedai-kedai di Kuala Lumpur adalah lebih murah daripada jenis barangan yang sama yang terdapat di kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Subang (contohnya alat-alat sukan). Mengapa demikian. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini sebagai langkah untuk menghadapi Tahun Melawat Malaysia 1990.

Dato' Loke Yuen Yow: Bagi barang-barang yang tidak tertakluk kepada cukai, harga di kedai bebas cukai mungkin lebih mahal sedikit dari kedai biasa di Kuala Lumpur kerana faktor kos "overhead" dan jumlah jualan barang tersebut. Bagi barangan sukan harga di kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Subang adalah sama ataupun lebih murah dari harga di kedai biasa di Kuala Lumpur. Harga setengah-setengah barangan sukan itu sama kerana pengusaha kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Subang membeli barangan sukan dari Singapura. Adalah didapati bagi setengah-setengah harga di Singapura adalah lebih mahal daripada yang dijual di Kuala Lumpur. Perbezaan harga ini boleh berlaku oleh sebab beberapa faktor seperti berikut:

- (i) Agen-agen barangan sukan membuat Malaysia sebagai "dumping ground" dan selalu membuat jualan istimewa;

- (ii) Ada kalanya barangan ini dibeli terus dari agen luar negeri dan harganya adalah lebih murah berbanding dengan harga jualan oleh agen tempatan mahupun harga jualan di Singapura;
- (iii) Terdapat barangan yang "obselete" yang mana tidak di jual lagi di kedai bebas cukai;
- (iv) Kemungkinan terdapat barang-barang tiruan di kedai-kedai di Kuala Lumpur.

Memandangkan perkara yang timbul ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang mempengaruhi pengusaha-pengusaha menetapkan harga barangan mereka yang sebaliknya tertakluk kepada faktor-faktor pasaran bersaing (competitive market) maka adalah agak sukar bagi Kerajaan untuk mengawal harga barangan tersebut tanpa menjejaskan hak kebebasan pengusaha dalam menjalankan perdagangan mereka. Walau bagaimanapun dari masa ke semasa pihak Kerajaan dalam mengambil langkah untuk menasihati pengusaha kedai bebas cukai supaya menjual barangan mereka dengan harga yang lebih kompetatif berbanding dengan harga barangan yang sama yang terdapat di kedai-kedai di Kuala Lumpur.

PEMBAWA AIDS

28. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) bilangan kes Sindrom Kegu-rangan Daya Tahanan (AIDS) dan pembawa-pembawa AIDS yang dikesan sehingga akhir Ogos 1989;
- (ii) bilangan kematian yang disebabkan oleh AIDS;

- (iii) memandangkan betapa seriusnya masalah AIDS di Malaysia, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk meningkatkan kempen terhadap penyakit pembunuh ini kerana melainkannya tindakan tegas dan perancangan yang komprehensif diambil sekarang, masalah ini semakin bertambah buruk sebagaimana yang diperlihatkan di negara-negara jiran kita; dan

- (iv) apakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk merekomendasikan Kementerian Dalam Negeri untuk memperketatkan pemeriksaan ke atas orang-orang yang masuk dan keluar negara ini.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

PENGIDAP AIDS

29. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah pencegah yang diambil untuk mencegah pengidap-pengidap AIDS daripada menderma darah dan bahawa darah yang diderma oleh orang awam bebas daripada pencemaran AIDS; juga nyatakan bilangan penerima darah yang mengidap penyakit AIDS selepas pemindahan darah dan apakah pampasan yang akan dibayar kepada mangsa-mangsa berkenaan.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab pada 16-10-1989 kepada

soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

DISIPLIN PEGAWAI PENJARA

30. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa adakah Kerajaan sedar pada baru-baru ini Pegawai Penjara telah terlibat dalam beberapa kes kelakuan tidak sopan seperti menjual dadah kepada orang tahanan, membantu orang tahanan untuk melari diri memukul orang tahanan dan lain-lain. Dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menubuh satu jawatankuasa khas untuk menyiasat taraf semakin merosot, kerosakan imej dan disiplin Pegawai Penjara.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan memang sedar bahawa ada pegawai-pegawai penjara yang terlibat di dalam kes-kes sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, ini merupakan salahlaku di sisi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan, dan tindakan tatatertib atau mahkamah jika keadaan memerlukan akan diambil terhadap mereka yang terlibat setelah dijalankan siasatan rapi. Oleh itu tidaklah perlu ditubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat taraf disiplin di kalangan pegawai-pegawai penjara.

PERTUMBUHAN EKONOMI

31. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan taraf pemulihan ekonomi dan anggaran kadar perkembangan untuk tiga tahun yang akan datang.

Dato' Loke Yuen Yow: Ekonomi Malaysia telah pulih sepenuhnya semenjak tahun 1987 bila ia mencatat

pertumbuhan sebenar sebanyak 5.3 peratus, dan telah terus mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.7 peratus pada tahun 1988, iaitu kadar pertumbuhan tertinggi dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas.

Kadar jangkaan sebenar bagi tahun 1989 dan 1990 akan dinyatakan semasa membentangkan Belanjawan tahun 1990 nanti.

Dalam tempoh jangka sederhana, kita percaya ekonomi Malaysia akan terus mengalami pertumbuhan yang kukuh iaitu di antara 6 hingga 7 peratus setahun. Jangkaan ini bergantung kepada sejauh mana sektor swasta mengambil peluang daripada insentif yang diberikan oleh Kerajaan serta juga kekuatan dorongan luar negeri.

MALAYSIA SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN BARU (NIC)

32. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan pendapat Kerajaan terhadap Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian baru (newly industrialised country (NIC).

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Karpal Singh itu adalah hampir sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah saya jawab di persidangan Dewan ini pada 16 Oktober lalu. Oleh itu, saya tidak bercadang hendak menjawabnya lagi. Memadailah saya tegaskan bahawa matlamat utama kita ialah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat, pengagihan pendapatan dan peluang yang saksama dan perpaduan rakyat yang kukuh. Dalam hal ini, pembangunan industri pembuatan adalah menjadi salah satu daripada strategi utama pembangunan negara.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1990**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada 27hb Oktober 1989 ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1988 DAN 1989) (NO. 2)**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 2) 1989**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$125,681,240 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1989, untuk menampung

sejumlah \$125,681,240 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) dan juga usul Kumpulan Wang Pembangunan mengenai tambahan peruntukan Pembangunan bagi tahun 1989.

Saya tidak bercadang menjawab satu persatu akan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Memadailah saya menyentuh perkara-perkara yang agak penting sahaja berkaitan dengan tambahan yang saya berikan ini. Perkara-perkara yang tidak saya jawab ia adalah diambil perhatian bagi tindakan susulan. Sebagaimana tambahan-tambahan peruntukan di tahun-tahun sebelum ini, tambahan yang dibentangkan pada kali ini adalah juga bagi menampung keperluan yang tidak dapat dipenuhi daripada peruntukan asal dan juga tambahan-tambahan peruntukan yang telah dibuat

bagi tahun 1988 dan 1989. Tambahan ini adalah penting bagi menentukan peruntukan-peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan perkhidmatan Kerajaan serta pembiayaan pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan tidak terjejas. Dalam hal ini aspek-aspek pentadbiran kewangan memang telah diambilkira dan akan terus diambilkira supaya tambahan yang dipinta ini dibelanjakan mengikut peraturan-peraturan pentadbiran kewangan yang ada. Setiap pegawai awam yang mengendalikan wang awam adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang ditentukan bagi menentukan akauntabiliti. Jika terdapat penyelewengan yang nyata maka sudah tentu pihak Ketua Audit Negara akan bertindak membuat perhatian yang serius. Kerajaan memandang berat pemerhatian-pemerhatian tersebut jika didapati penyelewengan berlaku, tindakan yang setimpal akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan yang diperlukan ini telah didapati benar-benar perlu dan tidak dapat dielakkan. Caruman \$800 juta ini ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan 1988 adalah oleh kerana Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988 telah mengalami kekurangan lebih kurang \$684 juta. Maka dengan caruman itulah kekurangan telah dapat dibendung menjadi \$84 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek pembangunan yang telah diputuskan untuk pelaksanaan adalah berdasarkan kepada keperluan-keperluan yang telah dikenalpasti. Kerajaan tidak mengabaikan keperluan dan kepentingan pihak-pihak tertentu dan kalau boleh kesemuanya hendak dipenuhi dan ditemui, tetapi Kerajaan tidak berkemampuan untuk menemui kesemua kehendak-kehendak tersebut sekali gus dan pada satu masa disebabkan oleh kedudukan kewangan

yang terhad. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperuntukkan adalah mengikut kemampuan kewangan yang ada. Jika tidak dapat dipenuhi masa ini, Kerajaan akan cuba menemuinya di lain tempat jika keadaan kewangan mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Pembangunan adalah sebuah Kumpulan Wang Amanah dan juga satu Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Akta ini sedang dikaji semula oleh Kerajaan dan adalah diharapkan pentadbiran Kumpulan Wang ini di masa hadapan akan dapat diperbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun kewangan 1989 satu lagi Kumpulan Wang Amanah perlu diberikan caruman iaitu Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri Pegawai-pegawai Awam. Oleh kerana peruntukan yang ada dalam Kumpulan Wang Amanah tersebut tidak mencukupi untuk menampung keperluan memberikan pendahuluan diri kepada pegawai awam yang berkenaan bagi tujuan menjelaskan pembayaran bil-bil yang telah dikemukakan oleh pembekal-pembekal tertentu bagi membuat pembayaran oleh Kementerian Pertahanan. Bayaran tidak dapat dibuat di bawah peruntukan tahunan Kementerian Pertahanan oleh kerana peruntukan tidak mencukupi. Sementara penyiasatan lanjut sedang dibuat, bayaran kepada pembekal perlu dijelaskan dan cara yang paling sesuai ialah dengan dipertanggungjawabkan kepada pegawai awam yang berkenaan yang akan dikenakan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada membangkitkan soal accountability Kerajaan dan mengambil contoh-contoh beberapa skandal kerugian dan kes-kes rasuah sebagai kegagalan dasar

bersih, cekap dan amanah Kerajaan tidak berhasil. Beliau memandangkan Ombudsman ditubuhkan kerana pada pendapat beliau Jawatankuasa Kabinet mengenai pengurusan yang telah ditubuhkan tidak akan dapat mencegah segala keburukan dan salah laku serta penyelewengan yang mungkin berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bukanlah penilaian, pendapat serta bantangan yang baru daripada beliau bahkan bagi semua Ahli-ahli parti pembangkang. Memang sikap Pembangkang apa yang Kerajaan buat mesti dibangkang oleh apa pun yang dikatakan. . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan. Kerajaan akan terus berusaha mengambil tindakan bagi membanteras segala apa penyelewengan yang mungkin berlaku. Satu unit baru telah ditubuhkan. . . .

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang minta penjelasan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan. Satu unit baru telah ditubuhkan di Perbendaharaan untuk membantu Jawatankuasa Kabinet mengenai pengurusan Kerajaan dalam membanteras penyelewengan dalam pengurusan wang awam. Adalah diharapkan dengan penubuhan unit ini usaha-usaha dan tindakan yang lebih tegas dan ketat akan dilaksanakan ke atas usaha-usaha mengawal penyelewengan serta membanteras salah guna wang awam daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah juga membangkitkan tentang perlunya diperketatkan undang-undang dan peruntukan peraturan-peraturan bagi mengawal perjalanan bank, insurans, pasaran saham, koperasi dan pemaju perumahan. Kisahannya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang seolah-olah kita tidak mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan yang sesuai. Sukalah saya menjelaskan bahawa sebelum sesuatu undang-undang atau peraturan diadakan buruk baiknya perlu dikaji terlebih dahulu supaya negara kita tidak merupakan sebuah negara yang mempunyai paling banyak dan paling ketat undang-undang dan peraturan-peraturan dalam bidang-bidang yang berkenaan yang menjadi sekatan dan halangan kepada urusan-urusan pelaburan dan perniagaan dalam kegiatan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$8 juta bagi pembangunan untuk kampung-kampung baru di bawah Rancangan khas telah dibuat sebanyak \$3 juta dalam tahun 1989 dan \$5 juta dalam tahun 1990 bagi tujuan yang sama. Ini adalah oleh kerana peruntukan Rancangan Malaysia Kelima bagi kampung-kampung baru telah habis dibelanjakan dalam tahun 1989. Pertumbuhan peruntukan ini di antara lain bertujuan untuk menaikkan lagi taraf kehidupan di kampung-kampung baru di seluruh negara.

Mengenai keperluan perumahan kos rendah, Kerajaan memang sentiasa mengambil berat mengenai perkara ini. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$870.56 juta dan \$341 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima telah disediakan. Peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah rendah kalau dibandingkan dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam kerana sebahagian program khas perumahan kos rendah adalah dilaksanakan

melalui pihak swasta. Di bawah program khas ini adalah diharapkan lebih banyak lagi rumah kos rendah akan dapat dibina. Selain daripada itu, peruntukan khas juga disediakan untuk pinjaman kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah yang diuruskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan masalah kekurangan rumah kos rendah bagi golongan miskin di Kuala Lumpur. Mengenai perkara ini sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$190.5 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat bagi membina 26,460 unit rumah awam kos rendah di Kuala Lumpur. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima pula sejumlah \$44.1 juta telah diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, pembelian senjata pertahanan di bawah M.O.U. belum boleh diumumkan setakat ini kerana butir-butirnya belum diputuskan setakat ini. Walau bagaimanapun jika pembelian alat-alat tersebut dipersetujui di antara kedua-dua belah pihak ia tidak akan menjejaskan persediaan peruntukan pembangunan bagi projek-projek memaju dan mempertingkatkan taraf hidup rakyat negara kita ini. Kerajaan tidak akan mengabaikan kepentingan pembangunan negara dalam bidang lain dan bidang pertahanan. Kita tunggulah Rancangan Malaysia Keenam yang akan diumumkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan mengenai pemilihan peserta-peserta rancangan tanah FELDA, sukalah saya menjelaskan bahawa pemilihan peserta-peserta penyertaan tanah FELDA adalah yang sebenarnya diuruskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di mana rancangan FELDA itu dilaksanakan. Borang-borang permohonan yang seragam diedarkan oleh FELDA untuk diisi

oleh pemohon-pemohon. Kriteria pemilihan peserta ditetapkan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diperlukan sebagaimana yang terkandung dalam borang permohonan berkenaan. Rakyat daripada golongan miskin sememangnya diberikan keutamaan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk dipilih sebagai peserta rancangan FELDA. Mengenai kaum-kaum nelayan miskin untuk menyertai rancangan tanah Kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan mereka itu. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka ini adalah tertakluk daripada permohonan dari nelayan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan infrastruktur asas di kawasan-kawasan luar bandar Kerajaan sememangnya sentiasa memberi perhatian yang berat kepada perkara ini dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima peruntukan yang telah disediakan bagi menyediakan projek-projek infrastruktur asas seperti jalan-jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah berjumlah sebanyak \$1007 juta. Dalam pada itu, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Dewan ini juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$800 juta iaitu \$400 juta dalam tahun 1989 dan \$400 juta dalam tahun 1990 untuk membolehkan lebih banyak lagi projek-projek infrastruktur luar bandar dilaksanakan.

Seperti yang telah saya jelaskan tadi, Kerajaan adalah memberi perhatian berat terhadap menyediakan kemudahan-kemudahan luar bandar, dan Kerajaan akan sentiasa memberikan perhatian utama kepada keperluan

infrastruktur asas luar bandar dengan menyediakan peruntukan-peruntukan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan sebanyak \$82.9 juta adalah diperlukan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk menampung keperluan perbelanjaan bagi membiayai projek-projek kecil sosio-ekonomi di bandar dan di luar bandar. Projek-projek kecil sosio-ekonomi ini adalah berasaskan kepada keperluan setempat dan yang dikemukakan sama ada melalui Wakil-wakil Rakyat atau Jawatankuasa Kemajuan Kampung kepada Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri. Permohonan-permohonan ini adalah merupakan projek-projek yang benar-benar akan memberi manfaat kepada rakyat. Oleh itu, saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa peruntukan tambahan yang diperlukan itu tidak bertujuan untuk memancing undi tetapi sebaliknya adalah semata-mata untuk memperbaiki taraf hidup rakyat di bandar dan di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya tidak beri jalan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan peruntukan tambahan yang diberikan kepada Maksud B. 27—Kementerian Luar Negeri di mana sebanyak \$3,078,900 tambahan untuk CHOGM. Untuk makluman, jumlah peruntukan yang disediakan bagi CHOGM ialah kesemuanya berjumlah \$39,375,500. Peruntukan tersebut diperlukan bagi memenuhi keperluan-keperluan keselamatan, pengangkutan, penginapan kemudahan-kemudahan dan peralatan mesyuarat, komunikasi, publisiti dan media, keraian, sosial dan

layanan rasmi, alam sekitar dan lain-lain perkara asas yang diperlukan bagi mengendalikannya mesyuarat di peringkat antarabangsa yang besar pernah diadakan oleh Malaysia kita ini.

Kerajaan mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya perbelanjaan CHOGM juga digunakan dengan lebih berkesan. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya tidak beri jalan.

Saya ingin menegaskan bahawa perbelanjaan-perbelanjaan yang dikenakan untuk CHOGM adalah dibuat dengan berhati-hati, iaitu untuk perkara-perkara yang asas dan tidak dapat dielakkan sahaja bagi menjamin kejayaan Persidangan ini. Selaku tuan rumah kepada CHOGM 1989 ini adalah menjadi satu amalan biasa seperti juga yang diamalkan oleh lain-lain negara memberikan layanan percuma kepada Ketua-ketua Negara Komanwel yang menghadiri CHOGM. Mengenai.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya tidak beri jalan. Jangan kacau. Tidak mahu gaduh lagi—cukup.

Mengenai persoalan "ceremonial" dan "upacara" CHOGM yang telah diberi liputan yang luas oleh media massa, ini adalah satu usaha Kerajaan untuk menyebarkan perkara ini kepada rakyat jelata supaya timbul satu kesedaran dan penglibatan rakyat secara tidak langsung, di mana mereka

sedar akan peranan Malaysia dalam memperjuangkan isu-isu ekonomi, politik dan sosial di peringkat antarabangsa. Misalnya isu apartheid, masalah beban hutang negara-negara membangun dan masalah alam sekitar.

Kerajaan berpendapat bahawa dengan menganjurkan CHOGM kita akan dapat banyak faedah, misalnya kita dapat memperkenalkan Malaysia kepada negara-negara Komanwel khususnya dan dunia amnya dan seterusnya dijangka dapat mempertingkatkan atau menarik pelabur-pelabur asing, pelancong, perdagangan dan perkara-perkara lain yang positif yang akan menonjolkan imej Malaysia yang amat serius dalam memperjuangkan isu-isu universal seperti masalah dadah dan alam sekitar serta isu-isu khusus seperti masalah Afrika Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya memberi penekanan kepada pembangunan industri kecil dan sederhana pada masa ini. Untuk mempertingkatkan lagi program ini, Kerajaan sedang berusaha untuk mengadakan pelan tindakan bagi memastikan ianya dapat berjalan dengan lancar. Kerajaan berpendapat buat masa ini tidaklah perlu diadakan satu pusat serenti yang khusus bagi mengendalikan industri kecil kerana fungsi ini sudahpun dijalankan oleh MIDA.

Berhubung dengan persoalan pertindihan fungsi dalam membangunkan industri kecil, apabila Unit Industri Kecil berpindah dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa persoalan tersebut tidak akan berbangkit kerana satu Pasukan Pertugas Industri Kecil dan Sederhana telahpun ditubuhkan untuk menelaraskan fungsi-fungsi yang

berkaitan dengan pembangunan industri kecil dan sederhana itu yang dijalankan di pelbagai agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekianlah ucapan saya bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan Usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan tahun 1989. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, sukalah saya menegaskan bahawa perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian dan di mana perlu tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan-wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$125,681,240 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$125,681,240 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusi* Jawatankuasa)

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$610,229,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1988 bagi Maksud-maksud Bekalan B.27 dan B.30 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$148,528,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1989 bagi Maksud-maksud Bekalan B.7, B.10, B.20, B.25, B.27, B.30 dan B.42 untuk Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual. Dan

wang sejumlah tidak lebih daripada \$125,681,240 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 2) 1989 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.8, P.14, P.17, P.19, P.20, P.21, P.26, P.31, P.51, P.53 dan P.54 untuk Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 Tahun 1989 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 1988 dan 1989 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1989 sebentar tadi. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31A Tahun 1989 dan 32A Tahun 1989 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1988 dan Tambahan Kedua 1989 dan Kertas Perintah 33A Tahun 1989 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1989. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.7 dan B.10 (Jadual Kedua)—

Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1989)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Maksud Bekalan B.7 dan B.10 dan Maksud Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanjung.

4.04 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjung): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kertas Perintah 32 Tahun 1989, Maksud B. 7 Jabatan Perdana Menteri dan sebelum itu tadi kita lihat satu contoh yang baik di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kalau tidak di“spoonfed” tidak boleh ada prestasi dalam Dewan yang mulia ini, yang tidak “spoonfed” tidak guna, tidak setaraf, tidak layak, tidak sesuai

Dato' Loke Yuen Yow: Minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Apabila Yang Berhormat ada bercakap dalam Bill, dalam Rang Undang-undang dua hari dahulu, dia tidak mahu beri jalan.

Dato' Loke Yuen Yow: Minta jalan.

Tuan Ong Tee Keat: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi ada orang . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta Yang Berhormat dari Tanjung, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Tanjung duduk! Apa point of order, Yang Berhormat?

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, point of order 36 (1). Nampaknya Yang Berhormat dari Tanjung ini tidak menyentuh kepada apa yang patut dibincangkan, sudah menyeleweng.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata tidak guna, tidak layak dan tidak sesuai membentangkan Budget ini. Kalau seorang Timbalan Menteri tidak layak bagaimana kita boleh bincang dengan baik dalam pengurusan ini? Itu relevant; 36 (1) tidak relevant!

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi belum buat ruling lagi.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya teruskan? Kalau tidak layak, tidak layaklah!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini, pasar! Dia rasa ini pasar MCA!

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjung, Yang Berhormat dari Ampang Jaya, semua duduk sekejap, ketiga-tiga Yang Berhormat duduk! Saya tidak boleh benarkan kelakuan begini. Kalau ada apa-apa, pandanglah kepada saya dan sekarang Yang Berhormat dari Tanjung menghadkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebenarnya saya tidak begitu mahu bercakap tetapi oleh kerana peruntukan ini dibentang oleh seorang Timbalan Menteri yang tidak layak, tidak qualified, saya rasa perlulah cakap sedikit . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah, Yang Berhormat, tidak payah penerangan.

Dato' Loke Yuen Yow: Kalau dia cakap lagi . . .

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini, pasar MCA!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat . . .

Dato' Loke Yuen Yow: DAP yang suka hentam MCA tetapi tidak berani hentam UMNO, apa parti ini buat?

Tuan Lim Kit Siang: Dia rasa Dewan MCA, kalau tidak layak, tidak layaklah, jangan marah . . .

Dato' Loke Yuen Yow: Dia berani hentam MCA sahaja, dia tidak berani hentam UMNO.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Loke Yuen Yow: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada buat kesilapan mengapa tidak minta dia letak jawatan? Bodoh!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjung . . .

Dato' Loke Yuen Yow: Only attack MCA. What is good?

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu, hysteria?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk sekejap! Yang Berhormat dari Tanjung, jangan sentuh apa-apa perkara lain, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan teruskan untuk . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat!

Tuan Lau Dak Kee: Tarik balik, tidak payah tarik balik? Ruling daripada Tuan Speaker.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak apalah, Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak payahlah ya? Dia bodoh, tambah bodoh lagi! (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri khasnya mengenai peruntukan \$17 juta yang dikehendaki

untuk menampung perbezaan peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen yang dinaikkan dari \$200,000 kepada \$300,000 seorang seperti yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7hb Disember, 1988. Dalam tanahair kita, politik Barisan Nasional sudah lama mengamalkan diskriminasi, incompetent, tidak ada kecekapan, korupsi, kenapa ada peruntukan ini? Adakah peruntukan ini untuk semua Ahli-ahli Parlimen di Dewan ini?

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Bantahan kerana penggunaan perkataan "korupsi".

Tuan Lim Kit Siang: Korup, ini korupsi, ini politik korupsi!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: 36 (6).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun atas apa?

Tuan Zubir bin Embong: Point of order 36 (6).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa maksudnya?

Tuan Zubir bin Embong: 36 (6)—sangkaan jahat, fasal perkataan "korupsi" itu . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Terhadap siapa, Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Dia lebih tahu kepada siapa dia kata, adakah dia cakap kepada puntung kayu atau pokok kayu?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia kata secara am, Yang Berhormat, itu tidak boleh bantah.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi saya boleh guna pada bila-bila masa perkataan korupsi terhadap DAP?

Tuan Shahidan bin Kassim: DAP korupsi!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): DAP boleh, tetapi . . .

Tuan Zubir bin Embong: Sememang DAP koruppun! Morally corrupt!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli di dalam DAP, tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa makan cili, dia terasa pedas, sebab itu bangun.

Tuan Pengerusi, ini satu contoh yang baik, korupsi politik di tanahair kita, oleh kerana peruntukan ini bukan untuk semua Ahli Parlimen di dalam Malaysia tetapi untuk Ahli-ahli Barisan Nasional sahaja. Kenapa mahu korupkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya mereka takut bantah, apabila ada seorang Timbalan Menteri yang begitu tidak layak, tidak berguna, sampai tidak tahu menjalankan urusan dalam Parlimen ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, ini cakap macam budak-budak.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bermaksud ada korupsi di sini. Tuan Pengerusi, dia histeria, histeria MCA, tidak berguna, tidak mahu ikut, tidak ada tertib.

Tuan Zubir bin Embong: Objection. Point of order, duduk dahulu!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini, duduk, duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Duduk, duduk! Mana itu point of order?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order, duduk, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Apa duduk, duduk? Apa point of order duduk, duduk? Saya hendak tahu mana itu point of order duduk, duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order, duduk, duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order nombor berapa?

Tuan Zubir bin Embong: Point of order, 36 (6).

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order, 36 (6). Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Duduk? Tidak ada point of order duduk, duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (6).

Tuan Lim Kit Siang: Ada point of order. Duduk, duduk! tidak ada.

Tuan Shahidan bin Kassim: Duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat yang lain duduk, kecuali Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Apa itu point of order Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Yang Berhormat dari Tanjong sebentar tadi dengan kurang waras akalnya.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan point of order.

Tuan Zubir bin Embong: Saya baharu hendak sebut, beliau sudah bantah, duduk dahulu!

Tuan Lau Dak Kee: Duduk, biadap!

Tuan Shahidan bin Kassim: Awak yang biadap.

Tuan Zubir bin Embong: Kurang ajar.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak boleh

Tuan Lim Kit Siang: Ha! itu, dia sebut kurang ajar.

Tuan Zubir bin Embong: Dia kata saya biadap. Biadap dan kurang ajar itu lebih kurang serupa maknanya. Tarik balik dahulu, baru saya tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, point of order berapa sekarang?

Tuan Zubir bin Embong: 36 (6), saya baharu hendak sebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Okay.

Tuan Zubir bin Embong: Yang Berhormat dari Tanjung bukan seorang peguam, belum saya menjelaskan, janganlah bangun. Selepas saya duduk, baharulah jawab apa yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 36 (6), sangkaan jahat.

Tuan Zubir bin Embong: Sangkaan jahat. Betullah saya capak.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Terhadap siapa?

Tuan Zubir bin Embong: Dia menyatakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak tahu buat kerja, tidak tahu menguruskan hal ehwal Parlimen.

Tuan Shahidan bin Kassim: Timbalan Menteri!

Tuan Zubir bin Embong: Timbalan Menteri?

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya tidak bantah.

Tuan Zubir bin Embong: Timbalan Menteri, dia kata Timbalan Menteri. Ini satu sangkaan jahat. Sebagai Ketua Pembangkang, kalau membuat perkara-perkara semacam ini menampakkan kerendahan budi, kerendahan akal. Orang sudah tua, saya baharu budak-budak, baharu hendak belajar daripada Yang Berhormat dari Tanjung. Jadi, nampaknya Yang Berhormat dari Tanjung ini memang rendah akal, rendah budi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjung, jangan sebut ataupun sentuh perkara itu tadi. Kita telah selesai sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi ada banyak perkataan yang digunakan unparliamentary. Saya minta satu ruling.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta sangatlah Yang Berhormat dari Tanjung, sila sambung ucapan tadi, jangan sentuh kepada sesiapa. Lebih baik kalau kita teruskan ucapan dan tidak sentuh kepada sesiapa, ia tidak akan jadi begini.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau seseorang tidak layak, tidak layaklah. Itu fakta, bukan sangkaan jahat, itu menunjukkan tadi dan semua orang boleh tengok apa pertikaian, ada masalah. Itu benar.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Dia histeria sekarang, tengok.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Lagi histeria. Saya tidak tahu mengapa.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order, point of order.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)
Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum penjelasan, saya minta ruling. Unparliamentary language ada digunakan seperti kurang ajar, saya minta ruling.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa order, siapa yang buat order.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya angkat tangan, point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tadi ada beberapa orang yang gunakan perkataan itu, sekarang tidak tahu siapa.

Tuan Lim Kit Siang: Kurang ajar tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak tahu siapa, sekarang kita hendak jalankan Dewan Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Tanjong, saya sudah buat satu ruling jangan sentuh kepada sesiapa dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak sentuh kepada sesiapa, kita tahu siapa tidak layak, dan kita semua tahu, jadi tidak layak—histeria pun ada. Boleh saya teruskan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila teruskan Yang Berhormat dari Tanjung.

Dato' Loke Yuen Yow: Ucapan saya tadi itu adalah angka-angka yang saya dapati, seperti \$148 juta yang saya baca tadi, tidak ada ucapan—bodoh!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada ertinya ini, histeria tidak berhenti.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat berdiri begitu, tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Histeria tidak berhenti, mungkin mahu pergi Tanjung Rambutan.

Dato' Loke Yuen Yow: Yang Berhormat itu begitu banyak experienced, janganlah cakap macam itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Yang Berhormat hendak menimbulkan sesuatu, minta pada sayalah dahulu, jangan cakap dahulu.

Dato' Loke Yuen Yow: Dia tidak layak.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak layak, tidak layaklah, jangan histeria lagi. Kalau tidak, pergi Tanjung Rambutanlah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya teruskan. Tuan Pengerusi . . .

Dato' Loke Yuen Yow: Bolehkah saya bercakap?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Atas apa Yang Berhormat?

Dato' Loke Yuen Yow: Bolehkah saya bercakap?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh cakap.

Dato' Loke Yuen Yow: Okay, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu cakap pergi Tanjung Rambutan cakap.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjung.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan kacau saya.

Dato' Loke Yuen Yow: Kawasan Tanjung itu atau kawasan Tanjung Rambutan.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan kacau saya, kalau kacau saya kena. Lagi kacau, dia lagi kena. Mahu lagi? Berdiri! Kalau berdiri terus pergi ke Tanjung Rambutan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, dia cabar saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta apa Yang Berhormat?

Tuan Ong Tee Keat: Saya cuma hendak minta point of order, satu sahaja, 36 (1)—setakat ini nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong masih belum menyentuh B. 7, masih pusing-pusing, mungkin hendak pusing ke Tanjung Rambutan atau ke Tampoi.

Tuan Lim Kit Siang: Ada orang "OTC" (Otak Tak Centre), tidak boleh faham.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjung.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah masuk, saya sudah kata, ini satu peruntukan korupsi politik supaya orang-orang Parlimen tidak bantah ketidakcekapan seorang Timbalan Menteri yang tidak layak pun, tidak boleh bantah, oleh kerana ada peruntukan ini iaitu \$200,000 naik kepada \$300,000. Sebab itulah Yang Berhormat dari Ampang Jaya sangat suka hati dan tidak mahu tengok ada orang yang tidak layak—korupsi, korup. Kalau seseorang di dalam amalan politiknya begitu korup, tidak tahu membezakan apa yang benar, apa yang tidak benar, apa yang betul, apa

yang silap, dia hanya kata so what, so what, salah, so what; korup, so what, itu perangai dan sikap dia. Korup, so what, kita ada kuasa dan boleh menaikkan peruntukan \$200,000 kepada \$300,000 untuk Ahli-ahli Parlimen MCA Ampang Jaya—So what, itu wang kita. Itu bukan wang "kita", itu wang rakyat, ini korupsi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjung, point of order.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah dahulu, janganlah bising.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nombor berapa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: 35 (1)—Jika ada seseorang ahli hendak bercakap hendaklah bangun ditempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi, maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Ini dok arah ke sana, sanalah. Sambung lagi, seseorang ahli tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil oleh Tuan Pengerusi. Buat macam saya ini steady dan sopan sahaja, Yang Berhormat dari Tanjung tidak standard betul. Tanjung Rambutankah?

Tuan Lim Kit Siang: Tengok \$200,000 naik kepada \$300,000 begitu banyak orang boleh capak. Oleh kerana kenaikan ini semua capak banyak sokong. Kita tahu itulah apa yang sekarang sudah ada kuatkuasa, inilah saya mahu Kerajaan Barisan Nasional tunjuk bersih, beramanah

tahu apa yang benar, apa yang betul, apa yang salah, apa yang silap, apa yang berdosa, apa yang korup. Sebenarnya Ahli-ahli atau pemimpin-pemimpin MCA ada kata tengok kawasan yang memilih DAP, hilang peruntukan wang untuk pembangunan khas untuk Ahli-ahli Parlimen. Ada 24 orang Ahli Parlimen DAP—5 tahun hilang \$24 juta, untuk penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan DAP. \$24 juta hilang. Begitu kasihan, itulah korupsi, bukan sahaja peruntukan ini satu korup.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjung, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjung.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan. Boleh beri?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, kenyataan terakhir Yang Berhormat dari Tanjung menyatakan bahawa peruntukan \$300,000 kepada setiap Ahli Parlimen tidak dapat dinikmati untuk membangunkan kawasan Parlimen masing-masing. Pada tanggapan saya seolah-olah peruntukan itu diberi kepada Ahli-ahli Parlimen kawasan masing-masing. Setahu saya, Tuan Pengerusi, peruntukan tidak diberi kepada Ahli Parlimen, tetapi diberi melalui Pegawai Kemajuan Negeri dan dilaksanakan oleh Ketua Jajahan atau Daerah masing-masing. Sekadar senarai-senarai yang dibuat, jadi masalah yang ditimbulkan bahawa kawasan itu tidak boleh mendapat pembangunan dan peruntukan adalah tidak betul dan yang dibisingkan oleh wakil DAP kerana tidak ada

kesempatan menyenaraikan peruntukan itu sahaja. Apakah penjelasan, perbuatan Kerajaan dengan memperuntukkan daripada \$200,000 kepada \$300,000 menganiaya rakyat ataupun tidak mendapat kepuasan individu dalam DAP semata-mata? Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini satu menganiayai rakyat jelata, satu pengkhianatan kepada rakyat jelata oleh kerana ini satu bukti yang ternyata, ketara mengenai rasuah politik. Oleh kerana sungguhpun ada kata inilah akan mengikut cara District Office atau lain-lain, kita semua tahu, kita bukan budak-budak, kita semua tahu ini khas untuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya boleh beli undi, ini untuk membeli Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional lagi mahu beli undi rakyat jelata, dua peringkat korupsi politik dalam ini. Apa justifikasi, tidak ada dan kalau ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang rela berani berdiri untuk mempertahankan satu perkara yang begitu tidak adil, itu tunjuk mereka semua hilang semua maruah, semua fahaman keadilan, mereka tidak ada lagi prinsip, mereka tidak ada lagi perasaan keadilan. Itulah kalau kita tidak boleh faham ini.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Sedikit penjelasan dengan baik juga. Tuan Pengerusi, berhujah mengenai perkataan adil. Dari siapa kepada siapa, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjung. Dalam konteks ini, apa yang dimatlamatkan pembangunan kepada rakyat di kawasan. Projek melalui Pejabat Kemajuan Negeri turun kepada Ketua Jajahan kalau di

Kelantan, Pegawai Daerah di negeri-negeri lain, dilaksanakan dengan baik mengikut senarai yang disenaraikan dan rakyat mendapat keadilan, mendapat pembangunan daripada senarai yang dibuat, ataupun DAP mengatakan tidak adil kerana DAP tidak dapat berpeluang menyenaraikan peruntukan, saya minta penjelasan. Kepada satu pihak memang adil, kepada rakyat memang adil, saya hendak tahu yang tidak adil, cuba berterus terang dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu ada Barisan Nasional, ada orang MP-MP atau ADUN yang guna wang ini untuk beli apa? Mangkuk, piring, house kitchenware. Dalam Laporan Ketua Audit untuk Negeri Pulau Pinang, adakah itu benar? Kita pun tidak tahu mungkin satu siasatan yang dijalankan dalam perkara ini kita boleh tengok penyelewengan yang lebih mendalam, lebih serius.

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

Tuan Ong Tee Keat: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia boleh duduk. Saya tidak mahu beri jalan kepada dia.

Tuan Ong Tee Keat: Sebenarnya saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia ada pecuniary interest.

Tuan Ong Tee Keat: Bukan hendak bertengkar, cuma satu permintaan, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Terlibat dalam dua peringkat korupsi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanjung.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak mahu beri, sudah. Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu beri jalan.

Seorang Ahli: Takut.

Tuan Lim Kit Siang: Takut, siapa kata penakut.

Seorang Ahli: Kalau tidak takut, berilah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, on a point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum jawab.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of orderlah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum jawab.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order. Bodoh betul

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order Yang Berhormat. Apa point of order?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah dahulu, point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa point of order Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: 35 (1), dia tengok saya berapa kali tadi. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Barisan Nasional, sebab ini \$300,000 boleh kacau-kacau, dan apa yang prinsip keadilan ialah wang Kerajaan untuk pembangunan yang sepatutnya untuk semua rakyat tidak kira pilih sesiapa, Barisan Nasional atau DAP atau

Semangat 46 atau PAS atau sesiapa pun. Oleh kerana wang daripada mana, wang daripada rakyat. Kalau wang daripada orang sendiri, Timbalan Menteri, Menteri sendiri, kocek sendiri, itu lain hal, hal yang lain. Itulah mustahak, prinsip, kalau itu pun Dewan ini tidak boleh faham, itu tunjuk selepas 32 tahun korapsi bukan sahaja bermaharajalela, sudah mengkorapkan mentality pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Sedikit sahaja penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan mengenai

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu teruskan.

Tuan Hashim bin Safin: Terima kasih.

Seorang Ahli: Takut.

Tuan Lim Kit Siang: Takut, siapa takut. Saya tidak lari ke Australia dua tiga bulan, baru balik. Siapa lari ke Australia, itu orang takut, takut jadi Menteri, orang yang penakut jadi tokoh Barisan Nasional, itu bererti semua Ahli Parlimen takut

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanjung, sila hadkan ucapan kepada tajuk sahaja.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya hadkan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan mengganggu prosiding yang lain.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa point of order.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: 36 (1). Dia bercakap yang lain. Kita bercakap lain, "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan per-cakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh"

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah kata itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak mengerti ini.

Tuan Lim Kit Siang: Peruntukan semacam ini akan mewujudkan satu keadaan di mana Ahli-ahli Parlimen akan menyelewengkan daripada tugas dan tanggungjawab mereka. Bahawa dalam dewan yang mulia ini bercakap mengikut demi kepentingan rakyat jelata dan bukan untuk kepentingan sendiri, untuk kepentingan parti dan itulah saya harap bahawa perkara-perkara ini patut dikutuk dan ditarik balik dan kalau tidak apa yang berlaku dalam Dewan ini, ucapan yang sebenar tidak patut kita takut untuk menyoalkan. Tadi kita mendengar satu contoh sahaja, CHOGM belanja \$39 juta, siapa percaya. \$200; \$300 juta mungkin yang tersirat, tersurat di sini, di sana, siapa percaya \$39 juta. Adakah berani satu siasatan dibuat untuk cari, untuk siasat berapa dibelanjakan dalam CHOGM. \$200, \$300 juta untuk CHOGM, ada orang kata apa CHOGM.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Maksud berapa sekarang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sama, oleh kerana mengenai prestasi Ahli Parlimen, akibat daripada peruntukan semacam ini. Apa itu CHOGM—Costly holiday on Government money, CHOGM—costly holiday on government money. Rakyat belanja sahaja dan saya harap bahawa inilah satu bukti, satu perkara yang kita boleh lihat kenapa di tanahair kita korupsi begitu serius dan kalau Kerajaan tidak memberi satu contoh, tauladan yang baik tentu kita tidak boleh membasmikan korupsi khususnya korupsi, politik, orang yang bertanggungjawab untuk menjalankan korupsi politik ialah UMNO, MCA, Barisan Nasional yang amat corrupt sekali. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Arau.

4.28 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah B.7 (ii) mengenai Peruntukan Khas Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, kalau kita tidak tahu,—“celaka” dia keluar sudah. Tuan Pengerusi . . .

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, dia sebut “celaka”.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak berucap, Tuan Pengerusi. Saya kata dekat kawan saya.

Tuan Lau Dak Kee: Dia sebut celaka.

Tuan Zubir bin Embong: Betul, Tuan Pengerusi, dia kata kepada saya.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau awak ingat awak “celaka” go aheadlah.

Tuan Lau Dak Kee: You sebut saya “celaka”, dia “celaka”, siapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau awak ingat awak “celaka” tidak mengapa, jalankan, teruskan, terima pukulan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Arau, sila teruskan dengan ucapan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, fasal peruntukan \$17 juta daripada \$200,000 ke \$300,000. Tuan Pengerusi, kalau orang tidak tahu subject tetapi dia bercakap mengenai perkara ini, orang panggil dia orang gila dan orang gila inilah yang layak dihantar ke Tanjung Rambutan dan Tampoi. Tetapi malangnya orang yang bercakap telah pun lari keluar, kalau tidak kita hendak terang secara terperinci bagaimana peruntukan Ahli-ahli Parlimen ini dibelanjakan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, kita lihat di bawah peruntukan Ahli-ahli Parlimen ini, kita dibenarkan berbelanja kepada perkara-perkara yang boleh menguntungkan semua pihak. Sebagai contohnya, berhubung dengan pinggan-mangkuk yang telah disebutkan tadi, saya percaya itu banyak menyentuh Ahli-ahli Parlimen UMNO. Pinggan-mangkuk bukan kita beli kita simpan di rumah tetapi pinggan-mangkuk dibeli, disimpan untuk tujuan kenduri-kendara yang mana ini amat penting untuk membolehkan satu semangat yang selama ini kita rasa telah pun hilang, semangat yang kita rasa hampir pupus dan lenyap oleh kerana soal-soal permodenan dan sebagainya, iaitu semangat gotong-royong, bukan Semangat 46 (*Ketawa*). Saya mengulang balik kawan saya . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . jadi, Tuan Pengerusi (*Ketawa*) . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun dahulu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Dia sebut Semangat 46 apa fasal? Apakah Semangat 46 akan memerintah selepas pilihanraya umum ini? (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak mahu berhujah lagilah, biarlah, sebab musuh saya yang di hujung itu, nanti sekejap, yang ini sebab kawan-kawan saya baru sahaja keluar pergi ke sana, sebelum ini dia pun membelanjakan duit \$200,000 inipun (*Ketawa*). Jadi tidak payah cakaplah soal perbelanjaan duit. Timbalan Menteri pun ramai, Menteri pun ada, sama-sama berbelanja duit ini dahulu, jadi sekarang kita tidak payahlah soal, kita hendak hadapi yang dihujung itu. Biarlah kita berpakat, hadapi yang di sana.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh minta jalankah sedikit?

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Dia sebut tadi yang belanja \$200,000, Tuan Pengerusi, dia pukulrata tetapi ada orang-orang di kalangan Ahli-ahli Parlimen yang belanja \$200,000 ada yang mempunyai prinsip yang bertanggungjawab, dia ada kaedah dia belanja dengan betul. Saya percaya bagi kita soal peruntukan mungkin tidak menjadi persoalan dari segi soal bagaimana kita belanja. Mungkin saya belanja berbeza dengan Yang Berhormat dari Arau belanja. Itu sahaja kalau pun ada berbeza.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, sebenarnya yang saya sebutkan tadi cara perbelanjaan ini, saya ingat yang tidak faham itu DAP, Semangat 46 sudah faham, kita semua

sudah faham. Siapa yang membelanjakan duit ini, cuba cakap, adakah mana-mana Ahli Parlimen yang mengeluarkan tempahan tempatankah ataupun yang boleh sendiri pergi belanja—tidak ada. Kita hanya memberi senarai kepada Pejabat Daerah dan terpulanglah kepada Pejabat Daerah untuk membelanjakan wang tersebut . . .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan bangun pula.

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . mengikut apa yang telah ditentukan dalam peraturan Kerajaan. Yang Berhormat dari Simunjan pun Timbalan Menteri baru belanja duit ini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Dahulu saya ingat Tuan Pengerusi beri satu ruling, kalau bercakap dalam Committee stage tidak boleh hujah-hujah macam ini, mesti bawa pensil, sediakan kertas untuk mengubahkan perkataankah, ayatkah untuk dicadangkan, tidak boleh macam ini. Macam mana itu?

Tuan Pengerusi: Ya, saya pun ingat jugalah. (*Ketawa*) Jangan bercakap dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, ini fasal \$17 juta saya kesallah kawan saya yang kata berjanji hendak masuk UMNO, tadi DAP bercakap dia tak bangun, saya bercakap, dia bangun dan minta penjelasan mengenai perkara ini. Sekarang ini kalau DAP dapat, kita pun dapat, malah kita patut dapat lebih banyak daripada DAP tetapi kadang-kadang Tuan Pengerusi tersilap beri DAP lebih.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. DAP dapat apa? Yang Berhormat dari Arau kata DAP pun dapat juga, dapat apa? Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, sekejap lagi saya akan sambung siapa yang mendapat manfaat lebih mengenai CHOGM dan sebagainya. Tetapi dalam Dewan ini soal-jawab ada dua soalan dibenarkan; DAP dapat satu, Barisan Nasional satu—cuba tengok Barisan Nasional ada berapa orang? Daripada hujung sana sampai sini. Jadi, dari segi publisiti walaupun buruk dan sebagainya kebanyakannya dapat kepada DAP, DAP memang dapat lebih, tetapi kami tidak cemburu sebab kami hendak beri peluang sehabis-habisnya orang bercakap, sebab kalau dia bercakap tak tentu fasal sudah jadi orang gila, maaf bercakap.

Tuan Pengerusi, ini fasal peruntukan \$17 juta, pembelian ini dibenarkan. Contohnya, macam pinggan-mangkuk, membolehkan kita mewujudkan semangat berbaik-baik di kalangan rakyat melalui kenduri-kendara. Dengan adanya pinggan-mangkuk yang dibeli melalui peruntukan ini yang diberikan melalui tabung kampung yang berkenaan. Saya kesal DAP yang telah menyentuh dengan secara hiruk-pikuk, dengan secara dalam bentuk histeria mengenai perkara ini membutatuli, dengan tidak langsung mengetahui bagaimana benda ini digunakan di peringkat kampung. Pinggan-mangkuk cukup penting. DAP duduk di Kuala Lumpur, di bandar-bandar dia tahu apa?

Tuan Ong Tee Keat: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau, perkataan “pinggan-mangkuk” ini

sudah berkali-kali dibangkitkan. Jadi, saya hendak tahu sama ada beliau sedar atau tidak, mengikut Pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan dengan penggunaan peruntukan bahawa pembelian pinggan-mangkuk dengan duit peruntukan Kerajaan ini memang tidak dibenarkan dan ini pun adakah beliau bersetuju atau tidak bahawa apa yang didakwa oleh pihak DAP, khususnya Yang Berhormat dari Tanjung itu tadi semata-mata mencerminkan kejahilan DAP dalam urusan pemberian peruntukan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya setuju, Tuan Pengerusi, bukan kejahilan—kebodohan dan kebingungan, kepekakan, apa lagi bahasa. Sebab dalam peraturan Ahli Parlimen

Tuan Lau Dak Kee: Saya rasa, Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya belum habis, sekejap lagi saya beri . . .

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, point of order 36 (6), saya rasa ini telah keterlaluan.

Tuan Pengerusi: Tetapi dia kata kepada parti, bukan kepada orang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya kata “parti”—pekak . . .

Tuan Pengerusi: Lazimnya kepada am, boleh.

Tuan Lau Dak Kee: Okay, boleh saya minta penjelasan?

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . korupsi, rasuah

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi: Point of order apa itu Yang Berhormat?

Tuan Lau Dak Kee: Sebelum itu saya dengar "bodoh" ada daripada sana.

Tuan Pengerusi: Dia kata kepada siapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, dia pekak, dia dengar macam-macam. (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Okay, okay. Kalau siapa dengar, dia tahu sendirilah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bangun atas apa?

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau sama ada ia sedar atau tidak bahawa di mana kes di mana peruntukan-peruntukan bagi Ahli-ahli Wakil Rakyat Barisan Nasional telah dihukum di mahkamah, sama ada itu benar atau tidak oleh kerana salahgunakan wang yang diperuntukkan, khasnya kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya kurang pasti. Tuan Pengerusi, tetapi mungkin mahkamah DAP menghukum orang, saya kurang pasti. Dia hukum orang bodoh, orang pekak Tanjung Rambutan tiap-tiap hari, mahkamah DAP mungkin tetapi mahkamah Kerajaan, saya kurang pasti sebab saya belum lagi membaca kes yang berkenaan. Tetapi kalau orang pekak hukum, saya ingat bodoh ini tak boleh buat cerita.

Berhubung dengan pinggan-mangkuk, saya hendak menjawab soalan daripada . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Pinji sila duduk sekejap. Yang Berhormat dari Arau sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, dia mengganggu saya, jadi

saya hilang kesabaran. (*Ketawa*) Saya setuju sejak daripada, kalau saya tidak silap tahun 1982 telah keluar arahan bahawa pinggan-mangkuk tidak dibenarkan dibelikan lagi tetapi saya sebut ini ialah sebelum daripada tarikh tersebut, memang pinggan-mangkuk itu amat sesuai tetapi selepas daripada tahun tersebut tidak dibenarkan lagi membeli pinggan-mangkuk dan tidak ada Ahli Parlimen yang membeli pinggan-mangkuk selepas tarikh tersebut, tetapi orang yang duduk di Parlimen sudah beberapa penggal, buta-tuli, hingus meleleh, tidak mengetahui bahawa peraturan baru yang telah dikeluarkan untuk tidak dibenarkan membeli pinggan-mangkuk.

Saya hendak sambung lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan peruntukan ini. Lagi sekali ditegaskan bahawa tidak ada Ahli-ahli Parlimen yang membelanjakan duit yang berkenaan. Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional hanya memberi senarai kepada Pejabat-pejabat Daerah untuk dibelanjakan. Misalnya, di samping projek-projek kecil, peralatan sukan juga dibenarkan untuk Ahli-ahli Parlimen membuat cadangan. Ini adalah penting untuk kepentingan belia-belie. Nampaknya dalam keadaan di mana lebih daripada 400,000 orang penagih dadah yang ada dalam Malaysia ini hanya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja yang memikirkan jalan-jalan bagaimana untuk kita membantu belia-belie supaya sentiasa ada aktiviti, supaya sentiasa ada jalan yang membolehkan mereka mencari jalan keluar dan bukan mencari dadah. Tetapi nampaknya DAP menentang perkara ini kerana mereka lebih suka rakyat Malaysia ini terlibat dengan dadah. Dengan itu mereka cadangkan apabila semua orang terlibat dengan dadah, orang tidak boleh mengundi, mereka boleh memerintah. Maka saya percaya mereka ingin memerintah penagih-penagih dadah. Saya cukup kesal.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang patut menyokong dengan saya, sebab dia bersama-sama dengan saya dalam Jawatankuasa PEMADAM Malaysia. Dia patut menentang perbuatan kawan dia tadi, Setiausaha Agung, boss dia sendiri. Tetapi saya rasa dia takut sebab dia takut kena pecat. Tetapi saya percaya dia akan bersetuju dengan saya bahawa cadangan yang telah dikeluarkan oleh bossnya tadi dia akan menentang walaupun mungkin sekejap lagi di luar dia kata, "Saya setuju dengan Yang Berhormat" tetapi di sini mungkin dia tidak bersetuju. Peruntukan ini cukup penting.

Di samping itu kita lihat, Tuan Pengerusi, bahawa segala projek yang dilaksanakan itu adalah bukan untuk faedah orang-orang UMNO ataupun orang-orang PAS ataupun orang-orang Barisan Nasional sahaja tetapi untuk faedah semua. Contohnya kita cadangkan dibuat jalan. Jalan itu melintasi jalan rumah DAP, rumah PAS, rumah Semangat 46. Adakah sampai setakat ini kita stop, tidak boleh lalu, ini jalan Barisan Nasional? Tidak ada. Kita buat CHOGM di Kuala Lumpur. Siapa yang untung, siapa yang untung, cakap pada saya. Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang untung, sebab semua kawasan bandaraya telah diindahkan. DAP yang mendapat untung. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, lagi seronok, dia tidak payah lagi teruk-teruk untuk berkempen, pembangunan semua sudah ada yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dimana duit CHOGM itu dibelanjakan? Adakah ianya dibelanjakan di Arau? Tidak, ia dibelanjakan di Kuala Lumpur. Tetapi pekak, bodoh, tidak faham

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan Ahli DAP. Tetapi kalau sekiranya mengadakan CHOGM dan sebagainya adalah salah satu daripada cara untuk membangunkan tempat. Macam mana saya cadangkan supaya Yang Berhormat itu mencadangkan kepada Kerajaan supaya diadakan di Simunjan, kawasan saya, supaya Simunjan maju, supaya CHOGM ini diadakan di kawasan Simunjan, (Ketawa) supaya Simunjan lebih maju daripada kawasan lain, rather than having it, dengan izin, in Kepong, or in Kuala Lumpur Bandar?

Tuan Pengerusi: Mengikut giliran, CHOGM akan diadakan di Malaysia 89 tahun lagi. (Ketawa)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Mungkin yang besar-besar lain. (Ketawa)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, walaupun dia bekas Timbalan Menteri Pendidikan, tetapi dia kurang arif sedikit membaca. Tidak mengapalah, itu kita maafkan.

Tuan Pengerusi, ini saya bukan hendak sentuh fasal CHOGM, sebab kita belum sampai ke tajuk CHOGM lagi iaitu di bawah Kementerian Luar Negeri. Cuma saya hendak sentuh di sini perbelanjaan yang dibuat ini walaupun dicadangkan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional atau oleh siapa-siapa tetapi untuk faedah rakyat. Tidak ada rasuah, tidak ada korupsi. Jadi, orang yang menuduh ini, saya kurang faham, apakah pemikirannya. Jangan ingat kalau kita ini parti Pembangkang semuanya kita mesti membangkang. Itu bukan Pembangkang yang membina. Kalau kita hendak jadi Pembangkang yang membina, kita buat macam Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, bagus, dia mahu sentiasa memberi cadangan yang membina, tetapi kepada semua yang lain itu serta Ahli

Yang Berhormat dari Kepong, semuanya yang dibuat oleh Kerajaan tidak betul. Jadi saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang patut bangun bercakap dan menyokong sekejap lagi. Kalau tidak, Ahli Yang Berhormat itu pun sama dengan orang lain juga—bodoh.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di atas detail.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, detail . . .

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya rasa itu sangkaan jahat, dia kata kalau dia tidak sokong, sama sahaja, dia bodoh. Ini bermakna Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu disentuh, sebagai bodoh

Tuan Pengerusi: Tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak kata apa-apa pun. (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya minta satu ruling sama ada percakapan itu adalah sangkaan jahat? Saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya setuju itu sangkaan jahat, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak kata apa-apa. Sila teruskan, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, yang sebenarnya saya tidak mahu mengganggu oleh kerana saya rasa tidak payah bagi saya membazir masa untuk menjawab seorang Ahli Yang Berhormat yang senantiasa buat sebagai “joker” sahaja.

Tuan Pengerusi: Dia tidak mengganggu. Ahli Yang Berhormat dari Arau, sila masuk kepada butir-butir.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya bercakap ini, kalau

tidak saya akan baca teks ucapan saya. Tetapi bila saya tengok ada joker yang paling teruk sekali dalam DAP bercakap tadi, saya terpaksa. Macam mana kami orang Barisan Nasional ini terpaksa bercakap. Kalau macam cara ucapan yang dibuat tadi, makna kata kalau saya cakap ini dianggap sebagai joker, boss dia “double joker”, maknanya bossnya boleh ambil tindakan dan bossnya boleh ambil tindakan pada dia hari ini. Saya kesal kerana Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ini yang selama ini kita sanjung kita sanjung sebagai orang yang sentiasa memberi teguran yang membina tetapi nampaknya bagi kenyataan yang saya tidak sangka kenyataan yang lebih daripada kebudak-budakan, bukan main teruk, mulai daripada hari ini, kalau tidak hari itu elok juga, pilihanraya ini silap-silap beliau boleh kalah.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan sedikit lagi bahawa apa pun peruntukan yang telah diberikan untuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menyenaraikan termasuk dua, tiga orang DAP pun pernah mari minta tolong, itu jam minta tolong kepada Timbalan Menteri Kewangan untuk memohon projek-projek tertentu adalah untuk kepentingan rakyat. Tidak ada untuk kepentingan sesiapa, cumanya Tuan Pengerusi, kalau dibandingkan dengan pegawai Kerajaan yang menjaga daerah yang luas, kami ini Wakil Rakyat yang mengetahui tentang betul-betul masalah rakyat. Kita duduk dengan rakyat, tinggal di kampung. Jadi kita memohon apa yang telah diminta oleh rakyat, tidak ada yang kita minta untuk kepentingan kita, tidak ada. Rakyat pohon kepada kita, kita pohon kepada Kerajaan. Itu cerita yang sebenarnya. Korupsi macam mana, kecuali duit ini kita masukkan ke dalam poket? Tetapi oleh kerana DAP tidak pernah dibenarkan menyenaraikan projek-projek, dia tidak tahu. Kerana tidak tahu ini, kita benarkanlah, kita maafkan kepada orang yang bodoh.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Arau. Dia kata tidak pernah mengadakan korupsi pada Wakil Rakyat daripada pihak Barisan Nasional. Benarkah atau tidak satu kes telah berlaku kerana salahguna wang yang Wakil Rakyat itu patut gunakannya untuk rakyat, tetapi dia gunakan untuk diri sendiri dan telah didakwa di mahkamah dan telah pun kena hukum penjara. Sama ada itu benar atau tidak? Kalau itu benar, tidak boleh katakan 100% dan tidak benar dikatakan untuk menggunakan wang itu untuk rakyat tetapi ada juga digunakan untuk diri sendiri. Itu penjelasan saya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, soalnya ini soal perbelanjaan. Saya kurang pasti, saya belum jadi Ahli Parlimen lagi pada masa tersebut, tetapi yang penting ialah cara perbelanjaan ini terpulang di antara pegawai dengan Wakil Rakyat yang berkenaan. Kalau Wakil Rakyat itu tidak mengikut peraturan, cuba belanja untuk diri sendiri, maka itu adalah salah. Saya bersetuju, kalau pun berlaku pada Ahli Parlimen Barisan Nasional, tetapi alhamdulillah tidak ada yang berlaku pada kami sekarang. DAP, banyakkah, kalau diberi peluang lagi teruk, saya ingat, dia akan belanja hanya bagi kepada kawasan-kawasannya dan dia akan buat jalan nanti jadi bengkok-bengkok, lalu semua orang DAP, tetapi jalan Barisan Nasional semua straight, tidak kira DAP, PAS, Semangat 46, semua dapat kemudahan. Begitu adilnya Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang. Kalau DAP lingkup pana.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyokong perbelanjaan di bawah B.7, Jabatan Perdana Menteri, terutamanya peruntukan Ahli-ahli Parlimen ini dan saya mencadangkan di sini supaya ditambahkan peruntukan ini dijadikan \$500,000 untuk membolehkan kami berjuang lebih

kepada rakyat, bukan seperti DAP yang hanya complaint, hanya mengatakan orang tidak betul dan sebagainya dan tidak pernah secara langsung ataupun tidak langsung memperjuangkan apa yang sebenarnya diidamkan oleh rakyat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.48 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.7 perkara yang kedua iaitu perkara yang sama hangat dibincangkan oleh Ahli-ahli Parlimen sebelum saya bangun ini.

Tuan Pengerusi, sememangnya sewajar sekali peruntukan yang diuntukkan bagi tujuan Ahli-ahli Parlimen sebanyak \$17,100,000 ini, sebagaimana disebut dalam Kertas Perintah 32 ini iaitu peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen sepatutnya ditulis iaitu Barisan Nasional kerana peruntukan ini adalah untuk Ahli-ahli Barisan Nasional. Saya sebagai Ahli Parlimen yang sekarang ini dalam Semangat 46 dan bukan lagi dalam Barisan Nasional mengakui di waktu kita menjadi Ahli Parlimen Barisan Nasional, dahulu sempat sekali ataupun dua kali menggunakan peruntukan tersebut sebanyak \$200,000. Kita mengakui. Dan saya percaya peruntukan sedemikian, walaupun ada pandangan Ahli-ahli Parlimen yang menyatakan satu umpan politik atau sebagainya, saya kira rakyat hari ini sudah dapat menilai dan membezakan tentang politik semasa negara kita. Saya tidak fikir bahawa rakyat mulai daripada sekarang kerana di zaman sekarang ini rakyat sudah pandai dan sudah cerdik akan membuat penentuan sikap hanya semata-mata dengan umpan \$200,000 ataupun \$300,000. Cuma yang kita harapkan ialah peruntukan ini dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya.

Pengalaman saya, Tuan Pengerusi, dalam peruntukan yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen, seingatan saya sewaktu menerima peruntukan tersebut di waktu dalam Barisan Nasional, alhamdulillah, apabila kita menyenaraikan senarai projek-projek tersebut kita tidak campur tangan. Memang ada orang mengatakan "tidak campur tangan" tetapi secara tidak langsung, saya mengingatkan juga kepada Ahli-ahli Parlimen dalam mana mereka menyokong peruntukan seperti ini kadang-kadang ini boleh membawa rebah kepada Ahli-ahli Parlimen tersebut dalam politik masing-masing kerana bila peruntukan demikian diberikan nanti, ada yang dapat, ada yang tak dapat dalam menyenaraikan projek-projek tersebut. Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak mahulah hendak berkelahi soal bab \$17 juta kerana ratusan ribu juta ringgit kita pun sudah gunakan untuk macam-macam perkara yang lebih dahsyat dan lebih teruk lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak merujuk kepada perkara Maksud B. 7, iaitu perkara yang ketiga, kita merasa bangga dan besar hati baru-baru ini sebagai rakyat kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru dan kita lihat dan kita percaya perayaan pertabalan Yang di-Pertuan Agong ini sepatutnya menjadi perayaan yang terbesar dan meriah kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah lambang kepada negara. Cuma tinggal lagi saya ingin mengetahui detil-detil perbelanjaan kerana perbelanjaan ini sudah tentu juga menjadi tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen untuk mengetahui apakah setakat \$11,245,700, ataupun adakah peruntukan tambahan lagi selepas ini. Tetapi pada prinsipnya, seperti saya katakan tadi dari segi perayaan pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-

Pertuan Agong kita mahu pertabalan itu diadakan dengan secara meriah tetapi meriah tidaklah bererti kita terpaksa membelanjakan wang yang banyak.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga bertanya kepada Tuan Pengerusi, apakah kita sudah masuk kepada Maksud B.27 iaitu mengenai dengan Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi: Belum lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, kalau tidak, itu sahajalah, Tuan Pengerusi, sekadar komen dan pandangan saya bersabit dengan Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.53 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak merujuk kepada Kertas Perintah 32A Tahun 1989 di mana ada menyebutkan di sini bahawa sejumlah \$82.9 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar serta membiayai projek-projek yang rosak akibat banjir.

Menyentuh peruntukan \$82.9 juta ini, maka saya ingin membangkitkan sekali lagi masalah banjir kilat dalam Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat dalam Kuala Lumpur tidak dapat diatasi meskipun berbagai kenyataan dan pengumuman yang telah dibuat oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Apa yang saya nampak serius adalah apabila hujan turun dengan lebat, kebanyakan jalan dalam pusat Bandaraya dibanjiri air yang menyebabkan tidak sahaja kesulitan dan tidak keselesaan kepada pengguna-pengguna kenderaan dan orang ramai, tetapi juga kepada para

pekedai kerana air melempah dan membanjiri kedai-kedai mereka. Masalah ini timbul kerana sistem perparitan bandar kita sangat tidak memuaskan dan memerlukan satu kerja baikpulih yang lengkap. Banyak longkang-longkang dan culvert dalam pusat Bandaraya adalah ketinggalan masa dan tidak boleh menampung kadar pembangunan sekarang dalam Bandaraya.

Kerajaan telah membelanjakan begitu banyak wang untuk mengindahkan Kuala Lumpur, untuk Sukan SEA, sekarang CHOGM dan juga persediaan untuk Tahun Melawat Malaysia. Apa yang saya ingin bertanya di sini ialah apakah gunanya kita mempunyai Bandaraya yang cantik tetapi apabila hujan turun, banyak jalanraya dibanjiri air dan selepas banjir kilat jalan dan kemudahan sosial yang lain rosak menyebabkan banyak ketidakselesaan kepada orang ramai. Masanya telah tiba bagi JPM atau Perbendaharaan mendahulukan satu peruntukan khas kepada pihak Dewan Bandaraya untuk menggantikan semua culvert-culvert yang lama dengan yang baru dan besar untuk menampung curahan air hujan yang banyak dan mengelakkan banjir kilat terutama jalan-jalan dalam pusat Bandaraya. Langkah-langkah mesti diambil untuk meningkatkan sistem perparitan yang ada sekarang, terutama dalam pusat Bandaraya selaras dengan hasrat pihak berkuasa tempatan untuk menjadikan Kuala Lumpur bersih dan cantik.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh di sini ialah mengenai peruntukan \$17.1 juta di mana tadi kita telah dapat mendengar satu perdebatan yang hangat mengenai tajuk ini.

Saya menyokong pandangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dari Tanjung, bukan oleh kerana saya membantah ataupun menentang projek pembangunan kecil untuk rakyat tetapi masalah

diskriminasi berterusan oleh Kerajaan terhadap Ahli-ahli Pembangkang dengan tidak meluluskan peruntukan seperti ini, peruntukan yang diperolehi oleh Ahli-ahli Parlimen dari pihak Kerajaan. Yang sebenarnya pada masa yang lalu, saya telah membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai mengapakah Ahli-ahli Parlimen Pembangkang tidak berhak untuk memperolehi peruntukan yang sama dengan apa yang telah diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Tak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Tak boleh?

Tuan Pengerusi: Ya, tak boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada masa itu adalah oleh kerana . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Saya tak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Tak beri jalan.

Tuan Lee Lam Thye: Ialah oleh kerana Ahli-ahli Parti DAP adalah datang dari Parti Pembangkang dan oleh kerana itu mereka tidak diberikan peruntukan seperti yang dapat diperolehi oleh Ahli-ahli Kerajaan.

Maka saya ingin bertanya, mengapakah diskriminasi ini masih diteruskan? Mengapakah Ahli-ahli Parlimen DAP dan juga Ahli-ahli Pembangkang yang lain tidak berhak untuk mendapat peruntukan khas untuk projek-projek kecil bagi faedah kawasan masing-masing . . .

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Pendek sahaja kalau boleh, Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Okaylah, tak mengapa.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat ini mementingkan rakyat ataupun mementingkan parti? Kerana kata Yang Berhormat tadi, kalau sekiranya Ahli-ahli DAP menghadapi masalah untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan seperti yang dinyatakan tadi, apa kata kalau Yang Berhormat kalau pentingkan rakyat, masuk sahaja Barisan Nasional, tak ada masalah lagi dan peruntukan ini boleh digunakan untuk rakyat.

Tuan Lee Lam Thye: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tadi rasa saya tidak relevant dengan apa yang disentuh oleh saya. Yang sebenarnya apa yang saya mengharap-harapkan ialah bahawa sekiranya pihak Kerajaan dapat meluluskan satu peruntukan yang datang dari wang rakyat digunakan oleh Ahli-ahli Parlimen bagi tujuan untuk memberikan faedah kepada penduduk-penduduk mereka maka saya tidak nampak mengapa pihak Kerajaan hendak adakan apa yang saya sifatkan sebagai double standard. Sekiranya wang itu dapat diberikan kepada Ahli Parlimen . . .

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Besut bangun.

Tuan Lee Lam Thye: Sila.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya nampak Ahli Yang Berhormat beria-ia benar hendak minta supaya peruntukan ini diberi sama kepada Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya lebih baik tidak dapat peruntukan ini daripada dapat. Saya sendiri pun pernah dulu dapat tetapi sekarang tidak dapat. Dan sekarang kalau hendak diberi pun saya tidak mahu kerana peruntukan-peruntukan ini memang dengan sendirinya mendorong seseorang Wakil Rakyat itu menyalahgunakan lebih baik kalau wang ini diperuntukkan untuk kebaikan rakyat maka ianya disalurkan kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang boleh melaksanakannya dengan adil untuk kegunaan rakyat supaya tidak diselewengkan untuk kepentingan-kepentingan lain seperti kepentingan politik dan sebagainya.

Jadi, saya sendiri memang kalau hendak diberi pun saya tidak mahu. Saya fikir Ahli Yang Berhormat pun begitu jugalah sepatutnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya rasa perbincangan itu adalah bersangkutan dengan dasar sama ada bagus atau tidak, patut atau tidak, adil atau tidak; itu adalah dasar. Dan mengikut Peraturan Mesyuarat 67 (9) yang menyatakan "...hendaklah dihadkan kepada permintaan belanja yang diminta diuntukkan belanja tambahan, perbincangan itu tidak boleh menyentuh dasar dan perbelanjaan dalam anggaran. . . ."

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya rasa saya tidak menyentuh perkara dasar memandangkan bahawa di dalam

Kertas Perintah 32A/1989 ini ada disebut bahawa satu peruntukan berjumlah \$17.1 juta dikehendaki untuk menampung perbezaan peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen yang dinaikkan dari \$200,000 kepada \$300,000 seorang.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya. . .

Tuan Lee Lam Thye: Sebenarnya dalam perbahasan saya, saya cuma menyentuh perkara ini sahaja dan saya rasa bahawa saya tidak terkeluar dari skop perbincangan.

Tuan Pengerusi: Saya rasa Yang Berhormat terkeluar. Sebenarnya apa yang diucapkan tadi dan begitu juga ada dua tiga lagi yang berucap, patut diucapkan dalam masa bacaan kali yang kedua dan bukan dalam jawatankuasa.

Tuan Lee Lam Thye: Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya tetaplah menentang peruntukan ini sekiranya peruntukan ini tidak dibuat atau tidak diperuntukkan dengan cara yang adil dan saksama untuk semua Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Maksud B.10, mengenai Jabatan Peguam Negara. Di mana satu tambahan sebanyak \$400,000 adalah dikehendaki bagi menampung sumbangan tahunan Kerajaan Malaysia kepada Pusat Timbangtara Serantau Asia-Pasifik, Kuala Lumpur.

Dalam memberi komen saya atas tajuk ini saya ingin menyatakan bahawa menurut fahaman saya bahawa peruntukan ini ialah untuk memulihkan pemberian tahunan atau annual grant oleh Kerajaan Malaysia kepada Pusat Timbangtara sejak penubuhannya dalam tahun 1978 hingga 1984 apabila Kerajaan Malaysia menghentikan pemberian sumbangan itu.

Sekarang pemberian ini telah dipulihkan dan saya mengalu-alukannya. Dan adalah menjadi

harapan saya bahawa Kerajaan akan terus memberi caruman ataupun sumbangan tahunan bagi membantu Pusat Timbangtara untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan licin. Pusat Timbangtara di bawah pengarahannya yang berkebolehan Puan P. G. Lim sudah melakukan kerja dan tugas yang amat berguna, tidak sahaja untuk menyelaraskan dan menggalakkan pertumbuhan timbangtara ataupun arbitrase antarabangsa tetapi juga menarik sebahagian besar minat timbangtara antarabangsa dan perdagangan ke Kuala Lumpur dan dunia sebelah sini. Itulah apa yang saya ingin berucap atas perbahasan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

5.07 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Ulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya bangun merujuk Kertas Perintah 32A/1989 Maksud B.7 dan ingin menyentuh dua perkara sahaja yang penting.

Yang Pertama ialah berhubung dengan \$82.9 juta yang telah dibelanjakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk membiayai beberapa projek-projek kecil dan juga projek-projek pembaikan akibat dari banjir dan sebagainya. Pada pandangan saya ini adalah satu peruntukan yang kecil sahaja yang telah dibelanjakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya kita harus mengadakan suatu peruntukan yang besar untuk mengawasi akibat daripada beberapa bencana alam seperti banjir, kebakaran dan lain-lain lagi kemalangan yang besar. Contohnya, baru-baru ini terdapat sebuah sekolah di kawasan Segambut, Wilayah Persekutuan di mana sebuah sekolah Tamil telah musnah akibat kebakaran. Tetapi apabila kita mengadu perkara ini kepada

Kementerian Pendidikan nampaknya mereka tidak ada satu peruntukan untuk membiayai projek ini. Jika kita ada satu peruntukan yang besar yang telah diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya rasa kita boleh membiayai beberapa projek-projek seperti ini. Dan saya ingin mencadangkan di sini satu peruntukan yang besar yang boleh dikuasai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus dikekalkan untuk menjaga kepentingan kita daripada bencana alam dan kemalangan-kemalangan yang besar, sering berlaku di dalam negara kita.

Yang kedua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan \$17.1 juta yang telah diperuntukkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional. Sebenarnya, aduan yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini oleh ahli-ahli dari parti pembangkang hanyalah satu aduan daripada satu semangat yang mereka rasa mereka tidak dapat merasakan peruntukan ini. Tetapi sebenarnya saya dapat tahu ada peruntukan yang telah diberi kepada semua kawasan di seluruh negara kita yang meliputi juga kawasan-kawasan yang dikuasai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang. Tetapi hanya kuasa tidak diberi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Parti-parti Pembangkang untuk menyenaraikan projek-projek ini dan di kawasan-kawasan ini pihak Pegawai Daerah dan pihak Jabatan Pembangunan Negara telah diberi kuasa untuk memberikan projek atau menyenaraikan projek-projek yang boleh memberi hasil kepada rakyat atau pengundi-pengundi di kawasan-kawasan mereka. Oleh yang demikian walaupun mereka kata mereka tidak dapat peruntukan ini, tetapi rakyat di kawasan itu dapat merasai hasil dari peruntukan ini dan oleh yang demikian saya ingin memberitahu kepada pihak-pihak Ahli Pembangkang berilah lebih kerjasama kepada Parti Barisan Nasional supaya mereka mendapat hasil daripada peruntukan ini.

Seterusnya saya ingin mencadangkan dan menyokong sepenuhnya cadangan daripada rakan dan kawan baik saya iaitu Yang Berhormat dari Arau yang telah mencadangkan supaya peruntukan ini harus dinaikkan kepada \$400,000 atau \$500,000. Sebenarnya ini adalah satu cadangan yang baik oleh kerana hanya Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Rakyat di kawasan itu sahaja yang mengetahui sebenarnya apakah projek-projek sama ada projek kecil atau projek besar yang boleh dijalankan di kawasan tersebut, tetapi nampaknya pada masa kini kita tidak ada kuasa untuk menyenaraikan projek-projek yang besar, projek-projek yang sebenar-benarnya boleh memberi hasil kepada rakyat di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, jika kita boleh mendapat peruntukan yang lebih, kita boleh menyenaraikan lebih projek-projek yang boleh membawa lebih hasil kepada rakyat dan saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik dan saya ingin menyokong dengan sepenuhnya cadangan ini dan saya haraplah pihak Kementerian boleh memberi satu jawapan yang baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rajang.

5.13 ptg.

Dr Nicholas Munong anak Ibau (Rajang): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahas sedikit tentang Kertas Perintah 32A Tahun 1989.

Saya ingin merujuk kepada Maksud B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri mengenai Bahagian (II) iaitu tentang \$17,100,000 yang dikehendaki untuk menampung perbezaan peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen yang dinaikkan dari \$200,000 ke \$300,000 seorang.

Tuan Pengerusi, topik ini adalah sangat hangat yang selalu disokong oleh Ahli-ahli Barisan Nasional. Dengan ini saya ingin menekankan perkataan, "peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen" yang dinaikkan dari \$200,000 ke \$300,000. Pada pandangan saya, perkataan ini adalah menerangkan keadaan yang tidak sebenarnya. Mengapa? Oleh kerana saya adalah seorang Ahli Parlimen juga dan di sini mengatakan Ahli Parlimen, tetapi saya tidak diberi peruntukan khas \$200,000 ini. Saya ingin menyentuh tentang ini oleh kerana bukan untuk kepentingan saya tetapi pada pandangan saya apa yang terjadi ialah betul-betul rupanya rakyat yang ada di kawasan saya yang diwakili oleh seorang Ahli Pembangkang seperti saya, berada di dalam keadaan yang tidak adil oleh kerana pada masa ini, saya lihat di Sarawak Ahli-ahli Barisan Nasional yang mendapat peruntukan \$200,000 atau \$300,000, mereka menyenaraikan projek-projek dan tiap-tiap tahun saya dapati bahawa kawasan mereka berada di dalam keadaan yang amat menguntungkan kepada kawasan-kawasan yang ada peruntukan. Tetapi kepada kawasan saya yang tidak mendapat peruntukan, saya lihat banyak rakyat di luar bandar yang memerlukan projek-projek kecil seperti ini, mereka telah diketepikan kerana tidak mendapat peruntukan seperti di kawasan-kawasan yang lain.

Tadi saya sudah dengar beberapa Ahli mengatakan peruntukan seperti itu, walaupun Ahli Parlimen seperti saya tidak dapat menyenaraikan tetapi peruntukan itu telah diberi kepada kawasan-kawasan yang tertentu. Adakah ini benar? Saya ingin meminta penjelasan dari Timbalan Menteri yang berkenaan. Adakah peruntukan seperti ini diberi kepada kawasan yang tertentu itu? Adakah peruntukan itu telah dihantar kepada kawasan saya atau kawasan Yang Berhormat dari Jelutong dan lain-lainnya atau kepada kawasan Semangat 46 juga? Ada atau

tidak yang dikatakan peruntukan special, peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen yang bukan mewakili oleh Ahli-ahli Barisan Nasional? Dengan ini saya tidak membangkang kenaikan dari \$200,000 kepada \$300,000 kerana saya memandangkan peruntukan itu adalah untuk kepentingan rakyat, tetapi ada rakyat yang tidak menerima peruntukan itu.

Dengan ini saya memohon mencadangkan sekiranya ini berterusan, iaitu perkataan, "peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen", sepatutnya peruntukan seperti itu juga diberi kepada kawasan saya dan diharap di masa hadapan janganlah mengatakan untuk Ahli-ahli Parlimen, tetapi kami tidak menerimanya. Diharapkan di masa yang akan datang peruntukan sekiranya diberi kepada kawasan-kawasan yang tidak diwakili oleh Barisan Nasional, saya minta Jabatan Perdana Menteri boleh mengirimkan mengatakan peruntukan khas kepada kawasan Rajang, contohnya, supaya kita tahu apa yang disebut-sebut oleh Ahli Barisan Nasional itu adalah benar dan bukan untuk melindungi keadaan yang sebenar.

Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya.

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita ada dua hari sahaja untuk perbincangan dasar dan dalam Committee di bawah Peraturan Mesyuarat 67. Sekarang kita sudah lama dalam perkara satu. Saya mintalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

5.18 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Pengerusi, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan peruntukan Belanjawan Tambahan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang telah pun disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi semuanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berhujah yang telah menyebutkan tentang perbelanjaan tambahan bagi Ahli-ahli Parlimen yang telah dinaikkan dari \$200,000 kepada \$300,000. Sukalah saya menjelaskan bahawa penjelasan yang sebenarnya, bahawa peruntukan ini adalah diperuntukkan kepada Wakil-wakil Rakyat mencadangkan projek-projek melalui Pegawai-pegawai Daerah untuk diluluskan oleh Pegawai Kemajuan Negeri bagi setiap negeri. Walau bagaimanapun, kegiatan pembangunan bagi kawasan-kawasan yang dipegang oleh Ahli-ahli Pembangkang tidaklah dapat dinafikan bahawa ianya diteruskan juga walaupun cadangan itu tidak dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Walau macam manapun ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang yang mengemukakan cadangan kepada Pegawai Daerah untuk ditimbang. Saya mencadangkan supaya ianya dapat dilaku perkara ini supaya dapat Pegawai Daerah menghantar kepada Pegawai Kemajuan Negeri untuk ditimbang oleh pihak Kerajaan supaya diluluskan.

Saya rasa amat kecewa di atas sikap Ketua Pembangkang yang selama ini dianggap sebagai seorang yang mempunyai kematangan pemikiran,

kematangan berfikir sanggup untuk menjadikan Dewan ini sebagai satu tempat perbahasan yang amat tidak menguntungkan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga masyarakat. Tidak seharusnya sebagai seorang Ahli yang berpengalaman menceritakan atau menyebutkan, menamakan seorang Ahli Yang Berhormat yang lain mengidap histeria harus dihantar ke Tanjung Rambutan ataupun kurang akal dan sebagainya. Ini memandang bahawa bahasa-bahasa seperti ini dengan secara langsung adalah merendahkan meratabat seorang Ahli Dewan Rakyat yang lain. Sudah pasti setiap manusia ada kelemahan masing-masing. Ini adalah satu kesalahan kecil ianya telah pun menyebutkan perkara-perkara yang tidak sesuai sebagai seorang Ahli Parlimen, malahan ianya seorang Ketua Pembangkang yang disanjung di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyatakan bahawa Kerajaan memerangi korupsi. Di mana-mana sahaja tidak kira sama ada ianya Ahli Parlimen daripada Kerajaan, menteri atau siapa sahaja kalau sekiranya ahli Pembangkang, termasuk Ketua Pembangkang yang mempunyai bukti-bukti yang jelas bahawa wang yang diperuntukkan kepada Ahli Parlimen sebanyak \$300 ribu ini diselewengkan oleh mereka, maka saya rasakan perkara ini boleh diketengahkan dan diberitahu kepada Biro Siasatan Negara untuk disiasat dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap siapa sahaja yang melakukan penyelewengan ini. Jadi, soalnya sekarang beranikah pihak DAP, termasuk Ketua Pembangkang untuk bangun menunjukkan bahawa contoh Ahli Parlimen ini telah membelanjakan wang ini dengan secara tidak jujur, masuk ke poketnya sendiri ataupun mereka mengambil keseluruhan wang perbelanjaan ini.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, apa yang disebutkan oleh Ahli Parlimen daripada Arau dan juga Hulu Selangor. . . .

Tuan Pengerusi: Ahli dari Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang pertama, apakah sebab mengapa Ahli-ahli Parlimen daripada parti Pembangkang tidak diberikan kuasa yang sama seperti Ahli-ahli Parlimen yang lain memandangkan bahawa kami semua dipilih oleh rakyat. Apakah sebabnya dan yang kedua, sama ada Yang Berhormat sedar bahawa dalam laporan Ketua Audit Negara di Pulau Pinang telah menyebutkan tentang beberapa penyelewengan dan ini telah tertera dalam laporan tersebut di mana seperti yang disebutkan tadi bahawa beberapa perbelanjaan telah dibuat untuk membeli pinggan-mangkuk. Sama ada satu kriteria telah ditetapkan bagaimana jumlah ini dibelanjakan. Sama ada accountability yang diperlukan terhadap seseorang Yang Berhormat, seseorang Ahli Parlimen yang membuat perbelanjaan seumpama ini, kerana sehingga ini tidak ada satu accountability langsung telah diperlukan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhak, berkuasa untuk membuat perbelanjaan sebanyak \$200 atau \$300 ribu ini. Terima kasih.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, inilah susah Ahli Parlimen yang tidak faham. Kuasa tidak diberikan walaupun kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional. Wakil Rakyat Barisan Nasional hanya dibenarkan menggunakan kemudahan Pejabat Daerah bagi menyalurkan permohonan untuk peruntukan bagi kawasan atau kampung-kampung yang dipohon oleh masyarakat setempat. Bagi diri saya, orang mohon kepada saya, saya kemukakan permohonan itu kepada Pegawai Daerah untuk

diluluskan. Saya tidak ada kuasa untuk meluluskan projek yang dimohon oleh orang kawasan saya. Saya tidak ada kuasa. Ini terutama sekali hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Yang keduanya, Ahli Parlimen tidak membelanjakan wang itu. Yang membelanjakannya ialah Pegawai Daerah. Jadi, accountability, Pegawai Daerah yang menjalankan urusan perbelanjaan. Tidak ada arahan yang dikeluarkan kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional bagi mereka atau kami membelanjakan. Bahkan yang membelanjakan itu, kami tidak tahu kepada siapa projek itu diberikan. Kalau satu contoh di Pulau Pinang bahawa perbelanjaan pinggan-mangkuk dimasukkan, ini sememangnya bertentangan dengan apa yang diluluskan oleh Kerajaan. Kerajaan ini membenarkan sebab itu komen diberi oleh Ketua Audit Negara memang bersesuaian sebabnya dia melakukan kesalahan membelanjakan perbelanjaan itu pada tempat yang tidak sesuai. Ketua Audit Negara menjelaskan bahawa itu tidak betul dan kita mengakui bahawa itu memang tidak betul. Arahan dikeluarkan bahawa pinggan-mangkuk tidak dibenarkan untuk dibeli sekarang. Faham? Kalau tidak faham boleh tanya lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa jumlah ini diperuntukkan bukan secara langsung kepada Ahli-ahli Parlimen tetapi kepada Pejabat Daerah. Tetapi apa yang saya terbaca dalam Kertas Perintah 32A bahawa jumlah ini adalah untuk peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen bukan untuk Pejabat Daerah. Kalau peruntukan ini adalah untuk Pejabat Daerah saya rasakan jelas dituliskan bahawa ini adalah untuk Pejabat Daerah, yang tertentu dan yang kedua, tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan mengakui bahawa beberapa Ahli Parlimen

Barisan Nasional telah melakukan kesalahan dengan membuat perbelanjaan membeli pinggan-mangkuk. Kalau begitu, apakah tindakan yang diambil? Adakah komen ini dibuat sahaja seperti satu omong-omong kosong? Ini rakyat mahu tahu kalau sesuatu kesalahan telah dilakukan, apakah tindakan yang akan diambil? Terima kasih.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, sememangnya di dalam kelulusan ini disebutkan \$17.1 juta adalah sebagai perbezaan kenaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya telah menerangkan tadi dibenarkan Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional mencadangkan sekadar \$300 ribu, dahulunya \$200 ribu—dinaikkan. Kita mencadangkan kepada Pegawai-pegawai Daerah—kena tambah buat M.A.lah agaknya ini.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Ahli dari Shah Alam bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Silakan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Pengerusi, saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Dia mengatakan tadi bahawa Wakil-wakil Rakyat menyalurkan permohonan rakyat itu kerana duit itu tidak dengan Wakil-wakil Rakyat. Saya berse-tujulah, tetapi saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa saya pun sekarang ini menjadi Wakil Rakyat. Banyak permohonan rakyat saya salurkan kepada Pejabat Daerah, tetapi jawapan daripada Pejabat Daerah mengatakan cadangan Yang Berhormat itu ditolak kerana ada arahan daripada atas tidak dapat hendak menyokong atau hendak

memberi kelulusan pada perkara-perkara yang saya salurkan itu. Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini berlaku?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, tadi soalan Kota Melaka belum habis. Sekejap lagi saya akan jawab soalan Yang Berhormat.

Pertama sekali saya sudah sebut tadi tentang perbelanjaan ini dilakukan atau dijalankan oleh Pejabat Daerah sebagai agensi pelaksana. Sememangnya kita sebagaimana biasa telah diketahui bahawa peruntukan dikhaskan sebanyak \$300 ribu. Peruntukan ini dikhaskan kalau tidak dibelanjakan—habis, jadi cadangan. Jadi, kalau ada Yang Berhormat, saya pun ada mengemukakan cadangan untuk mendapat peruntukan bagi projek-projek. Ada juga yang diluluskan dan ada yang tidak diluluskan. Jadi, dengan itu saya sedar, dan Kerajaan pun sedar bahawa ada permohonan yang diluluskan dan ada permohonan yang tidak diluluskan. Walaupun permohonan itu dikemukakan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional, ada yang tidak diluluskan oleh pihak Kerajaan. Memang Kerajaan menyedari perkara ini. Yang kedua, yang disebutkan oleh Ahli dari Kota Melaka tadi. . . .

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun di sana.

Tuan Othman bin Abdul: Nanti sekejap. Saya hendak jawab soalan Ahli dari Kota Melaka dahulu.

Tuan Pengerusi: Ya, beri dia habis dahulu.

Tuan Othman bin Abdul: Menjawab Ahli dari Kota Melaka tadi, kalau sekiranya Ketua Audit Negara telah menyatakan pandangannya tentang kesalahan perbelanjaan, insya Allah, Kerajaan mengambil ini dan semuanya

kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa PAC dan Ketua Audit Negara. Memang ini adalah urusan Kerajaan. Kerajaan akan melihat kelemahan-kelemahan dan urusan perbelanjaan Kerajaan yang dilakukan. Yang ditubuhkan PAC, diadakan Ketua Audit Negara, yang diadakan auditor itu untuk mencari kesalahan Kerajaan. Macam itu kena fahamlah. Auditor itu untuk mencari kesalahan Kerajaan. Jadi, kalau Ketua Audit Negara mengatakan bahawa ada kesalahan perbelanjaan maka Kerajaan akan membetulkan pada tahun yang akan datang dan memberi ingatan kepada Yang Berhormat berkenaan supaya tidak lagi membelanjakan peruntukan ini untuk membeli pinggan-mangkuk yang seperti itu. Ini urusan Kerajaan. Takkan tidak faham. Susahlah. Tidak jadi Ahli Barisan Nasional, susah hendak faham. Ini PAC, auditor, Auditor General, dengan izin, Tuan Pengerusi, semua ini urusan mereka hendak membetulkan pentadbiran Kerajaan dan urusan perbelanjaan kewangan Kerajaan. Itu sudah jelas. Jadi, kalau ada suatu recommendation, dengan izin, Tuan Pengerusi, daripada Ketua Audit Negara sudah pasti Kerajaan akan mengambil tindakan untuk membetulkan kedudukan kesalahan yang telah dilakukan oleh semua agensi Kerajaan, termasuklah kalau sekiranya Wakil Rakyat Barisan Nasional membelanjakan peruntukan yang tidak dibenarkan oleh Perbendaharaan atau oleh pihak Kerajaan.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa keseluruhan daripada Wakil Rakyat Barisan Nasional menghantarkan senarai-senarai untuk projek-projek pembangunan adalah disebabkan perasaan tanggungjawab, dan hubungan rapat antara Wakil Rakyat-Wakil Rakyat Barisan Nasional dengan penduduk-penduduk

atau penyokong-penyokong dan rakyat di kawasan Parlimen masing-masing. Saya hendak tahu sama ada permohonan mereka berjumlah lebih besar daripada \$300 ribu dan kalau lebih besar daripada \$300 ribu adakah itu menunjukkan bahawa mereka adalah Wakil-wakil Rakyat yang bertanggungjawab.

Yang kedua, saya hendak tanya sama ada Wakil-wakil Rakyat yang bukan daripada Barisan Nasional juga menghantarkan permohonan-permohonannya untuk projek-projek pembangunan, kalau ia sama ada permohonan ini atas dasar kepentingan mereka sendiri, atas kepentingan politik mereka ataupun atas dasar kepentingan rakyat bagi pembangunan pada keseluruhannya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, penjelasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Muar ini, dari pengalaman saya semasa saya menjadi Penolong Pegawai Daerah dahulu, Wakil Rakyat kawasan saya bukan memohon sekadar \$100 ribu atau \$200 ribu, bahkan \$100 juta untuk pembangunan satu daerah. Jadi makna kata permohonan yang dikemukakan oleh Wakil Rakyat-wakil Rakyat semua terutama Wakil Rakyat Barisan Nasional pada Kerajaan bukan sekadar \$300 ribu bahkan lebih daripada itu. Kalau dikira sebagai peruntukan membaiki jalan, membuat jambatan, elektrik luar bandar, air luar bandar, jalan luar bandar dan sebagainya berpuluh juta ringgit diperuntukkan. Jadi sekadar sekarang ini kemampuan Kerajaan hanya hendak meluluskan \$300 ribu.

Tuan Pengerusi, soal Pembangkang sama ada kehendak mereka hendak berpolitik atau soal politik wuallahhualam saya tidak tahu, kena tanyalah Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi, Ahli Parlimen kawasan Bukit Bintang membangkitkan masalah mengenai banjir

kilat Kuala Lumpur. Kita bersetuju, memang Kerajaan mengkaji perkara ini dan peruntukan diberikan, pelaksanaan sedang dijalankan untuk mengurangkan dan akhirnya menghapuskan banjir kilat di Kuala Lumpur. Tetapi kalau mengambil pandangan dari Yang Berhormat bahawa kalau sekiranya banjir masih ada kita tidak perlu membangunkan kawasan Kuala Lumpur, itu saya tidak bersetuju, Kerajaan tidak bersetuju. Masalah banjir kita selesaikan, masalah pengindahan Kuala Lumpur kita lakukan, masalah pembangunan Kuala Lumpur kita lakukan untuk kepentingan rakyat seluruh Kuala Lumpur, walaupun kita tahu bahawa Kuala Lumpur dikuasai seluruhnya oleh Ahli-ahli Parlimen Pembangkang, kita sedar keadaan ini, walaupun begitu tanggungjawab Kerajaan kita jalankan sebagai Kerajaan untuk kepentingan masyarakat seluruhnya. Jadi ini kita jalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menyebutkan tentang perbelanjaan sempena pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sukalah saya menjelaskan di sini butir-butir yang dikehendaki, jumlah peruntukan keseluruhan yang telah diluluskan tambahan sebanyak \$11,245,700. Perbelanjaan keseluruhan ialah \$43,225,672.37 sen iaitu:

Pengubahsuaian Istana . .	\$23,000,000.00
Pembelian tiga buah kereta	1,860,700.00
Pinggan mangkuk ..	6,000,610.00
Istiadat Pertabalan ..	2,000,700.00
Commemorative Plates	75,000.00
Barang-barang hidangan perak	1,692,635.56
Barang-barang kain ..	1,368,356.81
Pengubahsuaian barang kemas Di-Raja	1,718,000.00

dan tambahan \$36 juta lagi akan dimasukkan pada Persidangan yang

akan datang. Itulah Tuan Pengerusi ulasan-ulasan saya walaupun ada sedikit pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Rajang. Ulasan saya telah disebutkan secara menyeluruh tentang tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen untuk membangunkan kawasan masing-masing, Kerajaan menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan meninggalkan pembangunan untuk masyarakat. Walaupun di mana mereka berada, sama ada dalam kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional atau kawasan Pembangkang ini telah terbukti di mana-mana pun dan tidak boleh dinafikan bahawa pengurusan pembangunan akan dijalankan oleh Kerajaan sepanjang masa. Terima kasih.

Tuan S. S Subramaniam: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudah cukuplah Yang Berhormat. Kita telah banyak menggunakan masa di atas perkara itu sahaja, ada banyak lagi, kita ada dua hari sahaja diuntukkan, jikalau Yang Berhormat pinda Peraturan Mesyuarat untuk 10 hari baguslah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$112,964,500 untuk Maksud B.7 dan \$400,000 untuk Maksud B.10 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$112,964,500 untuk Maksud B.7 dan \$400,000 untuk Maksud B.10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10,000,010 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dan \$420,000 dalam Maksud P.8 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,000,010 untuk Maksud P.7 dan \$420,000 dalam Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

Maksud P.14 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Pembangunan P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

5.38 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.14, Butiran 0100 projek-projek di kawasan penguasa-penguasa tempatan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa dalam membiayai projek-projek pembangunan sama ada Kementerian mengadakan satu garis panduan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan. Apakah projek-projek pembangunan yang mesti diadakan? Saya menimbulkan perkara ini kerana saya hendak mengambil satu contoh di mana satu pihak berkuasa tempatan semasa melaksanakan satu projek yang dikatakan satu projek pembangunan telah menindas penduduk-penduduk yang tinggal di sana.

Saya merujuk Tuan Pengerusi, ialah Majlis Perbandaran Melaka di mana dalam satu projek untuk menjual rumah pangsa 9 tingkat di Jalan Bendahara Melaka yang kononnya bertujuan untuk mendapat wang supaya dapat melaksanakan projek-projek pembangunan. Majlis Perbandaran Melaka telah memaksa penghuni-penghuni rumah pangsa 9 tingkat dengan memaksa mereka pindah tanpa kira sama ada penghuni-penghuni di tempat itu dapat mencari

tempat yang lain untuk tinggal. Dan penghuni-penghuni di rumah pangsa 9 tingkat telah membawa perkara ini kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang lepas dan yang sekarang, tetapi sehingga sekarang tidak ada satu surat atau satu usaha yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan untuk mengambil berat masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni itu.

Penghuni-penghuni di rumah pangsa 9 tingkat di Jalan Bendahara terdiri lebih daripada 200 keluarga iaitu kira-kira 600 orang. Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Ini merupakan satu tujuan Majlis Perbandaran Melaka semasa rumah pangsa itu didirikan pada tahun 1965 ialah untuk menyewakan unit-unit rumah pangsa itu kepada orang-orang miskin. Dalam usaha yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Melaka untuk mendapat sedikit keuntungan sehingga dia rela memaksa penghuni-penghuni yang miskin keluar tanpa menghiraukan sama ada penghuni-penghuni dan tanpa menyediakan satu tempat yang lain kepada penghuni-penghuni untuk tinggal.

Usaha yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Melaka ialah untuk menjual unit rumah pangsa itu dengan harga yang tinggi iaitu dengan harga \$35,000 sungguhpun rumah pangsa itu ditetapkan sebagai rumah kos rendah dan saya rasa tindakan sebegini patut diambil perhatian oleh Kementerian kerana ini melanggar usaha yang dibuat oleh Kementerian untuk memberi rumah atau tempat tinggal kepada orang-orang miskin. Saya tidak faham, tidak tahu mengapa setakat ini Kementerian tidak berusaha untuk menolong penghuni-penghuni rumah pangsa 9 tingkat di Jalan Bendahara, Melaka, tidak menghiraukan kesusahaan mereka. Saya harap satu penjelasan dapat diberikan.

Semasa menjalankan projek-projek pembangunan, saya juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pernah menyatakan bahawa semasa menjalankan projek-projek pembangunan terutamanya di kawasan kampung-kampung baru bahawa ada peruntukan yang telah disalurkan kepada projek-projek pembangunan yang lain. Saya hendak tahu sama ada tambahan ini adalah satu usaha untuk menambah balik jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada projek-projek lain dan kalau boleh untuk menyatakan berapakah jumlah wang peruntukan yang patut diberikan kepada kampung-kampung baru yang telah disalurkan kepada projek-projek lain.

Di sini saya hendak menyatakan bahawa jumlah peruntukan yang diberikan kepada kampung-kampung baru mesti ditambah. Menurut jawapan yang diberikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa sebanyak \$8 juta diberikan untuk pembangunan kampung-kampung baru dan kalau kita buat satu perbandingan, ini bermakna satu . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap di atas dasar itu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya berikan satu contoh mengapa satu tambahan mesti dinaikkan.

Tuan Pengerusi: Kalau contoh. Tetapi itu dasar. Yang boleh diucapkan ialah bagaimana duit yang sebanyak \$1.521 juta ini diperbelanjakan. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendak berucap berkenaan dengan perkara-perkara lain yang patut dan yang tidak patut, itu adalah dasar.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Youlah yang patut resign! Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tuan Pengerusi, yang saya hendak bangkitkan bahawa tambahan sebanyak \$1.5 juta ini patut diberikan perhatian kepada kampung-kampung baru kerana peruntukan yang diberikan sekarang adalah kurang, seperti yang dikatakan tadi hanya \$1.6 juta sahaja satu tahun diberikan untuk kampung-kampung baru dan tambahan lebih mesti diberikan kepada kampung-kampung baru kerana kalau kita bahagikan dari segi penduduk, berapa banyakkah seorang penghuni di kampung baru mendapat peruntukan pembangunan setiap tahun ialah 94 sen seorang penduduk di kampung baru. Saya rasa ini tidak cukup untuk mengadakan sebarang projek pembangunan, untuk 94 sen seorang penghuni di kampung baru, perbandingan yang boleh dibuat kepada peruntukan pembangunan yang diberikan kepada kampung-kampung.

Di sini saya hendak tegaskan bahawa saya bukan menyarankan bahawa peruntukan untuk pembangunan kampung-kampung dikurangkan tetapi bahawa peruntukan pembangunan untuk kampung-kampung baru diberikan layanan yang sama kerana di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelima sebanyak \$1,781 juta telah diberikan untuk pembangunan kampung-kampung tradisional dan berbanding kepada jumlah sebanyak \$8 juta untuk pembangunan kampung-kampung baru, saya rasa itu adalah satu layanan yang tidak adil, tidak saksama dan memberikan satu layanan penghuni-penghuni kampung baru menganggap mereka sebagai "second-class citizen", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Oleh itu, saya harap bahawa pihak Kementerian dapat berusaha untuk penduduk-penduduk di kampung baru dan bukan sahaja berasa puas hati dengan peruntukan sebanyak \$8 juta untuk 5 tahun sahaja dan tidak patut merasa bangga dengan peruntukan sebanyak \$8 juta ini dan saya harap bahawa peruntukan yang dapat diperolehi untuk pembangunan kampung-kampung baru tidak hanya diumumkan pada masa pilihanraya, tidak hanya dijadikan omong-omong kosong sahaja dan hendaklah dijadikan satu kenyataan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab sedikit tentang dua perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, kedua-dua perkara ini tidak termasuk di dalam Maksud P.14, jadi saya ingat tidak payahlah saya menjawabnya.

Tuan Pengerusi: P.14 itu apa dia, cuba beritahu.

Tuan Osu bin Haji Sukam: P.14 cuma yang dimasukkan di dalam P.14 ialah projek-projek pembangunan di kawasan pihak Penguasa Tempatan seperti pembinaan pagar, stesen bas, parit, longkang, jalan dan projek-projek pengindahan. Soal rumah pangsa atau kampung-kampung baru adalah di bawah tajuk yang lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,521,100 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 di

bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,521,100 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,295,000 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,295,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini kita telah putuskan dahulu. Adakah wang \$10.00 ini wang token?

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Ya.

Tuan Pengerusi: Jikalau sekiranya token, kita telah memutuskan iaitu tidak dapat dibahaskan kerana apabila wang ini diperuntukkan kelak baharulah boleh dibahaskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bukannya ini mengenai Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Perlis sebanyak \$25 juta?

Tuan Pengerusi: Kertas Perintah berapa?

Dr Tan Seng Giaw: P.19, Butiran 01000 dan juga 13500.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, ini tidak ada kena-mengena dengan Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Ini hanya mengenai Taman Pertanian Malaysia Baru.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Kepong?

Dr Tan Seng Giaw: Apakah yang dimaksudkan dengan Taman Pertanian Malaysia Baru ini? Adakah peruntukannya lebih daripada \$10.00? Saya ingat lebih itu.

Tuan Pengerusi: Nampaknya benda ini diterangkan sehingga meragukan kita. Sebenarnya, peruntukan tanda iaitu token \$10.00 adalah dikehendaki untuk mewujudkan permohonan itu. Jadi, belum lagi permohonan itu dibuat, hanya diberi kuasa dengan membuat peruntukan token sebanyak \$10.00 dahulu. Apabila dibawa ke dalam Dewan ini kelak sebanyak \$6 juta ataupun beberapa juta lagi, maka bolehlah kita bahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.19 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

Maksud B.20 (Jadual Kedua)—

Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B. 20 dan P.20—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

6.55 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepung): Tuan Pengerusi, B.20, Butiran 040000—Pengalakan Perindustrian, Kemajuan Perindustrian. Wang tambahan peruntukkan ini dibuat bagi menampung perbelanjaan mengurus unit industri kecil di bawah aktiviti kemajuan perindustrian Kementerian. Unit ini telah dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Pertama sekali kita ingin tahu sama ada peruntukan yang diberi kepada unit semasa di bawah Kementerian Pembangunan dan dalam Belanjawan tahun 1989 juga turut serta dipindahkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jika tidak, mengapa. Jika ada, maka berapa banyakkah wang yang telah dipindahkan. Setahu saya Pentadbiran Am di Kementerian Pembangunan menerima peruntukan sebanyak 12,056,900 dalam Belanjawan lepas. Peruntukan ini termasuk perbelanjaan mengurus aktiviti perusahaan kecil. Di sini tidak diterangkan sama ada lebih daripada \$12 juta lebih dipindahkan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menguruskan unit, perindustrian kecil. Ini menunjukkan satu memorandum yang tidak lengkap untuk memberi keterangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini dan satu sikap yang tidak begitu betul memandangkan unit perindustrian kecil ini adalah penting.

Bilangan jawatan dalam Pentadbiran Am di Kementerian Pembangunan adalah 159 orang. Adakah perpindahan kakitangan atau jawatan juga turut berlaku. Difahamkan bahawa unit industri kecil telah merangka satu plan tindakan untuk membangun serta mempertingkatkan industri berkenaan. Masalah-masalah yang menghalang perkembangan industri kecil serta data yang meliputi banci sebanyak 9,122 buah industri kecil telah dilaksanakan. Satu Pasukan Petugas juga dibentuk dengan perwakilan daripada agensi-agensinya utama sektor awam dan kementerian-kementerian yang berkaitan rapat dengan industri kecil serta ahli-ahli persatuan berbagai industri di sektor swasta.

Soalannya ialah mengapakah walaupun dengan adanya unit ini kemajuan yang tercapai dalam usaha memperkembangkan industri kecil masih jarang dikemukakan? Mengapa pada setiap kali statistik mengenai pengeluaran industri kelulusan MIDA, mahupun kemudahan kewangan yang berjaya diperolehi oleh industri-industri kecil selalunya dilonggokkan bersama dengan industri-industri besar dan berat. Keadaan seperti ini tidak memuaskan kerana sungguhpun Kerajaan sekali sekala melaporkan tindakan sedang diambil untuk memajukan industri kecil, tetapi pencapaian usaha-usaha ini tidak pula kedengaran. Lebih-lebih lagi dari segi pembentangan statistik yang dapat menyokong dan membuktikan usaha Kerajaan berkesan ataupun sedang dilaksanakan. Misalannya, kita ingin tahu apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan penggunaan industrial parts, dengan, izin, Tuan Pengerusi, termasuk mesin-mesin yang boleh dikeluarkan oleh industri-industri kecil tempatan.

Kerajaan pula melahirkan hasratnya untuk membantu industri kecil memperoleh bantuan kewangan daripada Tabung Asean-Jepun.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong bercakap atas dasar itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ingin saya bangkitkan di sini, walaupun Kerajaan memindahkan unit industri kecil ini kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya hendak mengetahui sama ada itu satu dasar dibuat untuk memberi bantuan kepada industri-insurti kecil yang ada di Wilayah Persekutuan atau di wilayah-wilayah lain di kawasan-kawasan setingan. Misalnya, Tuan Pengerusi, di Kepong sekarang ini ada lebih 246 industri kecil di dalam kawasan setingan, di mana ada projek pembersihan dan juga projek membangunkan pembangunan di situ, dan adakah dasar Kerajaan untuk memberi pertolongan dan bantuan kepada industri-industri yang terlibat di dalam gerakan membersihkan setingan ini.

Setakat ini saya belum dengar dasar ini ataupun langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan perkara seperti ini kerana walaupun industri-industri kecil yang ada di kawasan-kawasan setingan ini ada yang tidak membayar cukai tanah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mereka memberi sumbangan yang besar kepada industri dan masyarakat di negara ini. Sebab itulah saya berharap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dapat mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah industri kecil yang menjadi setingan di kawasan-kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.02 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menghuraikan satu, dua perkara mengenai peruntukan tambahan sebanyak \$575,200 untuk menampung

Perbelanjaan Mengurus Unit Industri Kecil di bawah Aktiviti Kemajuan Perindustrian.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau dapat memberikan penjelasan secara ringkas tentang apakah fungsi Unit Industri Kecil ini dan bagaimana ia boleh membantu mengatasi banyak masalah yang berhubung-kait dengan pembangunan industri kecil di negara ini. Baru-baru ini Kerajaan telah membuat berbagai-bagai pengumuman dan salah satunya ialah tentang penubuhan satu Pasukan Petugas ataupun Task Force untuk industri-industri kecil dan sederhana di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Saya ingin menanya sama ada perlu untuk mewujudkan sebuah unit yang lain selain daripada menubuhkan sebuah pasukan petugas. Apa yang sebenarnya dikehendaki ialah sebuah lembaga atau pusat untuk industri kecil dan sederhana yang menyerupai HICOM. Saya berpendapat bahawa apa juga program atau rancangan untuk menggalakkan membangunkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana mesti menimbang masalah-masalah yang berikut iaitu masalah berkaitan dengan kekurangan pengetahuan teknik, kekurangan kemudahan infrastruktur untuk industri kecil masalah berkaitan dengan kekurangan kewangan dan juga lain-lain yang ada bersabit dengan pertumbuhan industri kecil di negara kita. Saya rasa itulah yang saya ingin berucap atas perkara ini.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan

terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Bukit Bintang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Di sini saya hendak memberi keterangan dengan ringkasnya mengenai peruntukan perbelanjaan yang terlibat sejumlah \$575,200 ini. Ringkasan peruntukan perbelanjaan mengurus tersebut adalah seperti berikut:

(i) Emolumen	\$371,000.00
(ii) Perkhidmatan dan Bekalan	191,000.00
(iii) Aset	4,200.00
(iv) Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	9,000.00
	<hr/>
JUMLAH . .	\$572,200.00
	<hr/>

Peruntukan-peruntukan tersebut di atas adalah bertujuan mengurus dan mentadbirkan Seksyen Industri Kecil dan Sederhana di Kementerian saya. Di sini saya fikir ini bukanlah masanya untuk saya menerangkan fungsi-fungsi atau tugas-tugas seksyen Industri Kecil dan Sederhana di Kementerian saya ini dan saya harap di dalam perbincangan ke atas Budget kita boleh memberi penjelasan. Mengenai industrial park dan kawasan industri yang sepatutnya dibangunkan di kawasan setinggan, walau bagaimanapun soalan itu adalah penting dan sepatutnya dibahas dengan terperinci tetapi sekarang ini bukanlah masanya untuk membahaskan itu oleh kerana ianya terlibat dasar. Tetapi di sini saya hendak menerangkan sedikit mengenai peruntukan pembangunan sejumlah \$3,916,071.47.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu tidak disentuh tadi, saya rasa.

Dato' Kok Wee Kiat: Kalau Tuan Pengerusi fikir begitu, tidak payah saya beri penjelasan mengenai perkara itu.

Tuan Pengerusi: Jika tidak disentuh, tidak payah dijawab.

Dato' Kok Wee Kiat: Baiklah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah wang sejumlah \$575,200 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$575,200 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,916,100 yang disebutkan dalam Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,916,100 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1989.

Maksud P.21 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989—

Tuan Pengerusi: Maksud Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.21 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,000,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

Maksud B.25 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,490,100 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,490,100 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1989)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas, yang inipun token juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1989.

Maksud B.27 (Jadual Pertama)

Maksud B.27 (Jadual Kedua)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.27 bagi tahun 1988 dan B.27 bagi tahun 1989 di

bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Besut.

6.12 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya pohon izin untuk menyentuh Butiran 010000 di bawah Program/Aktiviti 010400 iaitu Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel (CHOGM) yang mana memohon peruntukan tambahan sebanyak \$3,078,900.

Tuan Pengerusi, CHOGM baru sahaja berakhir. Pada peringkat permulaan kita dengan pujian-pujian, sanjungan-sanjungan dan di dalam Dewan inipun satu dua hari bergema pujian-pujian atas kejayaan yang dicapai oleh negara kita yang menganjurkan CHOGM itu. Baru sekejap kita mendengar Timbalan Menteri Kewangan menyatakan peruntukan sebenar CHOGM ialah \$39 juta lebih, tetapi peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Luar Negeri di sini hanya \$3,078,900. Sudah tentu peruntukan \$39 juta yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi ialah peruntukan-peruntukan yang tidak termasuk peruntukan-peruntukan yang dibelanjakan oleh Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain, termasuk Dewan Bandaraya, Lembaga Pembangunan Langkawi dan lain-lain yang mana telah diarah menyediakan persiapan serta-merta bagi menghadapi persidangan CHOGM ini.

Tuan Pengerusi, saya dapat menyimpulkan bahawa peruntukan yang diperuntukkan sebegitu banyak untuk persidangan ini tidak mendatangkan hasil yang sepatutnya sebagaimana yang diharapkan. Pujian-pujian setakat ini hanya boleh diklasifi-

kasikan kepada dua kejayaan sahaja, iaitu pertama, Ketua-ketua Negara Komanwel memuji layanan Kerajaan Malaysia yang membawa mereka beristirahat di Pulau Langkawi dengan layanan dan sambutan-sambutan yang begitu baik. Yang kedua, ialah Upacara Perasmian CHOGM yang berwarna-warni yang mereka tentulah tidak pernah melihatnya sebelum daripada ini kerana di dalam persidangan-persidangan antarabangsa yang lain, termasuk Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang diadakan di New York tidak diadakan upacara yang berwarna-warni seumpama ini di mana bunga telur, nasi kunyit dan lain-lain diarakkan untuk menunjukkan kebudayaan kita.

Tuan Pengerusi, kegagalan yang nyata daripada persidangan CHOGM itu boleh dibahagikan kepada dua aspek. Yang pertama dari segi politik. Tujuan utama persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel ini ialah untuk memperjuangkan kepentingan manusia sejagat. Dari segi politik, isu-isu penting dibincangkan, dan yang terpenting sekali ialah isu penindasan rakyat Afrika Selatan melalui dasar apartheid yang dilaksanakan oleh Kerajaan yang memerintah negara itu pada masa ini. Memang seluruh rakyat yang memperjuangkan kebebasan manusia pada masa ini di seluruh dunia mengharap persidangan CHOGM ini menghasilkan sesuatu yang bermakna untuk menentang dasar apartheid itu.

Dalam sehari dua yang lalu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita yang mempe- ngerusikan persidangan CHOGM telah membuat kenyataan atau persidangan akhbar (press conference) bagi pihak seluruh ahli-ahli CHOGM dan menyatakan langkah-langkah tindakan sekatan terhadap Kerajaan Afrika Selatan bagi memaksa Kerajaan itu mengubah dasarnya daripada

menekan orang-orang kulit hitam yang majoriti menjadi rakyat dalam negara tersebut tetapi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya dukacitalah hendak menyampuk kerana ucapan Yang Berhormat itu ialah dasar. Mintalah berucap di atas wang yang telah diperuntukkan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuhnya kerana peruntukan sebanyak ini untuk CHOGM tidak mendatangkan hasil yang sepatutnya. Kalau wang negara dibelanjakan dengan begitu banyak, rakyat yang menanggungnya nanti. Cuma saya hendak menyebut dua aspek ini sahaja sebab kita merasa dukacita kerana pada hari ini pun berita dibesar-besarkan atas sikap Kerajaan British, yang mana Perdana Menteri British telah menunjukkan sikapnya yang bertentangan dengan apa yang diharapkan oleh rakyat di seluruh dunia, lebih-lebih lagi rakyat negara-negara yang menyertai CHOGM itu sendiri.

Tuan Pengerusi: Itulah dasarnya.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Jadi, dari segi tafsirannya, apabila Perdana Menteri British membuat persidangan akhbar yang berasingan, ertinya jelas Kerajaan British yang menjadi ahli kepada CHOGM ini, bahkan ahli yang terpenting, tidak mengiktiraf persidangan akhbar dan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri kita bagi pihak CHOGM itu keseluruhannya. Inilah perkara yang sangat mendukacitakan, dan inilah yang boleh kita anggap satu kegagalan yang amat nyata. Kita merasa dukacita kerana kita telah berusaha keras dan membelanja begitu banyak. Bahkan pada masa ini kalau pun kita mendabik dada di sana-sini mengatakan kita telah berjaya menganjurkan CHOGM itu, ini hanya suatu yang pura-pura sahaja.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, kerugiannya, secara ringkas saya hendak simpulkan di sini ialah dari segi pulangan ekonomi. Pemimpin-pemimpin kita sebelum daripada ini pernah mengesa rakyat mengharapakan hasil daripada CHOGM itu. Ada pemimpin-pemimpin kita mengatakan kita nanti boleh memperkenalkan negara kita ke luar negeri dan wakil-wakil daripada negara asing, negara Komanwel khususnya yang datang mungkin kelakny akan mempopularkan negara kita di luar negeri. Dengan cara yang demikian mereka boleh mendorong kemasukan pelancong-pelancong ke negara kita ini, terutama sekali sempena Tahun Melawat Malaysia. Hasil daripada kempen ini maka ramailah rakyat di seluruh negara yang mengharapakan peluang, barangkali dalam masa CHOGM ini dapat mencari rezeki sedikit sebanyak.

Secara bergurau saya hendak sebutkan di sini, Tuan Pengerusi, umpamanya—umpama ini bolehlah keluar sedikit, rakyat di Pantai Timur mengharapakan sekurang-kurangnya rombongan daripada negara-negara Komanwel ini selepas sahaja tamat persidangan CHOGM akan melawat ke seluruh negeri-negeri di Semenanjung, dan juga termasuk ke Sabah dan Sarawak. Dengan cara yang demikian mereka boleh juga berniaga apa sahaja perkara-perkara termasuk kraftangan, kelapa muda dan sebagainya.

Ada orang-orang Pantai Timur mengharapakan bahawa mungkin Ketua-ketua CHOGM ini bila pergi ke Pantai Timur akan menikmati kelapa muda umpamanya. Ada di antaranya rakyat yang mempunyai buruk untuk memanjat pokok kelapa bersedia lebih dari enam bulan mengajar buruk-buruk mereka bersenam setiap pagi untuk bersedia supaya manakala Ketua-ketua CHOGM itu datang nanti, boleh buruk-buruk mereka disuruh panjat kelapa muda dan menjualnya kepada

pelawat-pelawat. Tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan, dukacita kerana semalam kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri menyatakan walaupun dipelawa, tetapi apa boleh buat, Ketua-ketua Negara Komanwel tidak ada yang hendak melawat tempat-tempat lain selain dari pergi ke Langkawi (free), lepas itu kebanyakannya balik, selain daripada yang separuhnya pergi ke Melaka. Apa boleh buat.

Jadi, pada masa ini, saya hendak sebutkan di sini secara bergurau juga, saya minta maaf kepada Tuan Pengerusi, bahawa orang-orang Pantai Timur terutama sekali yang mempunyai buruk-beruk yang menunggu hendak menaiki pokok kelapa, yang telah bersiap begitu lama tunggu, CHOGM tidak datang juga. Jadi, terpaksa mereka sambil menunggu, mengunyah "chewing gum" sahaja, tidak lagi mendapat hasil ekonomi daripada kedatangan Ketua-ketua CHOGM. Jadi, saya hendak gambarkan di sini, simpulkan di sini bahawa kalau pun sekarang ini kita menggembar-gemburkan, membangga-banggakan diri kita bahawa kita berjaya menganjurkan CHOGM ini, sebenarnya bolehlah kita bangga kalau ianya hendak dianggap sebagai satu pesta sahaja, tetapi kalau sebagai persidangan yang sebenarnya, persidangan antarabangsa yang kita harap memberi kesan dari segi tekanan politik dan keuntungan dari segi ekonomi, maka CHOGM itu telah gagal. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Bintang.

6.23 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, mengenai perkara CHOGM, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan tajuk ini. Apa yang saya ingin mendapat tahu dan juga saya rasa orang ramai, oleh sebab itu ialah satu

perkara yang berkepentingan orang ramai dan itu ialah berkenaan dengan berapa banyak kita belanja yang hendak digunakan untuk mengadakan CHOGM ini. Sekiranya pihak Timbalan Menteri yang berkenaan itu tidak dapat memberikan angka-angka pada masa ini, saya harap bahawa ini dapat dijawab pada satu masa kelak memandangkan ini ialah satu perkara berkepentingan orang ramai.

Baru-baru ini banyak telah dilaporkan mengenai hasil CHOGM. Saya tidak bercadang untuk membincangkan perkara ini di sini. Akan tetapi, apa yang saya tahu dan ini dapat ditentukan oleh saya dan juga rakan-rakan saya dari DAP dan itu ialah bahawa CHOGM telah berjaya untuk menaikkan imej Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mungkin ini salah satu sebab di mana mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak mengadakan pilihanraya tidak lama lagi.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh peruntukan sebanyak \$182,700 untuk menampung pembelian tiga buah kereta Kedutaan Malaysia di luar negeri iaitu Consulate General di New York, Kedutaan Besar di Washington dan Baghdad kerana menggantikan kereta-kereta yang telah dilupuskan. Apa yang telah disebut dalam Command Paper ataupun Kertas Perintah 32A ini berkaitan dengan amaun yang telah dibelanjakan untuk membeli tiga buah kereta, maka saya ingin mendapat tahu sama ada ianya kereta Proton Saga. Jika bukan, kenapa kita tidak menggunakan Proton Saga, kerana ini akan memberikan pendedahan terlebih besar kepada kereta buatan Malaysia. Sekian.

Tuan Pengerusi: Kementerian Luar Negeri menjawab.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat

Menteri Luar Negeri, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menghulur ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Besut sekejap tadi membangkitkan soal CHOGM di mana beliau menyatakan bahawa dari segi keuntungan kepada negara tidaklah sebegitu. Maka saya suka nyatakan kepada Yang Berhormat itu bahawa dengan adanya, dengan terlaksananya CHOGM di Kuala Lumpur bermula dari 18hb hingga 24 Oktober ini maka imej negara telah begitu meningkat. Dan ini bukan sahaja dizahirkan oleh penganjur-penganjur yang terkenal tetapi juga oleh mereka yang memahami banyak kepentingan dari segi imej negara itu sememangnya diperlukan, lebih-lebih lagi pada masa sekarang ini.

Soal yang kedua yang saya suka bangkitkan ialah dari sudut pelancongan. Pembesar-pembesar negara atau Ketua-ketua negara asing yang menghadiri CHOGM ini sudah tentu akan pulang ke negara masing-masing dan susulan dari kehadiran mereka ini sudah tentu akan tibanya pula pelawat-pelawat yang lain daripada negara mereka, untuk melancong ke negara kita ini. Pelancongan merupakan sesuatu yang amat penting bagi kita. Ianya dapat dan berpotensi mempertingkatkan ekonomi negara kita. Pelancongan adalah salah satu daripada cara yang boleh membawa kepada prestasi ekonomi negara yang diidam-idamkan.

Saya juga ingin membangkitkan soal berhubung dengan environment. Adakah soal environment itu tidak penting. Soal ini dibincangkan dalam persidangan CHOGM. Jadi, banyak lagi perkara-perkara lain yang dibangkitkan dan dibahaskan dalam perbincangan yang begitu bermakna.

Saya merasa bahawa ianya akan memberi faedah yang amat besar kepada negara ini, lebih-lebih lagi negara kita pada hari ini merupakan sebuah negara yang membangun yang mana kita, kalau boleh, ingin menjadikannya sebuah negara yang maju satu hari nanti.

Berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya merasa bahawa kenyataan beliau itu juga tidak benar-benar menepati apa yang berlaku pada hari ini. Saya berharap beliau janganlah bercakap politik kerana kita pada hari ini benar-benar mementingkan taraf ekonomi rakyat negara kita. Adakah patut sesuatu yang perlu kita laksanakan untuk meningkatkan taraf ekonomi rakyat kita dipertikai? Satu-satunya jalan ialah dengan mengadakan CHOGM yang semacam ini. Kita jangan perhitungkan berapa banyak kita membelanjakan pada masa ini, tetapi kita perlu fikirkan pulangan yang kita akan perolehi dari masa ke semasa. Pulangan ini mungkin akan mengambil masa dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun, sepuluh tahun, seribu tahun. Inilah perjuangan kita, perjuangan Barisan Nasional, bukan perjuangan parti Pembangkang (*Tepuk*). Jadi, saya ucapkan terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli dari Kepong bangun. Timbalan Menteri sudah duduk. Baiklah.

Dr Tan Seng Giaw: Semasa saya berdiri, dia belum duduk.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi sekarang dia sudah duduk. (*Ketawa*) Ahli-ahli Yang Berhormat, kita habiskan soal ini dahulu. Masalah bahawa wang sejumlah \$10,229,700 dan \$3,261,600 untuk Kepala B.27 bagi tahun 1988 dan B.27 untuk tahun 1989 jadi sebahagian daripada Jadual, hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,229,700 untuk Maksud B.27 diperuntukkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$3,261,600 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.